

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 27

Isnin

18 Jun 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2012 (Halaman 25)

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 (Halaman 57)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 123)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

■ Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Berhubung PATI Di Sabah
– *Y.B. Datuk Chua Soon Bui (Tawau)* (Halaman 123)

■ Polis Gerakan Marin dan Polis Gerakan Am
– *Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)* (Halaman 125)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 18 Jun 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hala tuju atau arah baru dalam usaha mentransformasikan Dasar Pelajaran Negara. Apakah sebab-sebabnya transformasi ini diperlukan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin dengan usaha yang telah pun diambil oleh kementerian saya dalam hendak melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara. Justeru itu izinkan saya menjawab secara serentak dua pertanyaan lisan yang menyentuh secara langsung usaha tersebut iaitu daripada Yang Berhormat Tebrau hari ini dan Yang Berhormat Sik pada 27 Jun 2012.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Sebagaimana yang telah saya perelaskan kepada Dewan yang mulia ini pada 15 Mac 2012 yang lalu beberapa tindakan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memastikan penilaian di atas sistem pendidikan negara dapat dilakukan mengikut perancangan yang ditetapkan. Di kesempatan kali ini, saya akan memperjelaskan status terkini pelaksanaan penilaian semula sistem pendidikan dan sekali gus menjawab persoalan-persoalan yang telah pun dibangkitkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fasa pertama kajian penilaian pendidikan telah merumuskan bahawa sistem pendidikan yang sedang berlangsung sekarang masih relevan dari segi akses ekuiti dan kualiti pendidikan itu sendiri. Namun hasil diagnostik dan kajian awal penilaian mendapati masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi persediaan negara menghadapi cabaran abad ke-21.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, inilah sebenarnya usaha yang wajar dilaksanakan agar ia dapat diselaraskan dengan transformasi kerajaan yang lain dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Selain daripada itu, hasil kajian awal juga merumuskan bahawa sembilan bidang keutamaan iaitu guru, kepimpinan sekolah, kualiti sekolah, kurikulum dan penaksiran, *proficiency* pelbagai bahasa, peluang lepas menengah, ibu bapa dan komuniti, kecekapan dan keberkesanan sumber dan kapasiti serta kemampuan

penyampaian organisasi diberikan penumpuan dan penelitian yang mendalam. Justeru dalam mengerakkan usaha-usaha berkenaan Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mengenal pasti beberapa kaedah dan pendekatan bagi mendapatkan input serta maklum balas untuk memastikan hala tuju pendidikan di masa hadapan yang lebih baik dan berkesan dan ini bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, kreatif, inovatif, berketerampilan, mempunyai nilai murni dan jati diri yang tinggi serta menghargai keharmonian dan kemakmuran yang dinikmati selama ini.

Sebagai langkah awal dalam mengumpulkan maklumat, Dialog Pendidikan Nasional telah pun dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat, ini bertujuan untuk menyediakan suatu wadah perkongsian maklumat dan lontaran pandangan semua lapisan masyarakat yang akan dijadikan input dan panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menyediakan hala tuju yang baru. Untuk makluman Yang Berhormat Sik, sehingga kini sebanyak lapan siri dialog telah pun berjaya dilaksanakan dengan melibatkan seramai 8415 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang pendidikan termasuk wakil daripada bidang-bidang keagamaan. Namun masih ada ruang dan peluang bagi mereka yang masih belum dapat menyumbang menerusi dialog tersebut, masih terdapat lima siri dialog yang akan berlangsung sehingga pertengahan Julai 2012.

Oleh itu, saya menyeru semua pihak agar dapat memanfaatkan peluang yang masih ada ini untuk bersama-sama memberikan input dan pandangan demi masa depan sistem pendidikan negara. Berdasarkan dapatan awal tersebut, bolehlah dikatakan bahawa bidang profesionalisme perguruan dan aspirasi rakyat terhadap sistem pendidikan dan 'kemenjadian' murid menjadi fokus utama yang perlu diberikan perhatian dalam transformasi pendidikan ini. Tuan Yang di-Pertua, di samping dialog pendidikan yang dilaksanakan sebagai usaha penglibatan masyarakat ataupun *public engagement* secara terbuka, sesi perbincangan meja bulat bersama kumpulan-kumpulan berfokus dan berkepentingan dalam sistem pendidikan juga diadakan.

■1010

Dalam konteks ini, sebanyak tujuh perbincangan meja bulat telah dilaksanakan mulai bulan April 2012 mengikut kumpulan tertentu seperti penggerak masyarakat, ahli akademik, tokoh dan pemimpin masyarakat termasuklah daripada kalangan orang kelainan upaya (OKU). Isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi tersebut kebanyakannya menyentuh persoalan yang hampir sama seperti yang dibincangkan dalam siri dialog nasional seperti kualiti guru, sistem pendidikan, kurikulum dan pentaksiran, kualiti sekolah, kepimpinan sekolah, penekanan pada nilai dan disiplin murid, penglibatan ibu bapa dan pendidikan yang bebas daripada campur tangan politik. Masih terdapat lapan sesi perbincangan meja bulat ini yang dijangka dapat diselesaikan pada pertengahan bulan Julai 2012.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara-perkara yang menjadi topik popular dalam lapan siri dialog dan tujuh perbincangan meja bulat yang telah pun dijalankan setakat ini,

Kementerian Pelajaran mendapati bahawa 27% responden menyentuh tentang aspek profesionalisme perguruan, kebajikan dan kemahiran pengajaran guru. Sementara itu, 14% menyentuh tentang aspirasi sistem pendidikan dan pembangunan modal insan yang lebih menyeluruh. 12% mengenai kualiti sekolah, 11% kepimpinan sekolah, 10% kurikulum dan pentaksiran, 9% mengenai peranan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta, 7% kapasiti dan keupayaan sistem penyampaian, 5% kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber, 3% *proficiency* pelbagai bahasa dan 1% peluang lepasan menengah.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pertubuhan, persatuan, kesatuan, kumpulan komuniti dan NGO yang telah pun menghantar 22 memorandum yang mengandungi pandangan, resolusi dan cadangan yang kesemuanya sangat bernilai dengan hasrat murni untuk sama-sama menyumbang kepada penambahbaikan sistem pendidikan negara. Tuan Yang di-Pertua, setelah semua maklumat dapat dikumpul, dinilai dan dirumuskan, maka satu laporan akhir akan disediakan. Laporan ini akan menjadi input penting dalam menentukan hala tuju pendidikan yang baru ataupun *blueprint* pendidikan yang seterusnya dibentangkan semula kepada rakyat pada tempoh masa yang akan dimaklumkan untuk mendapatkan maklum balas akhir masyarakat. Seterusnya, *blueprint* pendidikan yang telah dimurnikan, akan dibentangkan kepada Kabinet untuk diluluskan dan dilaksanakan.

Adalah diharapkan laporan hala tuju pendidikan yang komprehensif dan bersepadu yang dihasilkan ini, akan dapat merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik serta memenuhi *expectancy* dan ekspresi rakyat. Proses yang dilakukan ini bukan terhenti setakat ini sahaja tetapi apabila selesai pembinaan hala tuju pendidikan yang baru, kementerian akan menyediakan pula pelan tindakan yang bersesuaian. Inilah bertujuan untuk menterjemahkan hasrat hala tuju pendidikan berkenaan dalam bentuk inisiatif-inisiatif yang baru.

Sesungguhnya, apa yang dilaksanakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara, amat memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosioekonomi, pendidikan, agama dan bangsa. Apa yang lebih penting ialah untuk memastikan sistem ini mampu melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara tanpa membelakangkan prinsip-prinsip Rukun Negara. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pelajaran, khususnya kepada kementerian dan kerajaan atas segala usaha kementerian untuk meningkatkan prestasi sistem pelajaran negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jawapan terperinci yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran yang telah memberikan satu harapan masa hadapan yang lebih cerah kepada semua anak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan sering kali heboh diperkatakan dan dibangkitkan sehingga keperluan kementerian pun dipersoalkan. Saya hendak tahu apakah kaedah-kaedah unjuran tentang kemahiran guru yang kini dipakai, dilihat dan dikaji semula supaya unjuran yang disediakan kelak menemui keperluan yang sebenarnya? Apakah persiapan yang dibuat untuk memastikan tenaga pengajar untuk menampung keperluan apabila enrolmen untuk pelajar vokasional dan latihan vokasional mencapai 20% daripada jumlah keperluan pelajaran negara? Adakah prinsip meliberalisasikan pelajaran terus diamalkan termasuk membenarkan penubuhan sekolah baru bagi sekolah menengah swasta dan juga sekolah rendah vernakular apabila wujud keperluannya? Minta penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tambahan tadi. Soalan yang disebutkan pertama tadi ialah soal guru dan juga unjuran ataupun kaedah yang digunakan untuk kita mendapat guru-guru yang mencukupi dan juga terlatih untuk menentukan proses pembelajaran dan pengajaran itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi. Memang ini satu daripada perkara penting sebenarnya. Saya telah memberikan beberapa arahan pada peringkat pegawai di peringkat kementerian untuk melihat cara bagaimana proses sebagai contoh pengambilan guru dapat kita lakukan berdasarkan kepada unjuran bilangan pelajar-pelajar yang bertambah dan sekolah-sekolah baru dan sekolah-sekolah yang sedia ada yang telah pun kita laksanakan selama ini.

Demikian juga yang amat penting di antara lain ialah tentang apa yang kita sebutkan sebagai bidang pengkhususan ataupun opsyen guru-guru yang berkenaan supaya mereka ini dapat menyampaikan segala mata pelajaran itu mengikut bidang kemahiran mereka sendiri. Di sini kita dapati ada beberapa masalah dan kekangan yang menyebabkan sebagai contoh, walaupun bilangan guru mencukupi tetapi bidang opsyen yang mereka ajar mungkin tidaklah berdasarkan opsyen latihan yang mereka jalani. Contohnya saya sebutkan dalam soal mata pelajaran Bahasa Inggeris, kita memerlukan guru-guru yang pakar bahasa Inggeris. Bilangan guru yang dikatakan pakar dan opsyen Bahasa Inggeris itu, memang mencukupi. Akan tetapi disebabkan oleh masalah-masalah pentadbiran, pertukaran dan sebagainya, kadang-kadang guru-guru yang sepatutnya mengajar Bahasa Inggeris tidak dapat mengajarnya di sekolah itu sudah sedia ada bilangan guru bahasa Inggeris, maka guru itu mengajar mata pelajaran yang lain.

Jadi, ini berbangkit dan bukan baru. Sudah sekian lama. Jadi, kita hendak cari jalan bagaimana hendak merasionalisasikan supaya kemahiran-kemahiran tertentu yang ada pada guru itu dapatlah dilaksanakan mengikut kemahiran masing-masing. Jadi, soal yang berkaitan dengan kekurangan guru ini adalah soal-soal isu pentadbiran yang kerap berlaku dan kita cuba hendak mencari jalan untuk mengurangkan masalah itu. Sebagai contoh, kita tahu setiap tahun berapakah bilangan guru yang akan bersara kerana Kementerian Pelajaran mempunyai sejumlah hampir 500,000 orang guru. Jadi, setiap tahun ada bilangan yang akan bersara dan penggantian itu dibuat

berdasarkan latihan yang kita buat untuk memilih guru-guru baru. Apabila mereka telah selesai, keluar daripada institut perguruan, maka mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah di mana berlaku kekurangan. Jadi ada isu-isu yang perlu kita tangani untuk mengurangkan masalah itu. Jadi ini sedang kita ambil untuk mengatasinya dari segi jangka panjang.

■1020

Soal yang kedua ialah soal persiapan untuk tenaga guru untuk sekolah-sekolah vokasional. Ini satu bidang yang memang saya sendiri berpendapat amat penting kerana dalam proses transformasi negara kita, kita memerlukan tenaga-tenaga yang lebih mahir terutamanya separa mahir di kalangan anak-anak kita yang ada dalam sistem persekolahan. Jadi saya juga telah pun mengumumkan kita perlu meningkatkan sekali ganda lagi bilangan pelajar-pelajar yang mengambil bidang vokasional. Sekarang ini hanya lebih kurang 10% sahaja. Ini tidak mencukupi. Di banyak negara sampai 40% hingga 50% kerana bidang-bidang ini ialah bidang kemahiran.

Jadi oleh sebab itu kita sudah pun ada program transformasi sekolah vokasional di mana pertama kita mengambil kira tentang kurikulum pembelajaran vokasional di sekolah, malahan memperkenalkan apa yang kita sebutkan mata pelajaran Vokasional di peringkat awal di Tingkatan Satu secara percubaan mulai tahun ini dan di samping itu kita hendak memperkenalkan bidang-bidang mata pelajaran yang dianggap sesuai dari segi keperluan pasaran dan sebagainya. Untuk itu, kita perlu meningkatkan bilangan *instructors* yang lebih pakar dan mahir. Jadi dengan keadaan begini kita harap dan kita dapat menyediakan sejumlah tenaga kerja terlatih yang lebih ramai lagi. Untuk itu kita bekerja rapat dengan sektor industri. Kita tahu sektor industrilah yang akan mengambil mereka ini sebagai pekerja-pekerja dan kemahiran yang hendak kita sediakan ialah bergantung kepada keperluan sektor industri tadi.

Soal yang ketiga soal liberalisasi pelajaran untuk sekolah-sekolah menengah. Kita sudah ada dasar-dasar kita tentang sekolah-sekolah seperti sekolah-sekolah persendirian, sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan juga sekolah-sekolah untuk ekspatriat. Ini sudah pun jelas sedia ada dan kalau sekiranya sesuatu pihak berminat untuk memperluaskan bidang itu, maka asalkan mereka dapat mematuhi segala syarat dan kriteria yang kita tetapkan sebagai contoh dari segi soal sekolah swasta ada mata pelajaran-mata pelajaran yang dikatakan *core*, mata pelajaran subjek yang utama, maka mereka perlu ikut dan kalau mereka dapat mematuhi, ia tidak menjadi masalah.

Memang pun pada hari ini sebagaimana yang kita tahu, sektor pendidikan sudah pun kita meliberalisasikan selaras dengan kehendak kita untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan. Ini wajar kita laksanakan dan kita mahu supaya bukan sahaja kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya dalam penyediaan kemudahan-kemudahan pelajaran tetapi juga sektor swasta. Saya lihat dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini memang pun ramai sektor swasta dalam negara dan juga luar negara yang mengambil peluang dasar kita ini untuk membangunkan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang setuju kita mesti menekankan sekolah vokasional yang berkualiti di negara ini dan saya berharap ini akan dibuat. Di sini adakah pihak kementerian akan memperbetulkan keadaan-keadaan wujud sebelum kita tunggu laporan kajian ini, *blueprint* ini dikeluarkan, sebelum dia dikeluarkan, apakah tindakan yang boleh diambil seperti saya bangkitkan di sini juga yang tiga empat tahun yang dahulu pun Yang Amat Berhormat jawab saya waktu itu bahawa masalah perguruan yang beratus ribu ini akan dengan beransur diselesaikan.

Saya bagi satu contoh lagi, kerana tiap-tiap tahun ada 500 guru yang bersara. Misalnya di Sekolah Menengah Subang Jaya sekarang itu di *Form 3 Gigih*, kelas Tingkatan 3 Gigih, iaitu satu guru matematik sudah berasa pada 15 April tahun ini dan sampai sekarang guru matematik tidak dapat diadakan. Ini masalah kerana begitu ramai yang sudah bersara.

Dengan ini saya berharap Yang Amat Berhormat dapat menjawab kita di dalam sembilan bidang yang sudah pun kita kaji dengan dialog dan saya rasa memang kita mesti ada dialog, kita memang mesti ada forum dan juga meja bulat dan sebagainya, memang penting. Akan tetapi sementara itu, apakah hendak kita buat? Ini kerana kalau Yang Amat Berhormat ingat, pada itu Laporan Mahathir dahulu pun ada masalah guru yang ditimbulkan di dalam laporan itu tetapi kemudian lebih 20 tahun pun kita tidak dapat selesaikan. Apakah yang akan dibuat? Ini termasuklah sekolah-sekolah persendirian yang sudah pun disebutkan tadi. Misalnya mengapa masih wujud masalah sekolah menengah persendirian di Kuantan kalau dasar yang disebutkan tadi pun dilaksanakan? Ini kerana dasar utama, iaitu kurikulum utama kalau mereka boleh mematuhi, apakah masalah yang ditimbulkan di Kuantan sekarang?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu soal kekurangan guru ini memang lumrah berlakulah, saya akui, dan itu juga yang biasa kita bincangkan selalu di peringkat kementerian, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Walaupun saya akui juga di lain-lain agensi dan jabatan masalah yang sama pun timbul, tetapi kerana saiz kementerian kita ini besar, bilangan tenaga guru adalah agak ramai, lebih satu pertiga daripada perkhidmatan awam adalah dalam Kementerian Pelajaran, maka ia memerlukan kita melihat bagaimana kita hendak menguruskan masalah ini supaya walaupun soal kekurangan itu tidak mungkin dapat diatasi seratus peratus, tetapi macam Yang Berhormat sebutkan tadi, contoh Sekolah Menengah Subang Jaya kah apa, bila ada kekosongan seorang guru sama ada dia sudah bersara ataupun dia sakit pun kadang-kadang menimbulkan masalah ataupun yang bersalin hendak mengisinya dengan guru ganti pun isunya berbangkit, maka kita hendak tengok bagaimana cara hal sebegitu berlaku.

Ini berbalik pada soal pengurusan dan pentadbiran tentang pengambilan guru, penempatan guru, lepas itu juga kita menghadapi masalah Tuan Yang di-Pertua, contohnya kerana guru ini biasanya dia dekat dengan masyarakat dan dia tinggal di situ sudah sekian lama, sudah bersuami atau sudah beristeri, beranak-pinak, kadang-kadang kita memerlukan pertukaran

berlaku, *transfer*, penempatan semula di tempat-tempat di mana kekurangan tadi berlaku, jadi kita menghadapi masalah. Saya kena akui dalam Parlimen ini, kita menghadapi masalah bila kita keluarkan arahan untuk perpindahan, ada rayuan-rayuan, kadang-kadang orang politik pun datang bagi dengan surat sokongan janganlah pindahkan mereka ini kerana dia diperlukan dan sebagainya. Jadi kita menghadapi masalah-masalah praktikal sebegini.

Kalau katakan yang si isteri kata hendak bertukar, dia mengambil kira soal faktor sosial, keluarga, rumah tangga, suami. Tuan Yang di-Pertua pun pernah bangkit juga soal guru di kawasan Tuan Yang di-Pertua. Jadi soal-soal sebegini timbul menyebabkan kita tidak dapat hendak memenuhi tuntutan yang sebenarnya. Jadi isu kemanusiaan itu berbangkit menyebabkan ada lah masalah dari segi hendak melaksanakan cara lebih cekap.

Jadi saya hendak sebutkan di sini, memang isu ini saya faham dan kita hendak cari jalan bagaimana untuk kita selesaikan dari segi jangka panjangnya. Ini memerlukan kita melihat balik, saya percaya mungkin dengan adanya kajian semula yang juga antara sembilan perkara tadi Yang Berhormat, ia melibatkan soal organisasi di peringkat pentadbiran pendidikan itu sendiri, bagaimana kita hendak laksanakan supaya isu-isu yang ditimbulkan tadi dapat kita atasi, *insya-Allah*.

2. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan sedia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberikan hak kepada SPRM atau badan lain untuk menuduh seseorang untuk sebarang jenayah rasuah atau lain dan sekiranya tidak, kenapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memulakan pendakwaan bagi kes rasuah secara penuh tanpa perlu merujuk Peguam Negara kerana dalam menjalankan penyiasatan dan pendakwaan, perlu ada *check and balance*. Sekiranya agensi penyiasatan iaitu dalam hal ini SPRM diberi kuasa untuk membuat keputusan mendakwa, maka tidak wujud satu usaha pemikiran yang bebas, dengan izin, *independent of mind* dalam pertimbangan fakta dan keterangan sesuatu kes secara objektif.

■1030

Ini juga adalah bertentangan dengan prinsip keadilan asasi dengan izin *natural justice* iaitu dengan izin *a man should not be a judge in his own cause* kerana Ketua Pesuruhjaya SPRM dan pegawai SPRM menjalankan kuasa siasatan mengikut seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 iaitu Akta 694.

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa yang mutlak kepada Peguam Negara di bawah fasal 3 Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi

sesuatu kesalahan selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera. Di mana-mana negara pun kuasa untuk membuat pertuduhan dan pendakwaan adalah terletak hak kepada Peguam Negara ataupun pendakwa raya yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan.

Selanjutnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan di SPRM merupakan Timbalan Pendakwa Raya yang dilantik oleh pendakwa raya di bawah subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah iaitu Akta 593 dan diberi kuasa untuk membuat keputusan untuk menjalankan pendakwaan atau sebaliknya bagi kes-kes yang disiasat oleh SPRM. Akan tetapi hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan pendakwa raya. Untuk makluman semua keputusan yang dibuat oleh bahagian perundangan dan pendakwaan SPRM akan disemak oleh panel penilaian operasi yang ditubuhkan di bawah SPRM.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan tersebut. Saya cukup setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa apa yang diperlukan di dalam sistem khususnya sistem *prosecution* ataupun pendakwaan adalah satu keadaan di mana wujudnya *independence of mind*. Juga seperti mana yang disebutkan tadi bahawa *man should not be a judge in his own cause*.

Itu menjadi soalan yang berbangkit Yang Berhormat Menteri. Di dalam hal kita memberikan kuasa mutlak kepada seseorang individu iaitu seperti mana Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan, *Article* 145 kepada peguam negara. Soalan saya adalah ini, apakah yang berlaku apabila kita dapat menunjukkan bahawa peguam negara ini memang tidak mempunyai *independence of mind*?

Misalnya saya beri contoh misalnya delegasi di buat terhadap peguam negara sendiri. Bila terdapat aduan daripada pegawai-pegawai SPRM bahawa yang menghalang pendakwaan atau yang melambatkan pendakwaan tersebut adalah peguam negara sendiri. Ini saya dapat petik daripada satu kenyataan daripada *Deputy Commissioner* daripada SPRM, Mohd Shukri Abdul baru-baru ini pada 30 Mac di mana beliau menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua bahawa banyak kes yang telah pun disiasat dan telah pun dihantar kepada Jabatan Peguam Negara tetapi tidak ada sebarang tindakan. Malahan kes-kes tersebut sekian lama digelapkan dan disenyapkan. So, itu menjadi persoalan yang timbul.

Di dalam negara ini saya rasa kepada semua Ahli Yang Berhormat yang hadir ini kita semua tahu sama ada benar ataupun tidak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu isu lain Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi soalnya apa-apa aduan yang dibuat oleh seorang bekas pegawai polis Tuan Mat Zain Ibrahim di mana beliau dengan sendiri menyatakan bahawa Peguam Negara, Tan Sri Ghani Patail memang terlibat dalam isu menggelapkan kes-kes rasuah terhadap bekas ketua Menteri Melaka Tan Sri

Rahim Tamby Chik. Surat-surat dikemukakan di mana pegawai tersebut juga menyatakan bahawa beliau sudi hadir untuk memberi keterangan berkenaan perkara ini. Akan tetapi masalah dia kuasa pendakwaan itu terletak di tangan orang yang sekarang aduan tersebut dibuat terhadapnya.

So, bagaimana kita hendak mewujudkan satu seperti mana Menteri menyatakan tadi *independence of mind* seperti mana Yang Berhormat Menteri katakan *a man should not be a judge in his own cause*. Baru-baru ini sama ada benar ataupun tidak Tuan Yang di-Pertua sekali lagi isu berkenaan dengan kes *Scorpene*. Kes *Scorpene* yang berbangkit. Kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua. Sama ada benar ataupun tidak tetapi isu dia orang rakyat Malaysia sekarang tidak mempunyai *confident*, tidak mempunyai – *we have no confident in the system* sehingga badan di Malaysia NGO Suarang. [Dewan riu] Tunggu-tunggu, perlu pergi ke Paris untuk minta satu siasatan oleh kerana dikatakan bahawa orang yang terlibat itu memang ada kaitan dengan peguam negara.

So, isu yang berbangkit. Saya rasa ini penting kepada kita semua sebagai Ahli Yang Berhormat, tugas kita untuk membangkitkan hal-hal sebegini di Parlimen. Apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa apa yang disebutkan tadi *independence of mind* tersebut memang wujud dan memang terdapat satu sistem di mana boleh dikawal apabila kita buat aduan berkenaan dengan *independence of the Attorney General*, kita ini aduan tersebut harus dibuat ke mana Tuan Yang di-Pertua? Ini menjadi soalan saya. Oleh itu kita lihat negara-negara Yang Berhormat Menteri yang sekarang maju ke arah di mana *there is decentralization* dengan izin..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat, cukup.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu menjadi persoalan saya. Bagaimana kita sebagai satu negara yang maju ke depan boleh mewujudkan sesuatu sistem yang juga meyakinkan dan *guarantees* dengan izin *independence of mind in prosecution*. Itu soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Puchong. Pertamanya kita mesti faham iaitu *Attorney General* (AG) dengan izin sebagai seorang individu dan *Attorney General Chambers* (AGC) sebagai satu institusi.

Kalau sekiranya sesuatu perkara itu berlaku dan secara tidak langsung *Attorney General* secara individu adalah terlibat dan dia tidak boleh memberikan kuasa mendakwa kerana secara tidak langsung dia terlibat. Maka kita mempunyai pendakwa-pendakwa yang lain kerana *Attorney General* itu dia bukan seorang sahaja. *Attorney General* juga merupakan *Attorney General Chambers* (AGC) dan dia mempunyai pendakwa-pendakwa yang lain yang boleh mendakwa. Itu pertama.

Keduanya kalau pertuduhan dibuat terhadap *Attorney General* sendiri secara individu dan sudah tentu dia tidak boleh didakwa oleh mereka yang bekerja di bawah dia kerana sudah tentu agak sukar seorang *subordinate* untuk menjalankan pendakwaan di mana *Attorney General* itu dituduh dalam sesuatu hal.

Maka dalam hal ini, Perlembagaan membolehkan *fiat* diberikan kepada mana-mana individu yang lain sama ada *practice in lawyer* untuk melakukan pendakwaan kalau sekiranya ada kes yang disabitkan terhadap AG itu secara individu. Itu pertama.

Keduanya Yang Berhormat bangkit bahawa ada perkara-perkara yang seperti di dakwa oleh Timbalan *Commissioner* SPRM yang mengatakan banyak kes sengaja –banyak kes ini lambat ataupun dipengap. Untuk makluman saya telah sebut di dalam jawapan saya yang terakhir tadi iaitu semua keputusan yang dibuat oleh bahagian perundangan dan pendakwaan SPRM ianya akan disemak oleh panel penilaian operasi yang ditubuhkan di bawah SPRM.

Bermaknanya kalau sekiranya berlaku secara sengaja sesuatu kes itu tidak didakwa dan dilambatkan ataupun dipengap maka perkara itu boleh dihalakan kepada panel penilaian operasi yang telah pun kita tubuh di bawah SPRM akta pada tahun 2009.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan juga dengan kuasa yang menentukan sebenarnya untuk membuat pendakwaan di bawah SPRM. Oleh kerana ramai juga di kalangan pemimpin-pemimpin politik sama ada pembangkang dan juga pemimpin kerajaan sebagaimana ada tuduhan dan pengakuan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan mengatakan memang benar beliau telah menerima atau ditaja untuk pergi umrah. Cuma dengan alasan umrah dan haji, cuma alasannya tidak tahu ketika itu adalah merupakan satu kesalahan kerana Penasihat Undang-undang Negeri tidak menegur dan memberitahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan adakah itu kesalahan.

■1040

Apakah kuasa sebenarnya yang boleh menentukan sesuatu kes itu boleh didakwa sama ada di peringkat pegawai pendakwaan seperti mana Yang Berhormat Menteri? Adakah satu ketika nanti Panel Penilaian Operasi ini berhak menentukan tuduhan boleh dilakukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan tersebut?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya sesuatu kes itu dianggap tidak perlu didakwa dan seperti mana yang telah disebut sebentar tadi iaitu sememangnya Panel Penilaian Operasi yang dibentuk di bawah SPRM ini, mereka berhak untuk menilai semula dan meminta supaya kes yang tertentu yang telah ditarik balik itu perlu dibuat pendakwaan. Memang panel boleh.

Keduanya dalam kes Menteri Besar Kelantan. Kalau dia mengatakan itu bahawa sememangnya dia telah ditawarkan dan dia tidak mengambil opsi itu, kalau sekiranya siapa yang perlu didakwa saya kira orang yang menawarkan itu patut didakwa kerana Menteri Besar itu sudah

pun menyatakan bahawa dia telah ditawarkan dan dia tidak ambil opsyen itu. Kalau sekiranya perlu pendakwaan, saya kira orang yang mendakwa itu yang perlu didakwa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh soalan ketiga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

[Soalan No.3 – Yang Berhormat Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) tidak hadir]

4. Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan apakah jenis pembangunan semula yang telah dirancang untuk perumahan kos rendah di Bandar Tun Razak yang melibatkan pangsapuri Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas serta syarikat manakah yang terlibat dengan projek pembangunan ini.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak, sebenarnya cadangan pembangunan yang dirancang ke atas tapak perumahan rumah kos rendah di Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan juga Taman Ikan Emas Bandar Tun Razak merupakan projek pembangunan perumahan rakyat berkualiti dalam konsep pembangunan semula bandar.

Projek ini melibatkan 5,668 unit rumah pangsa kos rendah yang pada masa ini adalah satu ataupun dua bilik tidur di atas tapak perumahan seluas 132.2 ekar milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tujuan pembangunan semula ialah seperti berikut:

- (i) membangunkan semula perumahan awam yang uzur, usang dan tidak berkembang;
- (ii) menyediakan kawasan kediaman bereka bentuk moden; dan
- (iii) menyediakan kediaman berkualiti dilengkapi kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

Majlis Ekonomi Negara Bilangan 12/2011 pada 28 Mac 2011 telah bersetuju supaya cadangan pembangunan semula di atas tapak rumah kos rendah Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas di Bandar Tun Razak Kuala Lumpur dibangunkan oleh Syarikat *Tradewinds Corporation* dengan kerjasama SP Setia Berhad.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ramai mereka-mereka yang mempunyai pangsapuri ini ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah penerangan-penerangan yang telah diberikan kepada mereka? Kedua, apa pembayaran-pembayaran yang akan diberikan dan cadangan-cadangan yang menentukan yang mereka ini mendapat pampasan yang sesuai dan juga penempatan-penempatan mereka masa depan? Bilakah perkara-perkara ini akan diterangkan kepada masyarakat di sana?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kita telah membuat beberapa perjumpaan dengan penduduk dan juga wakil-wakil penduduk untuk menerangkan apa yang ditawarkan oleh pihak yang dilantik oleh kerajaan kepada penduduk di sana. Lebih kurang enam kali kita telah berjumpa di mana saya sendiri terlibat pada 27 April 2012. Penerangan-penerangan yang telah diberi adalah kelompok-kelompok yang terlibat kepada semua kawasan ini terdiri daripada dua kelompok yang khusus. Satu adalah penyewa-penyewa yang jumlah dia lebih kurang 4,000 lebih saya tidak dapat *exact figure* nya tetapi yang telah membeli iaitu sebelum ini adalah jumlahnya 4,810 – ada yang golongan menyewa, 858 adalah golongan yang telah membeli unit pada masa-masa yang lepas. Jadi, pemindahan akan dibuat secara berperingkat-peringkat dan dibuat secara in-situ makna mereka tidak perlu berpindah di kawasan-kawasan lain.

Unit-unit yang telah dicadangkan kepada golongan ini adalah pada masa ini bersaiz 720 kaki persegi dengan tiga bilik dan hanya kita hendak samakan permintaan daripada kedua-dua pihak. Golongan yang menyewa ini pun mereka hendak membeli dan kita pun telah berbincang dan secara prinsipnya mereka bersetuju cadangan kerajaan untuk kita menjual kepada pihak ini dengan harga yang asal iaitu harga asal yang dibeli oleh pihak yang sudah beli ini iaitu lebih kurang dalam lingkungan antara RM21,000 hingga RM28,000.

Pihak yang telah membeli dulu-dulu ini adalah golongan yang kita perlu berunding supaya dapat satu keadaan menang-menang supaya semua majoriti dapat bersetuju atas cadangan dapat perumahan yang lebih lengkap yang mungkin bila siap nilainya akan melebihi dalam lingkungan RM150,000 hingga RM300,000. Jadi bermakna, mereka tidak perlu membayar apa-apa pampasan ke apa hanya yang sudah beli memang dapat rumah dengan izin *house per house*. Untuk yang menyewa mereka akan jika semua sudah bersetuju, ditawarkan untuk membeli dengan harga yang asal yang ditawarkan kepada mereka yang telah dibeli.

■1050

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak rumah-rumah rakyat termasuk rumah kos rendah dalam Wilayah Persekutuan yang menghadapi masalah penyelenggaraan. Ada lif-lif, banyak yang rosak dan ini sangat membahayakan penduduk. Bukan sahaja di Wilayah, rumah rakyat di Selangor pun banyak juga saya dapat maklum. Akan tetapi, bagi saya tidak kiralah Selangor atau Wilayah, yang pentingnya kita simpati dengan penduduk, rakyat yang menduduki rumah-rumah kos rendah ini.

Jadi sejauh mana saya ingin bertanya perkara ini diketahui oleh pihak DBKL dan juga kerajaan dan apakah tindakan yang diambil? Ini kerana rungutan mereka ini sudah begitu lama dan masih lagi menjadi rungutan. Selain daripada itu saya juga ingin bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kejayaan DBKL membina rumah-rumah rakyat termasuk kos rendah yang mempunyai ruang yang luas seperti membina tiga bilik dan juga lain-lain bilik yang diperlukan

untuk keselesaan penduduk? Ini kerana kebanyakan rumah-rumah kos rendah ini kita lihat macam sarang burung dan ia mempunyai kesan negatif kepada sosial dan juga pembangunan manusia di kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Pasir Salak, kerajaan memang memahami apa yang telah dilalui oleh penduduk-penduduk *flat* kos rendah dan ada juga segelintir daripada kos rendah yang mengalami kesusahan dari segi penyelenggaraan termasuk lif dan perkara-perkara yang lain setelah tempat duduk mereka melebihi lima atau sepuluh tahun.

Oleh kerana itulah kerajaan telah menubuhkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di mana tabung ini adalah telah ditubuh pada tahun 2010 untuk membantu perumahan-perumahan kos rendah yang telah dijual baik oleh kerajaan ataupun swasta membantu penduduk-penduduk ataupun pemilik-pemilik menyelenggarakan lif-lif ataupun mengecat bangunan, memperbaiki sistem *piping* ataupun sistem kebakaran.

Jadi ini oleh kerana saya selaku Menteri Wilayah Persekutuan setelah lebih 25 tahun bersama dengan warga Kuala Lumpur khususnya memahami apa yang dilalui oleh golongan-golongan ini. Saya berterima kasih kepada Kabinet kerana bersetuju saya punya *argument* dengan izin Tuan Yang di-Pertua adalah kalau di kampung kita boleh bagi sumbangan untuk *repair* jalan-jalan sama juga kalau di bandar di *flat-flat* jalan raya mereka adalah lif yang naik ke atas. Jadi *alhamdulillah* kerajaan dengan bertanggungjawabnya telah memberi tabung ini juga ada pertanggungjawaban kepada golongan yang menduduki *flat-flat* ini. Mereka kena bagi sumbangan kalau kos rendah 10%, kalau kos sederhana rendah adalah 30%. Saya diberitahu oleh kerana skim ini begitu baik, Kerajaan Negeri Selangor pun sudah ikut jejak langkah daripada apa yang kita buat. *[Dewan riuh]* Terima kasih.

5. Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang wajar diambil terhadap pihak yang telah melanggar perintah mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks prosiding sivil tindakan melanggar perintah mahkamah atau keingkaran dengan izin *disobedient*, perintah mahkamah merupakan satu tindakan penghinaan mahkamah dengan izin *contempt of court*, yang mana mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan untuk mengenakan hukuman pemenjaraan atau denda.

Secara ringkasnya, prosiding *committal* dengan izin *committal proceedings*, untuk penghinaan mahkamah boleh dibahagikan kepada dua iaitu prosiding yang dimulakan oleh pihak yang berkepentingan dan prosiding yang dimulakan oleh mahkamah sendiri. Prosiding yang dimulakan oleh pihak yang berkepentingan memerlukan kebenaran mahkamah bagi mengeluarkan

satu notis usul dengan izin *notice of motion*, untuk disampaikan kepada pihak yang dikatakan melakukan penghinaan mahkamah. Pihak yang berkepentingan itu perlu membuktikan dua perkara iaitu notis usul telah disampaikan dan pihak yang dikatakan melakukan penghinaan mahkamah tersebut telah melakukan penghinaan mahkamah yang didakwa.

Bagi prosiding yang dimulakan oleh mahkamah sendiri, mahkamah akan memulakan prosiding terhadap pihak yang didapati melakukan penghinaan mahkamah yang dikatakan sebagai *contempt in the face of the court* dengan izin. Mahkamah akan menerangkan kepada pihak yang didakwa kesan kesalahan yang dilakukannya dan pembelaan pihak yang berkenaan akan didengar oleh mahkamah. Sekiranya pihak yang berkenaan memohon maaf daripada mahkamah dan mahkamah menerima permohonan maaf tersebut, maka tiadalah tindakan akan diambil oleh mahkamah.

Tatacara prosiding '*committal*' bagi penghinaan mahkamah, bagi Mahkamah Tinggi diperuntukkan dalam Aturan 52 - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Manakala tatacara prosiding penghinaan mahkamah bagi Mahkamah Rendah, diperuntukkan dalam Aturan 34 – Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 memperuntukkan jenis keingkaran perintah mahkamah yang membolehkan prosiding '*committal*' di mulakan dan caranya seperti berikut;

- (a) Aturan 24 – Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980/Aturan 20 – Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Keingkaran perintah berkenaan dengan penzahiran dan pemeriksaan;

- (b) Perkara yang sama iaitu Aturan 45 – Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau Aturan 30 – Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Keingkaran perintah berkenaan dengan pembayaran wang, penyerahan harta, perintah untuk membuat atau tidak membuat sesuatu dan sebagainya. Dalam konteks prosiding jenayah, tindakan keingkaran perintah mahkamah merupakan satu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah Bab 10 – Kanun Keseksaan Akta 574.

Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan bagi keingkaran perintah seperti berikut;

- (a) seksyen 173 memperuntukkan kesalahan keingkaran untuk menghadirkan diri pada masa dan tempat yang ditentukan dalam satu perintah oleh seorang penjawat awam; dan
- (b) seksyen 188 memperuntukkan kesalahan mengingkari perintah yang diisytiharkan dengan izin *promulgated* oleh seorang pegawai awam sehingga mendatangkan halangan, kegusaran atau kecederaan kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang atau mendatangkan bahaya kepada nyawa, kesihatan dan keselamatan manusia atau menyebabkan rusuhan atau perkelahian dengan izin *affray*.

Bagi tujuan seksyen 173 dan 188, istilah penjawat awam ditafsirkan sebagai termasuk Hakim.

Akhir sekali, siasatan lengkap dengan keterangan yang mencukupi untuk membuktikan satu kesalahan perlu dilaksanakan sebelum pertuduhan dikemukakan di mahkamah.

■1100

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan satu penjelasan ialah berkaitan dengan beberapa tindakan ataupun perintah mahkamah atau keputusan mahkamah dikeluarkan. Satu, berkaitan dengan kes pembalakan di negeri Pahang di mana Kerajaan Negeri Pahang dan juga Menteri Besar diarah untuk membayar sejumlah kerugian yang terpaksa ditanggung akibat daripada beberapa salah urus dan sebagainya kepada satu syarikat pembalakan. Akan tetapi sampai hari ini keputusan mahkamah itu tidak boleh dilaksanakan kerana keengganan pihak kerajaan. Isunya ialah keengganan pihak kerajaan untuk mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Keduanya ialah perintah mahkamah juga dalam kes umpamanya macam Bersih 3.0 yang terkena kepada saya. Perintah mahkamah ialah supaya orang tertentu itu tidak boleh berada di dalam kawasan-kawasan tertentu. Akan tetapi ada, termasuk saya sendiri ditahan oleh pihak polis di luar daripada kawasan tersebut. Ini saya katakan bahawa satu pelanggaran kepada perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Jadi, macam mana pihak kerajaan, pihak berkuasa sendiri yang melanggar perintah mahkamah. Jadi kita hendak ambil tindakan itu macam disebut tadi oleh Yang Berhormat Puchong, akan ada masalah-masalah tertentu di mana pihak Peguam Negara dan sebagainya mungkin akan melakukan percubaan untuk tidak membawa kes-kes tersebut. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang masih belum selesai, maknanya walaupun arahan telah diberi, perintah telah dikeluarkan dan belum ada apa-apa tindakan oleh pihak yang perintah itu dikeluarkan. Maka selagi perkara itu tidak dilakukannya, ia masih *live* lah. Jadi, kalau saya memberi pandangan saya, saya juga mungkin akan dihala ke mahkamah kerana *contempt of court*. Jadi, saya tidak boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya pun minta Yang Berhormat Menteri jangan buatlah. Yang Berhormat persoalan di sini Yang Berhormat fakta Yang Berhormat. Fakta ini penting untuk mahkamah buat keputusan ini nanti. Jadi, tidak bolehlah dipersoalkan soalan fakta itu tadi. Terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat. Lagi saya bagi dengan PAS. Pagi ini ada dua DAP sudah soal Yang Berhormat. Jadi, saya bersikap adil juga ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup memahami apa yang disebutkan oleh Menteri. Namun kalau saya diizinkan Tuan Yang di-Pertua untuk membawa sedikit lanjutan soalan ini, dalam konteksnya dengan izin, *constitutionalism* ataupun mengambil semangat *constitution* dan perlembagaan itu daripada hanya *the letter of the*

constitution. Mahkamah Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan untuk menyemak dan mengimbangi legislatif proses di Dewan Rakyat. Nyatanya kalau diperhatikan *the cardinal principal* dengan izin, tiang serinya kepada demokrasi itu adalah terangkum dan termaktub dalam Persekutuan dalam perkara 10 *fundamental liberties*.

Kalau kita mengambil daripada amalan demokrasi yang matang seperti di Amerika contohnya, tiga perkara besar yang terangkum dalam *the right* dengan izin, hak bersuara, hak berhimpun dan hak berpersatuan itu adalah cukup besar. Dalam perkara yang diambil tindakan mahkamah, apakah boleh sebuah mahkamah – keputusan mahkamah dan dalam konteks ini Mahkamah Majistret di Wilayah Persekutuan menggunakan undang-undang kecil untuk meragut dan menafikan apa yang sebenarnya terangkum dalam peruntukan dan *provision of the Federal Constitution* dalam *fundamental liberties* perkara 10. Dengan kata lain, sebuah undang-undang kecil melangkaui dan menolak dan menafikan peruntukan dengan izin, apa yang *'the big prince give, the small prince takes away'*. Jadi, kalau boleh Menteri ulas. Dalam hal ini sudah tiga kali perintah mahkamah digunakan untuk meragut hak yang terlalu asasi dalam *fundamental liberties* termaktub dalam *Federal Constitution*. *That would be a subversion of democracy at its worst*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mahkamah ini dia *interpret a law*. Dia mentafsirkan undang-undang yang dibuat sendiri oleh legislatif. Legislatif menggubal undang-undang dan mahkamah *interpret*. Jadi, dia cuma *interpret*. Dalam kes Yang Berhormat bangkitkan ini mungkin Yang Berhormat hanya melihat daripada hak asasi orang yang berminat untuk melakukan sesuatu perkara itu. Akan tetapi tempat di mana perkara itu hendak dilakukan merupakan satu tempat yang mempunyai pemilik dan pemilik juga berhak untuk mempertahankan tempatnya itu dengan meminta supaya haknya itu tidak dicerobohi oleh mereka yang mahu melakukan demonstrasi itu.

Jadi Yang Berhormat, kita kena lihat daripada mana. Saya kira pemilik tempat itu juga mempunyai hak untuk mempertahankan hak mereka. Jadi, dia ada hak untuk pergi ke mahkamah untuk mengeluarkan perintah supaya tempatnya itu tidak dicerobohi oleh mereka yang tidak berhak berbuat demikian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jadi yang sebenar siapa Menteri? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ya terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan itu elok Yang Berhormat *for academic discussion purposes*. Saya ingat dua tiga hari pun tidak boleh habis. Jadi, saya minat oleh kerana bidang yang saya minat ini. Akan tetapi soalannya dalam Dewan kita ada had dan batasan yang tertentu. Saya sekali lagi menjemput Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun.

6. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing yang berjaya didaftarkan dan gagal didaftarkan di bawah program pemutihan yang lalu dan jumlah wang yang berjaya dibawa keluar pada Mei 2012.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Gopeng bertarikh 19 Jun 2012, soalan nombor 92 dan Yang Berhormat Kuala Langat yang bertarikh 25 Jun 2012, soalan nombor 28 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nombor lapan Yang Berhormat. Soalan nombor lapan Yang Berhormat Kuala Langat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Nombor enam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nombor enam.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Yes.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, proses pendaftaran bagi Program 6P telah dilaksanakan mulai 1 hingga 31 Ogos 2011, di mana seramai 1,303,216 pendatang asing tanpa izin atau PATI telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut seramai 1,015,852 PATI telah didaftarkan secara sah dengan tujuan untuk bekerja. Manakala bakinya seramai 287,364 PATI telah didaftarkan untuk dihantar pulang. Dari jumlah ini sehingga kini sejumlah 161,843 PATI telah dihantar pulang ke negara mereka masing-masing. Bakinya seramai 125,521 PATI sedang dalam proses untuk dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua, proses pemutihan mula dilaksanakan pada 10 Oktober 2011. Adalah bertujuan untuk mendaftarkan PATI di bawah Program 6P untuk membolehkan mereka bekerja secara sah di negara ini. Sehingga 14 Jun 2012, daripada sejumlah 1,015,852 PATI yang didaftarkan secara sah untuk bekerja didapati seramai 536,009 PATI yang mana bekerja dengan 100,233 majikan telah diputihkan.

■1110

Ini menunjukkan bahawa terdapat 479,843 bersamaan 47.2 PATI yang didaftar secara sah untuk tujuan bekerja belum lagi melalui proses pemutihan. Proses pemutihan ini telah tamat pada 10 April lalu, namun proses temu duga masih diteruskan bagi membolehkan majikan-majikan yang telah diberi tarikh temu janji untuk ditemu duga. Proses temu duga ini dijadualkan akan tamat pada penghujung bulan ini iaitu Jun 2012. Oleh itu saya menyeru bagi mereka yang masih belum melaksanakan proses pemutihan ini dapat mengambil tindakan segera dan tidak berbuat demikian pada saat-saat akhir atau *last minute*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan jumlah

pekerja asing yang sah berada di dalam negara semenjak tahun 2005 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pekerja Asing Sah Dalam Negara
2005	1,815,238
2006	1,869,209
2007	2,044,805
2008	2,062,569
2009	1,918,146
2010	1,817,871
2011	1,573,061

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan jumlah wang yang dibawa keluar oleh pekerja asing, pada Mei 2012 pihak kementerian tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, Program Pemutihan Pekerja Asing telah dilanjutkan pada bulan Jun tahun ini. Saya difahamkan - Saya juga tahu masih ramai yang belum didaftar. Nampaknya mereka buat tidak kisah sahaja. Kebanyakan mereka datang menggunakan pas lawatan pun tamat tempoh. Setiap kali operasi yang ada berjalan, ramai yang terlepas tindakan. Saya ingin tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk tindakan operasi kali ini supaya mereka tidak terlepas dan juga berapa ramai mereka yang menyerahkan diri sukarela kepada Operasi Pemutihan? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan proses dalam kita memutihkan berkaitan dengan PATI ini. Bahawa sehingga kini kita telah dapat menghantar mereka balik ke negara masing-masing seramai 161,843. Jumlah yang masih menunggu untuk dihantar pulang adalah seramai 125,521 orang. Sehubungan dengan mereka yang masih belum pulang ini di mana pihak penguat kuasa imigresen terutamanya telah mengambil tindakan dengan mengadakan operasi terhadap mereka ini.

Dalam operasi yang telah dilaksanakan sehingga 14 Jun, seramai 15,748 orang majikan dan PATI telah ditangkap. Ini merupakan dalam proses penguatkuasaan yang melibatkan 15,384 PATI dan seramai 364 orang majikan. Mereka ini telah pun diambil tindakan, ada di antaranya seramai 2,412 telah didakwa ke mahkamah dan seramai 1,200 orang telah dikompaun. Ada juga yang masih dalam siasatan yang merupakan seramai 4,205 orang dan juga yang telah diusir seramai 2,359 orang. Daripada mangsa pemerdagangan orang, yang juga kita telah mengambil tindakan. Di mana sebagai mangsa, mereka telah dibebaskan. Dalam proses berkaitan dengan

penguatkuasaan, ia masih lagi dalam tindakan secara berterusan sehingga kita mendapat memastikan supaya mereka dapat dihantar ke negara masing-masing.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, di antara keperluan yang kita hadapi sekarang dan pelbagai langkah seperti 6P Program yang kita buat untuk kita menangani usaha-usaha pemutihan pendaftaran terhadap pekerja asing yang tinggal di negara kita lebih masa dan sebagainya. Akan tetapi kementerian telah berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kekangan untuk kita mendapat dari segi lokasi kedudukan mereka yang berada di dalam kawasan-kawasan terpencil dan sebagainya, sukar untuk kita mengesan. Walaupun tindakan bersepadu telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk kita mengesan dan menangkap mereka. Cuma di sini keperluan yang mendesak yang berlaku terhadap negara kita sekarang, apakah sama ada sektor perladangan, perkhidmatan dan sektor-sektor yang melibatkan soal *dangerous, dirty* dan juga perkara-perkara yang melibatkan perkara yang diberi garis panduan atau *guidelines*, dengan izin, oleh pihak kementerian? Jadi, sejauh manakah usaha yang dibuat untuk memenuhi keperluan dan kehendak ekonomi negara sekarang ini di mana sektor-sektor ini masih lagi memerlukan pekerja-pekerja asing yang begitu banyak yang dibuat oleh kementerian selari dengan Kementerian Sumber Manusia yang merupakan di antara kementerian yang mempunyai hubung kait dalam mengatasi masalah ini?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Arau. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa negara kita yang masih perlu, ingin dipertingkatkan dalam pembangunan ekonomi kita. Maka, oleh kerana kita masih kekurangan pekerja tempatan dan sebab itulah kita perlu memperoleh pekerja-pekerja asing yang mana sektor-sektor yang penting untuk membantu kita dalam membangunkan ekonomi negara kita. Di antaranya perkilangan, pertanian, pembinaan, perladangan dan juga perkhidmatan. Dalam perkhidmatan ini yang masih terbuka untuk mendapatkan pekerja asing ini dalam bidang restoran atau tukang masak, dalam bidang pembersihan dan pencucian dan juga dalam bidang *resort* ataupun pulau peranginan dan yang lain-lain yang dirasakan tidak perlu ada beberapa senarailah yang panjang yang mana kalau Yang Berhormat hendak, boleh saya kemukakan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

7. **Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang diambil terhadap kegagalan Alam Flora Sdn Bhd untuk menyelenggara kebersihan dan pungutan sampah-sampah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan strategi kementerian dalam penambahbaikan khidmat yang diberikan terutama di kawasan-kawasan perumahan pangsapuri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan soalan untuk pagi ini.

■1120

Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang bertarikh 20 Jun 2012, Yang Berhormat Ledang bertarikh 28 Jun 2012 mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sentiasa memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berdasarkan kepada ketetapan yang telah dipersetujui bersama di dalam perjanjian konsesi. Sekiranya Alam Flora Sdn. Bhd. gagal untuk melaksanakan tanggung jawab di dalam perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam sebagaimana yang telah pun dipersetujui di dalam perjanjian konsesi, syarikat tersebut boleh dikenakan denda serta-merta termasuk penalti seperti yang telah ditetapkan.

Sebagai contoh, denda sehingga RM1,000 dan satu mata penalti utama, ataupun *primary* boleh dikenakan sekiranya syarikat gagal mematuhi jadual serta frekuensi pemungutan sisa pepejal. Seterusnya, bagi memastikan penambahbaikan lagi perkhidmatan yang diberikan terutama di kawasan-kawasan perumahan pangsapuri, kerajaan telah pun menggariskan skop perkhidmatan dan juga *Key Performance Indicator* yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 September 2012 di dalam perjanjian konsesi bagi memastikan kualiti perkhidmatan pemungutan sisa pepejal di semua kawasan adalah setara dan menepati tahap yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini pula, mengenai perkhidmatan Alam Flora di kawasan-kawasan perumahan rumah-rumah pangsa, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah pun mengedarkan jadual kutipan kepada semua persatuan-persatuan penduduk supaya kutipan dapat dibuat mengikut jadual.

Saya difahamkan Alam Flora dan persatuan-persatuan penduduk di sekitar ataupun di dalam Wilayah Persekutuan, di mana kawasan-kawasan rumah pangsa berada sentiasa mempunyai perbincangan macam mana kita dapat meningkatkan lagi kerjasama dari segi pengutipan sampah sarap dari kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat 988 permohonan pendaftaran penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri, di mana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, ataupun Akta 672 berkuat kuasa telah dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 422 permohonan penyedia perkhidmatan telah diluluskan, 171 permohonan

lagi telah ditolak dan sebanyak 395 permohonan lagi masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Selangor, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam hanya dapat dilaksanakan sekiranya negeri berkenaan bersetuju untuk menerima pakai Akta 672 dan penswastan penuh perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam, begitu juga dengan penyelenggaraan landskap yang secara umumnya adalah di bawah bidang kuasa serta tanggungjawab pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor untuk menguruskannya.

Sehubungan dengan itu, kegagalan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta keadaan landskap yang akan mengganggu kehadiran pelancong dan pelabur ke negeri berkenaan adalah merupakan tanggung jawab penuh bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, saya hendak sentuh tentang isu mengawal selia kualiti perkhidmatan Alam Flora oleh PBT iaitu DBKL di mana bidang kuasa dan bentuk tindakan serta-merta yang dapat diambil oleh DBKL terhadap syarikat subkontraktor Alam Flora yang berkhidmat bagi memastikan permasalahan pungutan sampah dan pembersihan awam di Kuala Lumpur tidak terjejas dan menjamin kesejahteraan warga setempat. Adakah kementerian dapat menurunkan kuasa denda atau disiplin kepada PBT DBKL supaya isu-isu mengawal selia kualiti dapat ditingkatkan? Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang perbadanan buat masa ini adalah satu-satu badan yang pada setiap hari memantau prestasi kerja kontraktor seperti Alam Flora termasuk juga subkontraktor Alam Flora. Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kuasa dekat DBKL lagu masa ini sebab pada pendapat saya kerja-kerja dan tugas yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemprosesan Awam memang dapat menepati apa yang kita hasrat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini kita mempunyai seramai 1,650 orang di seluruh semenanjung dan diagihkan kepada setiap negeri termasuk juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana pegawai-pegawai penguat kuasa pada setiap hari membuat rondaan. Memang terdapat juga benda-benda seperti terlepas pandang, saya mengaku tetapi walau bagaimanapun kita akan cuba dengan menambahbaikkannya lagi kualiti servis yang diberikan oleh Alam Flora melalui pemantauan yang lebih tegas.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, jumlah denda penalti yang dikenakan kepada Alam Flora, sehingga April 2012, mulai dari tahun lepas bulan sembilan, di mana penswastan dimulakan, setakat hari ini adalah melebihi RM1.7 juta. Ini bermaksud bahawa penguat kuasa-penguat kuasa begitu tegas dalam menjalankan tugas. Jika ada mana-mana

masalah ataupun pengutipan yang tidak dapat dipungut mengikut jadual, maka perbadanan harus mengambil langkah yang cepat untuk mengupah sebuah syarikat *standby* untuk melakukan kerja dan selepas itu kita akan tolak dari bayaran kepada Alam Flora. Saya sedang memantau juga daripada kementerian untuk kita pastikan kualiti sentiasa dipertingkatkan lagi, memanglah kita bukan insan kamil. Memang ada, kita tidak nampak ini, tetapi kita akan cuba sedaya upaya. Sekian terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya pun terkejut juga dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, kerana soalan ditujukan berhubung dengan Wilayah dan Kuala Lumpur, tetapi dia ambil kesempatan hendak jawab pasal Selangor pula. So, saya pun berasa hairan dan nampak gaya macam dia bangga dengan denda dan penalti yang dikenakan ke atas Alam Flora. Saya hendak tanya, tujuan kontrak ini adalah untuk hendak denda dan saman dan kenakan penalti atas Alam Flora ataupun untuk hendak menentukan kerja dilakukan?

Kita ada wakil rakyat daripada Setiawangsa, dia kata Alam Flora tidak buat kerja, tetapi Yang Berhormat Menteri kata buat kerja. Ini yang pelik, ada Wakil Rakyat sendiri jaga kawasan, tidak mahu dengar pandangan daripada wakil rakyat. Hakikatnya Alam Flora tidak buat kerja dan itulah sebabnya kenapa di negeri Selangor, kita telah tamatkan perkhidmatan Alam Flora. [Tepuk] Dan apabila kita tamatkan perkhidmatan Alam Flora ini Yang Berhormat Menteri, kerajaan negeri telah dapat jimatkan sebanyak RM100 juta lebih setahun, apabila perkhidmatan Alam Flora hanya sebagai orang tengah, dia melantik sub kontraktor, lagi baik kita serahkan tugas ini *direct* kepada pihak PBT, dan bila kita lakukan itu, PBT menguruskannya, kita bekalkan PBT seperti mana yang dilakukan oleh negeri Selangor dengan *compactor-compactor* yang baru, yang dibeli oleh kerajaan ataupun anak syarikat GLC dan ini dapat dilakukan dengan cara yang lebih berkesan dan lebih jimat. Duit yang dijimatkan, kita serah balik kepada rakyat.

Inilah apa yang telah berlaku di negeri Selangor, saya mengesyorkan dan saya harap pihak Yang Berhormat Menteri pun jangan terasa malu ataupun segan hendak ikut jejak langkah negeri Selangor seperti mana yang telah disebut tentang soal tabung untuk menyelenggarakan lif-lif di rumah-rumah pangsapuri dan rumah-rumah murah. Saya hendak tanya soalan, saya harap Yang Berhormat daripada Barisan Nasional semua bertenang ya?

Apabila ternyata bahawa Alam Flora sudah kena denda dan penalti sebanyak RM1.7 juta, hendak tunggu sampai kena denda dan penalti berapa juta baru hendak tamatkan perkhidmatan? Tidakkah ini merupakan satu bukti yang jelas bahawa Alam Flora telah gagal? Adakah pihak kementerian akan sanggup mengikut jejak langkah negeri Selangor? Terima kasih.

■1130

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Pertama sekali saya percaya Selangor tidak ingin menyertai skim penswastaan ini walaupun Kerajaan Persekutuan telah bermurah hati hendak memberikan kepada mereka seperti di negeri-negeri

yang telah terima adalah oleh kerana semata-mata politik sahaja, sebab saya rasa Kerajaan Negeri Selangor dia tidak mahu kalahlah, muka mesti kena *preserve* juga, inilah masalahnya. Bila kita terlalu ingin menekankan tentang maruah, kita akan menjejaskan kehidupan yang berkualiti kepada rakyat di negeri Selangor.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, memang dalam semua surat perjanjian sama ada konsesi kah ataupun corak-corak yang lain, mempunyai terma-terma di mana penalti-penalti harus diadakan. Maksud kerajaan ialah kalau pihak kontraktor tidak menjalankan tugas seperti mana yang diharapkan, mereka ini harus dikenakan penalti. Melalui penalti inilah mereka ini dapat meningkatkan lagi prestasi kualiti.

Saya sentiasa menerima banyak aduan daripada orang Selangor, orang Wilayah pun ada. Mereka ini mengatakan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa iaitu kadang-kadang kerjanya tidak sampai kepada tahap yang kita rasa bangga, dan sebab itulah beliau ini telah mengemukakan soalan kepada saya. Saya setuju dengan dia, kalau ada mana-mana yang kita tidak capai satu tahap yang kita rasa bangga, maka kita kena bukan sahaja penalti dan denda, kita akan memantau lagi dan kalau dia sampai ke satu tahap yang cukup teruk sangat, kita tidak ada pilihan yang lain, terpaksa untuk tamatkan, itu memang setuju. Dalam terma surat perjanjian konsesi memang ada.

Dan yang kedua itu, masalah saya sentiasa – sekarang saya juga menghadapi satu masalah setiap hari sebab ramai penduduk dari negeri Selangor yang telefon tidak berhenti-henti tanya kenapa Alam Flora tidak pergi ambil? Saya kata, macam mana kita hendak pergi ambil sebab kita tidak laksanakan di negeri Selangor. Itulah mereka ini dok kompelin. Tadi / baru dengar Yang Berhormat Shah Alam kata dah jimat RM100 juta. Jimat RM100 juta buat apa sedangkan rakyat hidup dalam keadaan sengsara, tidak ada orang kutip sampah sarap, itu masalah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi soalan-soalan jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

11.34 pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada pengumuman daripada saya sebelum menjemput Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) DR.3/2012 telah dibentang di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebagaimana dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 86(5). Oleh yang demikian, penyata tersebut tidak boleh disiarkan, embargo, sehingga jam 11.30 pagi hari Selasa, 19 Jun 2012.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan bahawa pada hari esok, Selasa, 19 Jun 2012, selepas sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan, perbahasan akan dimulakan dengan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 86(5) untuk menimbang penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant bagi kertas Dewan D.R.3/2012 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi seperti yang tertera di nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Sekian, terima kasih. Jemput Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.36 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 19 Jun 2012.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Rabu 20 Jun 2012, selepas sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan, perbahasan akan dimulakan dengan (D.R.27/2012) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 dan akan diikuti dengan rang undang-undang yang lain seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Sekian, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN) 2012****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang”. [14 Jun 2012]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Ahli Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

11.38 pg.

Menteri Kesihatan [Dato’ Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan saya pada tempoh hari berhubung dengan persoalan daripada Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Pendang berkaitan dengan fasal-fasal dan juga pindaan yang dibuat termasuk juga ada kekeliruan tentang bahawa MMC telah serahkan kuasa kepada MQA untuk pengiktirafan institusi latihan.

Saya ingin jelaskan di sini dengan sejelas-jelasnya...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan.

Dato’ Seri Liow Tiong Lai: Saya jelaskan dahulu, selepas itu baru boleh minta penjelasan ya. Tiada sebarang persaingan di antara mana-mana agensi kerajaan kerana program pengajian perubatan diiktiraf oleh Jawatankuasa Pengiktirafan yang dianggotai oleh lima agensi kerajaan iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), MMC, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JPA dan juga Kementerian Pengajian Tinggi. Berdasarkan kepada Akta Agensi Kelayakan Malaysia, Akta MQA, Akta 679, MMC adalah badan profesional yang diberi kuasa untuk meluluskan atau menolak pemberian akreditasi. Oleh itu, kita membuat pindaan kepada fasal 3, fasal 7 dan fasal 37 itu adalah editorial.

■1140

Saya harap ini dapat menjelaskan keadaan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Penjelasan, penjelasan.

Dato’ Seri Liow Tiong Lai: Berhubung dengan fasal 37, memotong subseksyen...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat sebentar. Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato’ Seri Liow Tiong Lai: *I finish the* penjelasan, biar jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Fasal 37 memotong subseksyen 36(2)(bb) yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. *You check your amendment 36(2)* yang kertas putih ini Yang Berhormat. Ada kita memotong 36(2)(bb) di mana ia tidak menjejaskan kuasa MMC, tidak boleh mewujudkan Jawatankuasa Pendidikan Perubatan atau *Medical Education Committee* bahawa kalau kita sudah potong 36(2)(bb) bahawa kita tidak ada kuasa. Ini tidak timbul kerana kita telah beri kuasa di bawah akta ini.

Kalau tengok 4E(1) dalam *amendment* yang kita keluarkan, *amendment* yang kita buat ini di bawah rang undang-undang ini. 4E(1) saya baca, "Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai, bermanfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya". Oleh itu, Jawatankuasa *Education Committee* yang ditanya itu tidak akan dapat diwujudkan juga di bawah MMC.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *You know*, apa yang mengelirukan saya, yang kecewakan saya ialah dalam Akta Induk, *Original Act 71* *you know* tidak ada peruntukan untuk tubuhkan *committee* yang spesifik berkenaan dengan kualiti dalam kolej-kolej perubatan. Akan tetapi dalam pindaan ini, yang dibawa tahun ini seksyen 36(bb) yang menyatakan pembentukan jalur kasar pendidikan perubatan, menggalakkan standard pendidikan.

So, ini satu perubahan yang dibawa, yang baru bawa. Akan tetapi dengan kertas putih, kuasa itu yang diberi pada Majlis perubatan itu diambil balik. *The specific functions*, dia diambil balik. *So*, nampaknya dalam kerajaan sendiri ada percanggahan. Macam mana kita hendak kendalikan kolej-kolej perubatan ini? Memang ada 22 kolej perubatan dan kualiti sedang menurun. *So*, apakah caranya kita akan mengawasinya? Nampaknya dalam kerajaan sendiri di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi ada percanggahan. Macam mana kita akan jaga ini?

So, dalam ini saya rasa ini penting. Jika ada masalah dalam kerajaan sendiri di mana - ini akta baru, ini bukan dari tahun 1971. Baru tahun ini ada orang yang menyediakan akta ini yang mengatakan kita perlu kuasa ini di peringkat MMC. Akan tetapi sebelum dia keluar, di sini kita ada satu lagi yang mengatakan tidak perlu. *So, I think* adalah jelas sebabnya, saya rasa adalah penting Dewan ini hantar ini kepada *Select Committee* dan kita kaji semuanya macam mana kita sedang kendalikan *the* kolej-kolej swasta yang begitu besar dengan dia punya *profit*, dengan dia punya kuasanya, macam mana kita kendalikannya *because* dalam kerajaan sendiri nampaknya ada percanggahan pendapat. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Okey, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput begitu prihatin tentang isu ini. Memang isu kualiti kita memang ambil berat. Dalam akta yang lama, yang ada ini memang kita ada kawalan kualiti dan kebanyakannya dahulu kita masuk dalam peraturan, *under regulation* termasuk wujudnya *Education Committee* dan sebagainya. Kali ini kita buat masukkan dalam akta ibu. Buat pindaan, bawa masuk dalam akta ibu.

Saya telah jelaskan di sini bahawa tidak ada percanggahan, tidak ada pertindihan dan kita *complement* dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat jangan risau kerana Kementerian Kesihatan Malaysia memang menerajui, memastikan kualiti dan juga *practitioner* doktor-doktor kita mengamalkan perubahan yang berkualiti dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng bangun.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma, saya rasa dalam pindaan ini kita memberi peranan MMC untuk melibatkan diri dalam Jawatankuasa Teknikal bersama dengan *Malaysian Qualification Board* yang ini akan menjejaskan *independence of MMC* dengan izin, apabila menilai sama ada *graduate* daripada kolej atau pun kolej perubatan tersebut layaklah atau tidak layak untuk diiktiraf, untuk dikecualikan atau pun diiktiraf sebagai *graduate* perubatan yang layak.

Jadi, saya rasa hal ini harus diteliti sebab kalau kita bagi sebagai contoh kalau misalnya Toyota yang membuat kereta, dia buat kereta mengikut *design*, reka bentuk *engineering* dan sebagainya. Akan tetapi *test* sama ada kereta itu boleh dipakai adalah *test* di atas jalan. Bukan *test*, ujian mengikut reka bentuk atau pun *engineering specification*. Jadi, akhirnya apabila kita meluluskan kursus untuk kolej perubatan dan sebagainya, itu tidak boleh menjadikan piawaian untuk kelulusan. Apa yang akan menjadi piawaian untuk kelulusan adalah sama ada *graduate* daripada kolej tersebut layak atau pun tidak layak. Itu mesti ditentukan oleh MMC.

Jadi, kalau ada penglibatan misalnya dalam *Joint Action Committee* tersebut seharusnya dengan ada akta pindaan ini seharusnya adalah mungkin pegawai daripada Menteri Kesihatan dan tidak melibatkan MMC supaya MMC boleh nilai kelayakan *graduate* tersebut secara *independent* dan tidak terpengaruh dengan keputusan yang sebelum itu. Itu cadangan saya, sekian.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng yang mencadangkan bahawa satu jawatankuasa ini diwujudkan. Memang saya setuju bahawa jawatankuasa *technical committee* ini memainkan peranan yang penting untuk menjaga kualiti dan juga melihat bagaimana kualiti ini akhirnya produknya bukan kursusnya. Oleh itu, kalau *you* lihat semasa perbincangan Yang Berhormat Machang ada bertanya, Yang Berhormat Sungai Siput juga ada bertanya bahawa kenapa Lincoln diluluskan tetapi JPA tidak meluluskan. Dia ada pertanyaan seperti ini.

Sebenarnya MMC, kita hanya dapat mengiktiraf sesuatu kursus itu pada akhirnya dia boleh adakan kursus. Akan tetapi pada akhir empat tahun, pelajar itu sudah diberi peperiksaan, kita akan lihat kualitinya dan itu adalah penting untuk memastikan bahawa *practitioner* kita mengamalkan kualiti perubatan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Pendang yang menanyakan berhubung dengan peralatan-peralatan perubatan di pusat-pusat kecantikan dan siapa yang sebenarnya *regulate* dan bagaimana peralatan ini dikawal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita di Parlimen pada tahun ini telah pun meluluskan satu lagi akta baru iaitu di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 Akta 737 telah diberikan peruntukan untuk mengawal peranti perubatan yang membolehkan Menteri menetapkan sesuatu peralatan sebagai '*designate*' *medical devices* selepas mengambil kira tahap risiko, pendedahan kesihatan dan keselamatan pesakit. Akta ini juga memperuntukkan bahawa seseorang yang hendak menggunakan atau mengendalikan '*designate*' *medical devices* hendaklah memegang permit yang dikeluarkan di bawah Akta 737 ini. Kementerian boleh menetapkan syarat-syarat tertentu bagi permohonan permit ini dan pembekal '*designate*' *medical devices* hanya boleh membekalkan peranti perubatan seumpama ini kepada pemegang permit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: ...TCM and medical service.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Peranti Perubatan tadi.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita memang bersetuju bahawa kementerian melalui akta yang berkaitan dengan peranti perubatan menjalankan fungsinya untuk memastikan bahawa setiap premis misalnya premis kecantikan menggunakan peranti perubatan berpermit. Maknanya permit itu dikeluarkan oleh kementerian. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya bagaimana kementerian menilai seseorang yang menggunakan peranti perubatan ini.

■1150

Bagaimana kita menilai sebab sebelum permit dikeluarkan, sudah tentulah kementerian akan menilai kemahiran mereka. Ini kerana kesannya ialah kepada pesakit, bukan sahaja dalam bidang kecantikan juga dalam bidang-bidang perubatan yang lain. Maknanya adakah kementerian begitu yakin dengan tahap kemahiran mereka atau ada kaedah lain untuk memastikan bahawa peranti perubatan itu betul-betul berfungsi – akta tersebut berfungsi di mana mereka yang menggunakan peranti perubatan benar-benar mahir.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Memang benar kalau dulu tak ada akta kawal pusat-pusat kecantikan, *beautician* boleh beli apa juga *medical device* dan boleh digunakan sewenang-wenangnya. Akan tetapi dengan adanya akta ini, maka sesiapa pembelinya kalau pembelinya kita kehendakkan dia ada sijil doktor, maka hanya doktor yang boleh guna. Contohnya di pusat kecantikan kalau dia nak beli '*thermae*' untuk *whitening skin*, ataupun *medical device* yang lebih canggih yang perlu hanya dihandle oleh doktor, maka hanya doktor sahaja yang boleh guna pakai. Tak bolehlah pesolek ataupun *beautician* yang menggunakan alat-alat ini. Saya yakin dengan adanya akta ini, kita akan mengawal keadaan ini dengan lebih baik lagi.

Untuk TCM...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bangun untuk membangkitkan satu keadaan yang penting untuk Sabah yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai mengawal penyakit di Sabah. Kita dapati satu siaran TV pada 14 Jun baru-baru ini tentang wabak tuberkulosis di Kota Kinabalu telah mencapai satu tahap yang kritikal dan membimbangkan dan diumumkan wabak tibi itu merupakan satu mutan gen baru yang telah direbakkan oleh PATI (pendatang asing tanpa izin). Saya ingin mengetahui sama ada situasi ini yang kritikal mengenai Tuberkulosis di Hospital Kota Kinabalu adalah benar memandangkan wabak tuberkulosis merupakan satu penyakit yang *airborne*. Apakah tindakan bertanggungjawab diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya doktor-doktor, kakitangan perubatan dan rakyat Sabah menyedari keadaan yang kritikal dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Penyakit tuberkulosis ini satu penyakit wabak berjangkit yang telah pun lama kita memeranginya sejak merdeka lagi. Kita telah pun berjaya mengurangkan kadarnya ke tahap yang cukup rendah. Memang benar kebelakangan ini ada sign atau tanda-tanda menunjukkan dia ada kembali meningkat semula tetapi bukan dengan kadar yang tinggi. Ada peningkatan balik dan kita telah pun mengambil tindakan segera untuk memastikan bahawa penekanan SOP *treatment* tuberkulosis ini diperketatkan. Memang setiap pesakit tuberkulosis perlu melalui treatment enam bulan dan pastikan mereka baik dan kita susuli. Kita tak akan lepaskan patient kita dan kita pastikan mereka sembuh baru boleh pastikan mereka balik ke pangkuan masyarakat. Memang ada sistem yang ada sekarang untuk memantau tahap dan juga pesakit-pesakit tuberkulosis ini.

Oleh itu saya nak tegaskan di sini, sehingga sekarang di Sabah kita tak ada lagi pengesahan bahawa itu mutan gen atau apa-apa. Saya nak tegaskan di sini bahawa tuberkulosis yang ada dalam negara kita memang tuberkulosis yang biasa, yang kita temui dahulu dan sekarang, sama kecuali ada temui mutan gen yang baru, memang akan kita maklumkan kepada rakyat dan kita akan ambil tindakan yang perlu kita susuli.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak jelaskan tentang Akta TCM (traditional complimentary medicine) atau Akta Perubatan Tradisional bahawa Akta Kesihatan Perubatan ini tidak mengawal TCM. Kita akan bentang satu lagi undang-undang pada sesi ini juga untuk mengawal TCM *practitioner* iaitu semua pengamal perubatan tradisional dan saya harap juga mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan bahawa daripada segi bidang *traditional medicine* itu kita perlu kawal, kalau tidak memang kita tak dapat membantu untuk meningkatkan

tahap TCM dalam negara kita. Kita tahu bahawa TCM juga penting untuk membantu sebagai *complimentary* kepada perubatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin tegaskan bahawa ada Ahli Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Indera Mahkota bangkitkan isu bahawa kegagalan memberikan maklumat mengenai perubahan alamat pengamal perubatan merupakan satu kesalahan. Memang kalau doktor pindah pejabatnya, pindah pusat perkhidmatannya kalau tidak maklumkan kepada MMC, memang ini merupakan satu kesalahan kerana peruntukan ini diperlukan bagi memastikan pengamal perubatan bertanggungjawab penuh ke atas mana-mana amalan dan perkara yang berlaku di tempat amalan atau perkhidmatan mereka. Ia juga memudahkan mereka dihubungi apabila diperlukan dan juga seperti kes-kes **medical legal** untuk diambil oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang juga membangkitkan tentang caruman untuk *insurance professional indemnity*. Saya nak tegaskan di sini bahawa kadar caruman perlindungan insurans yang dinyatakan dalam akta ini adalah bergantung kadarnya kepada kadar sebagaimana dipersetujui di antara pengamal perubatan dengan syarikat pemberi perlindungan insurans masing-masing. Kita akan pastikan tak ada monopolilah. It is a free market dan setiap *practitioner* boleh membelinya ataupun majikannya boleh membelinya. Ia terpulang kepada masing-masing.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya yang bangkitkan isu ini. Cuma kalau sebelum ini, *medical indemnity* bukan sebagai syarat untuk pendaftaran *Annual Practising Certificate* dengan izin, tetapi ini menjadi satu syarat dan kita bimbang sekiranya kita tidak memberi ruang kepada syarikat-syarikat insurans yang lain untuk bersaing dengan kedua-dua syarikat insurans yang sedia ada, kemungkinan besar mereka akan menaikkan kadar caruman untuk insurans tersebut. Satu perkara yang lain yang ingin saya bangkitkan di sini sebab setakat ini saya tidak dengar daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apakah rasional untuk *corporatize* MMC ini memberi lebih autonomi kepada MMC yang sebelum ini merupakan satu agensi di bawah kementerian.

Apabila selepas *corporatization*, MMC terpaksa menanggung segala-gala kedudukan kewangan Majlis Perubatan Malaysia ini. Ada di kalangan pengamal perubatan yang memang selepas ini, kadar fi yang dikenakan untuk APC, untuk pendaftaran sebagai pakar itu akan dinaikkan. Juga saya lihat, adakah anggota daripada MMC ini akan dikecualikan. Sebelum ini yang di bawah *Civil Service Protection Act* apabila disaman dan ada *civil case* dan sebagainya? Jadi ini merupakan perkara-perkara yang kita harus diberitahu rasional untuk *corporatize* MMC ini. Sekian.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Sebenarnya apabila saya membentangkan rang undang-undang pindaan ini, telah pun saya nyatakan dengan jelas bahawa pada akta yang lama, Akta 171 telah pun ada klausa untuk membolehkan MMC ini sebuah badan perbadanan. *It is already corporatize* tapi dia tak ada seksyen-seksyen yang membolehkannya berfungsi. Pindaan kali ini hanya membolehkan badan ini, badan *corporatize* ini menjadikan ia berfungsi. Ia dapat berjalan

dengan menambahkan CEOnya, dengan menambahkan kebolehupayaannya untuk buat *financial investment* dan juga sebagainya.

■1200

Saya hendak jelaskan bahawa *it's already in the act. It's already, looked at the Act 1971* memang telah dalam akta ini. *It is a corporate body in 1971. Yes.*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Cuma Yang Berhormat Menteri, kita bimbang apabila mereka bertanggungjawab ke atas kedudukan kewangan itu. Ini mungkin lari daripada tujuan asal yang menjamin piawai pengamal perubatan yang sepatutnya menjadi tujuan asal Majlis Perubatan Malaysia ini. Ini yang kita bimbangkan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Saya faham atas kebimbangan ini. Saya hendak jelaskan di sini bahawa kedudukan kewangan MMC itu pun kerajaan tidak akan lepas tangan. Kita tahu juga bahawa kerajaan dari semasa ke semasa akan membantu MMC. Contohnya kalau ada *medical lingo* yang sehingga perlu peruntukan tambahan untuk membantu MMC. Memang ini semua akan diambil kira untuk memastikan kerajaan terus membantu MMC untuk menjalankan tugasnya sebagai sebuah badan yang profesional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis juga ada membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan gelaran. Begitu juga dengan Yang Berhormat Tangga Batu, berhubung dengan gelaran doktor dan juga *surgeon* sebagai *mister*. Saya hendak jelaskan di sini bahawa gelaran *mister* ini sebenarnya adalah satu istilah yang digunakan sejak dahulu lagi di United Kingdom. Apa yang lebih penting adalah gelaran pakar yang didaftarkan di bawah akta ini. Oleh itu di bawah akta ini kita telah wujudkan satu Akta *Specialist Registry* di mana semua pakar-pakar akan didaftarkan dan kita harap status pakar bagi seseorang pengamal perubatan yang diwujudkan di daftar pakar ini dapat menjamin kesahihan dan keselamatan perkhidmatan yang diberikan. Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar *Academy of Medicine* ada satu daftar untuk doktor-doktor pakar dan dengan pindaan ini, ini bermakna MMC akan ada satu lagi daftar. Jadi, apakah rasional untuk mengadakan kedua-dua daftar ini iaitu daftar *Academy of Medicine* dan daftar MMC? Kalau bagi saya, lebih baik kita menggunakan daftar *Academy of Medicine* kerana Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya Yang Berhormat Menteri dari Bentong bukan seorang doktor. Beliau memang kurang pengalaman di dalam *credentialing*.

Sekarang di negara ini apa yang dimaksudkan dengan *credentialing* itu setiap kali kita memohon sesuatu, ia hendaklah *credential*. Dia sampai satu *credential*. Kemudian satu badan lagi ada satu *credential*. Setiap kali kalau ada doktor pakar yang banyak kali – setiap kali dia jumpa Yang Berhormat Sri Gading, mesti Yang Berhormat Sri Gading hendak *credential* dia, daftar dia. Yang Berhormat Tangga Batu pun hendak daftar dia. Yang Berhormat Ledang pun hendak daftar dia atau *credential*. Jadi, habislah seorang profesional. Tiap-tiap kali mesti ada *credential* bagi

orang yang berkenaan. Apa maksudnya? Seolah-olah tidak ada kerja yang lain. Cuma kita hendak tahu sama ada dia pakar atau tidak? Cuma itu sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Kepong tengah mencelah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak semestinya seorang Menteri Kesihatan itu seorang doktor. Ramai orang bijak pandai yang bukan doktor boleh bercakap dan mengendalikan kerja-kerja berkaitan dengan perubatan. Jangan merendahkan Yang Berhormat Menteri saya Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong seorang doktor.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan merendahkan, cuma itu sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu macam mana dia dapat menguruskan sebagai Menteri. Cuma dari segi *credential* dia tidak ada pengalaman. Bila saya cakap *credential, that means* dia mesti tunggu pakar-pakar di belakang itu untuk memberi jawapan. Itu masalah kita orang. [Ketawa]

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tidak perlu mempertikaikan keupayaan sesiapa. Saya hendak jelaskan di sini bahawa...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini untuk *credentialing* sahaja.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Saya sebagai Menteri yang menjalankan tugas, saya kenakan jalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, penuh profesional. Kita tidak boleh ambil remeh apa juga tugas yang diberikan kepada kita. Saya hendak jelaskan bahawa kita tahu *Academy of Medicine* telah pun menjalankan tugas ini, pendaftaran pakar dan Yang Berhormat Gopeng telah pun bertanya. Yang Berhormat Kepong tidak ada masa itu. Yang Berhormat Gopeng sudah bertanya berhubung dengan pendaftaran oleh *Academy of Medicine* dalam perbahasannya dan telah pun dijelaskan.

Tanya Yang Berhormat Gopeng. Saya telah pun jelaskan bahawa MMC yang kita berikan kuasa ini juga akan menjadi naungan kepada *Academy of Medicine*. *Academy of Medicine* akan teruskan *credentialing* ini, akan teruskan pendaftaran pakar ini. Tidak ada masalah pertindihan, ambil balik kuasa atau apa-apa, mana pihak dan kerjasama *Academy of Medicine* dengan MMC berjalan dengan baik. Kita akan teruskan usaha kerjasama kita, pastikan bahawa MMC akan juga membantu untuk memperkemas pendaftaran *specialist registry* ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di dalam *Academy of Medicine* ini ada jawatankuasa untuk mengkaji. Juga di dalam MMC itu ada jawatankuasa kelayakan untuk mengkaji. Adakah ini maksudnya untuk memberi kerja kepada lebih ramai orang untuk kerja yang sama? Satu jawatankuasa di akademi, satu jawatankuasa di MMC. Jadi kalau begitu kita tubuhkanlah banyak lagi jawatankuasa.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Sri Gading pun ada satu jawatankuasa.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Jangan kelirukan Dewan ini. Saya sudah jelaskan dengan jelas. Satu jawatankuasa sahaja bukan dua ya. Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak bangkitkan sekali lagi berkenaan dengan *anomaly*. Pakar yang mendaftar di bawah Kementerian Kesihatan itu sepatutnya tidak perlu didaftarkan sekali lagi di bawah *Academy of Medicine*. Ini satu *anomaly* sepatutnya diperbetulkan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Soalan begini yang perlu ditunjukkan kepada Menteri. Tidak ada *anomaly*. Bagaimana hendak selesaikan? Yang Berhormat Gopeng betul. Ini benar. Apa yang didaftarkan sekarang di kerajaan tidak perlu daftar semula lagi. Kita tidak mahu *redundancy*. Saya beri jaminan bahawa kita akan uruskan ini dengan lebih tertib lagi.

Berhubung dengan Ahli Yang Berhormat Lipis yang telah bertanya persoalan dengan nisbah doktor dan penduduk di mana dalam negara kita sekarang saya telah terangkan bahawa pada tahun 2010 sahaja kita telah mencapai satu doktor 859 *doctor population ratio*. Kita *target* sebelum tahun 2015 kita akan mencapai satu doktor bagi 600 orang dan sebelum tahun 2020 kita akan mencapai satu doktor bagi 400 orang atau populasi penduduk. Ini kerana bilangan doktor dalam negara kita dapat kita mempertingkatkan dari semasa ke semasa. Bilangan graduan, pegawai perubatan tahun 2011 daripada IPTA lebih kurang 1,193 orang, dari IPTS – 965 orang, daripada luar negara – 1,746 orang memberikan graduan pegawai perubatan tahun 2011 lebih kurang 3,900 orang. Pada tahun 2012, kita ada lebih kurang 3,892 orang bilangan graduan yang akan balik, akan berkhidmat dan akan masuk ke dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga Batu juga bertanya berhubung dengan bilangan pelajar-pelajar spesialis sarjana perubatan. Sehingga sekarang terdapat lebih kurang 2,342 orang yang sedang menjalani latihan sarjana perubatan. Setiap tahun Kementerian Kesihatan memperuntukkan 800 slot Hadiah Latihan Persekutuan untuk pegawai perubatan mengikuti sarjana perubatan. Memang saya faham bahawa kita masih lagi mengalami kekurangan pakar. Kalau kita lihat dalam situasi doktor dalam negara kita, kita memang menghadapi kekurangan doktor pakar.

■1210

Kita berharap dengan penambahan bilangan doktor pakar ini, kita dapat meningkatkan perkhidmatan kesihatan kita termasuk di kawasan-kawasan luar bandar.

Kawasan luar bandar juga kita menghadapi kekurangan pakar. Oleh itu, memang dalam perancangan Kementerian Kesihatan bagaimana kita hendak membolehkan hospital-hospital daerah kita, di peringkat daerah boleh ada doktor pakar. Sekarang kita sudah ada doktor, M.O. Akan tetapi sekiranya kita ada doktor pakar, maka kita boleh menjalankan prosedur dan juga *treatment* yang lebih baik kepada penduduk kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Tangga Batu bahawa hendak menggunakan autopsi maya, *cyber* untuk *post mortem* dan bagaimana kalau boleh ada sesetengah pihak tidak mahu *post mortem*. Saya hendak jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila ada apa-apa kematian, bukan hak ataupun kuasa Kementerian Kesihatan untuk tetapkan hendak *post mortem*, tidak hendak *post mortem*. Itu terpulang kepada pihak polis. Kalau pihak polis kata, "Okey, kematian ini tidak perlukan *post mortem* ini", kita tidak payah jalankan. Akan tetapi kalau pihak polis katakan perlu *post mortem*, pihak keluarga pun tidak boleh kata saya tidak hendak *post mortem* kerana ini adalah di bawah tanggungjawab polis dan polis mempunyai hak untuk menentukan sama ada hendak *post mortem* atau tidak hendak *post mortem*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [*Bangun*]

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ada cadangan berkenaan dengan isu ini. Saya rasa apabila perjalanan *post mortem* ini tidak semestinya mesti potong dan sebagainya sebab kita boleh gunakan teknologi baru MRI CT Scanner yang canggih sekarang dan mungkin boleh selesaikan masalah yang besar khususnya untuk masyarakat Islam berkenaan dengan *post mortem* ini. Ini boleh dibantu dengan biopsi dan pemeriksaan darah. Jadi, saya mohon perkara ini dipertimbangkan. Sekian.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasihlah. Ini memang kita cuba mempertingkatkan perkhidmatan kita. Oleh sebab itu di bawah kementerian kita sekarang ada sebuah autopsi maya, autopsi *cyber* di mana kita tidak perlu bedah. Kita gunakan komputer untuk melihat badan tersebut. Kita akan mempertingkatkan perkhidmatan ini dari semasa ke semasa. Kerana buat masa ini memang kita tidak mempunyai kelengkapan ini di semua hospital. Kita hanya ada di Hospital Kuala Lumpur sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai juga telah pun bertanyakan beberapa soalan berhubung keanggotaan majlis daripada Sabah dan Sarawak terhad kepada seorang. Saya hendak jelaskan di sini bahawa selama ini majlis memang telah lama melantik pengarah kesihatan negeri dari negeri Sabah dan negeri Sarawak bagi menganggotai majlis.

Oleh itu tidak ada masalah untuk kita dari segi pelantikan, kita memang memberi keutamaan juga kepada Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, wakil daripada Sabah dan Sarawak boleh juga datang daripada kuota, daripada majlis daripada universiti. Universiti-universiti juga diberikan pelantikannya. Walaupun kesemua ahli majlis adalah terdiri daripada pengamal perubatan, ada yang mencadangkan bahawa kita tidak perlu semua pengamal perubatan.

I think Yang Berhormat Gopeng yang menyatakan. Wakil awam ataupun dari bidang lain juga boleh menganggotai Majlis Council MMC. Akan tetapi buat masa ini, kita masih lagi berikan keutamaan kepada semua doktor. Majlis ini dianggotai oleh doktor dan orang awam ataupun dari

bidang lain boleh menganggotai jawatankuasa disiplin ataupun jawatankuasa lain dibentuk oleh majlis. Majlis akan wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dan kita akan lantik daripada orang awam dan sebagainya untuk membantu MMC menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan. Mereka juga boleh menjemput mana-mana pihak bagi memberikan input dan pandangan sewaktu mesyuarat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan bagaimana proses lantikan dan pemilihan wakil daripada persatuan-persatuan perubatan untuk menganggotai majlis. Saya hendak jelaskan bahawa lantikan dan juga pemilihan mereka akan dicadangkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan dilantik oleh Menteri Kesihatan. Kita juga beri pemilihan kepada semua ahli majlis.

Tuan Yang di-Pertua, isu penjualan organ yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai telah pun disiasat sepenuhnya oleh PDRM. PDRM telah pun mendapati dakwaan-dakwaan itu adalah tidak berasas, tidak benar dan tidak terdapat penjualan organ dalam negara kita. Walau bagaimanapun, kita mengambil berat tentang dakwaan ini dan Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan dan kita akan memperketatkan langkah-langkah kita. Kita sudah ada satu jawatankuasa untuk melihat sesuatu permohonan. Kemudian kita juga tidak menggalakkan rakyat kita keluar negara buat transplantasi organ. Terutamanya di negara-negara lain seperti China, India dan sebagainya kerana kita tidak tahu tahap dan juga apa organ yang digunakan di luar negara.

Oleh itu kita yakin bahawa langkah-langkah yang telah diambil dalam negara kita adalah untuk meningkatkan bilangan *donor* kerana sekarang di Malaysia kita hanya ada 190,000 orang yang *pledge*, yang telah pun janji untuk derma organ. Kita ada lebih kurang 24,000 orang tunggu untuk mendapatkan organ. Kita mempunyai satu bilangan yang besar dan kita tidak cukup organ dan kita juga haraplah rakyat dapat terus memberi sambutan baik kepada kempen pendermaan organ yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian kehilangan ubat di Farmasi Urologi & Nefrologi dan Farmasi Neuro Sains Hospital Kuala Lumpur pada 27 Disember 2011, Kementerian Kesihatan dan HKL telah pun membuat laporan polis. Polis telah pun membuat siasatan dan tangkapan. Ubat-ubatan yang hilang telah pun ditemui oleh pihak polis pada 31 Disember 2011 dan dihantar terus ke BPFK iaitu bahagian farmasi kementerian kesihatan untuk analisa kawalan mutu ubat-ubat tersebut. Hanya ubat-ubatan yang dapat pengesahan kelulusan pengawalan mutunya daripada BPFK yang telah disahkan selamat akan digunakan semula dan *dispense* kepada pesakit. Arahan juga telah dikeluarkan di HKL supaya pemeriksaan fizikal bukan, sahaja *content* ubat itu, termasuk bungkusannya, bagi memastikan ubat-ubatan berkenaan berada dalam keadaan yang baik serta dibungkus ataupun dipastikan ia tidak rosak.

Langkah-langkah keselamatan juga telah ditingkatkan dengan menggantikan kunci baru dan kawalan akses telah ditingkatkan kepada kunci-kunci stor farmasi serta tindakan pemeriksaan stok. Kita memang ada kawalan yang cukup rapi, tiga peringkat untuk memasuki stor farmasi

dalam hospital kita. Kita ada termasuk menggunakan sistem kad yang dapat memantau, *traceability* itu memang ada. Ubat itu keluar mana, pergi mana, memang setiap ubat yang keluar daripada stok memang kita dapat *trace* ke mana ia pergi. Pemasangan CCTV juga dirancang untuk kesemua stor melalui peruntukan khas yang dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Dilantik di bawah kontrak dan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 15 Februari 2012 untuk mengendalikan bekalan ubat dan peralatan kepada pesara awam Persekutuan serta tanggungan melalui Medical Automation Supply System (e-MASS). Ia sekarang ada satu sistem yang baru dan hanya ubat-ubatan dan peralatan yang tidak dapat dibekalkan oleh hospital dan klinik kerajaan, tertakluk kepada syarat dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.21 Tahun 2009 yang boleh diperolehi melalui sistem ini. Oleh itu bukan semua ubat boleh dibeli daripada Oratis ini. Hanya ubat yang tidak diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Secara umumnya, ubat jenis *cold chain* tidak sesuai untuk dihantar melalui pos kerana memerlukan kaedah pengendalian yang spesifik bagi memastikan kestabilan ubat berkenaan.

■1220

Walau bagaimanapun, penghantaran melalui pos boleh dipertimbangkan sekiranya suhu ubatan berkenaan dapat dikekalkan di antara 2 hingga 8 darjah Celsius pada setiap masa dengan menggunakan kotak ais yang bersesuaian yang dimasukkan *dry ice* ke dalamnya tetapi Kementerian Kesihatan tidak menggalakkan cara ini. Kita rasa *we were advise the* Pos Laju untuk mengambil tindakan bahawa ubat-ubatan melalui *especially the cold chain*. *We shouldn't break the cold chain* penting ini. Ubatan yang dihantar merupakan yang penting saya hendak jelaskan di sini ubat-ubatan yang dihantar kepada pesakit adalah preskripsi susulan dan ulangan yang telah terlebih dahulu *dispense* pada pertama kali melalui prosedur biasa di kaunter farmasi.

Kebanyakan ubat diberi kepada pesakit yang stabil kerana dia empat bulan jumpa doktor pakar sekali. *So*, bulan pertama dapat ubat, kemudian bulan kedua dan ketiga dia boleh tempah melalui pos laju. Saya hendak jelaskan bahawa Syarikat Oratis ini adalah satu syarikat yang *coordinate*, dia ada lantik panel-panel farmasi dan memang kita rasa terpulang kepada farmasi untuk memastikan bahawa mereka berada di dalam panel tersebut. Tuan Yang di-Pertua

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi jawapan dalam perkara. Saya rasa Yang Berhormat haruslah sepanjang masa memantau pengendalian pengiriman ubat-ubatan ini agar ia dapat dikenal pasti segala kelemahannya. Jadi saya harapkan Yang Berhormat boleh memberi arahan supaya *cold chain* item harus dihentikan pengirimannya.

Kita tidak tahu apa yang akan berlaku dalam proses pengiriman tersebut. Memang Yang Berhormat kata tidak digalakkan. Saya rasa tidak mencukupi dan ia harus dihentikan serta-merta.

Bolehkah Yang Berhormat memaklumkan berapa pertambahan kos perbelanjaan kepada kerajaan ekoran daripada cara pendekatan ini dalam pengiriman perubatan dan peralatan kepada Syarikat Oratis Sdn. Bhd. yang menjadi orang tengah mengendalikan pengiriman dan pembekalan ubat-ubatan ini.

Saya rasa pihak kementerian harus juga mengenal pasti kelemahan pengiriman ubat ini dengan segera dan mengapa tiba-tiba perlu mengambil Syarikat Oratis ini? Mengapa pesara tidak boleh mengambil atau membeli ubat daripada farmasi di mana farmasi-farmasi ini dilantik terus oleh kementerian. Mengapa kena Oratis, melantik farmasi runcit ini dan saya percaya ini telah menaikkan perbelanjaan pihak kerajaan. *Why not direct* hospital atau klinik *direct* mengenal pasti farmasi membekalkan ubat-ubat tertentu. Pohon penjelasan.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Ini adalah bagi pesakit-pesakit dari pesara kerajaan kerana pada dahulunya apabila Kementerian Kesihatan tidak dapat *supply* sesuatu ubat, pesara boleh beli daripada farmasi. Kemudian selepas pesara beli, pesara buat *claim*, buat *claim* kepada JPA dan ini ada pesara yang bising kerana ianya mengambil masa yang begitu lama selepas beli ubat dia kena buat tuntutan semula dan mengambil masa yang lama dan untuk memberikan kemudahan kepada pesara-pesara kita, oleh itu JPA yang menyelaraskan semua ini dan bukan Kementerian Kesihatan saya hendak jelaskan di sini.

JPA yang uruskan untuk memudahkan pesara-pesara pesakit ini, kita bolehkan pesara ambil ubat tanpa bayaran. Boleh pergi farmasi ambil ubat yang diperlukan, kemudian JPA bayar terus kepada farmasi ataupun melalui Oratis. Oleh itu pelantikan Oratis itu seperti yang diperjelaskan telah pun dibuat oleh JPA dan kita akan lihat, kita akan kaji balik dan sekiranya tidak perlu, kita lihat bagaimana boleh wujudkan satu sistem yang baik, yang mudah untuk memudahkan pesakit-pesakit yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai juga yang bertanya kenapa kita pendekkan perkhidmatan doktor kita daripada tiga tahun kepada dua tahun? Saya hendak jelaskan dan banyak saya sudah jawab. Dia tidak ada tadi. Oh mahkamah, sudah jawab banyak sudah. *[Ketawa] [Disampuk] On record* lah, ada. Saya sudah jelaskan di sini bahawa masa berkhidmat dengan kerajaan ini sama. Kalau dahulu kita hanya memberi *housemen* satu tahun, sekarang kita sudah tingkatkan *housemen* dua tahun.

Dahulu satu tahun *housemen*, tiga tahun perkhidmatan wajib dengan kerajaan. Sekarang dua tahun *housemen*, dua tahun perkhidmatan wajib dalam kerajaan. *So its still four years*, masih sama juga empat tahun. Kita tidak ada pendekkan perkhidmatan dengan kerajaan, *it still four years*. Kita bukan, kalau kita tambah *housemen* satu tahun, tiga tahun wajib, jadi lima tahun. *So it still four years*.

Dr. Lee boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Yang Berhormat Kepong

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak bimbang dengan kurangkan dua tahun atau satu tahun cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini itu bagi setiap kepakaran di dalam hospital awam misalnya, berapa *housemen* yang ada? Adakah Yang Berhormat pernah mengkaji di dalam satu unit, berapa *housemen* sekarang? Kita nampak di mana-mana negara di dunia pun *housemen* tidak ramai, satu dua pun memadai.

Akan tetapi di Malaysia ini memang aneh binti hairan. Bilangan *housemen*nya begitu ramai dan ada juga Yang Berhormat Bukit Bintang ada bangkitkan di sini kerana saya tidak memeriksa mereka, saya tidak tahu. Saya diberitahu ada *housemen* yang datang, ini JPA punya sekolah, pelajar JPA punya yang balik daripada misalnya Ukraine yang tidak pernah memeriksa pesakit. Adakah ini benar? Di Ukraine memang ada kolej perubatan yang baik, yang mutu tinggi. Di mana pelajar kita dihantar kepada kolej yang rendah ataupun kolej yang tidak diiktiraf di Ukraine misalnya.

Akan tetapi saya tidak mahu misalnya dengar lagi ada *housemen*, ada doktor yang datang balik daripada negara-negara lain termasuk Ukraine, datang ke Malaysia tidak pernah memeriksa pesakit. Jadi mungkin doktor maya sekarang ini atau internet, doktor internet. Inilah saya berharap dapat Yang Berhormat Menteri sebagai orang yang hendak meningkatkan mutu perubatan di Malaysia ini, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji bilangan yang tidak pernah memeriksa pesakit yang menjadi *housemen* di negara kita.

Dr. Lee boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tambahan sedikit. Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berbalik kepada isu perkhidmatan wajib ataupun *compulsory service*. Saya keliru pula, maksud Yang Berhormat Menteri tadi dua tahun selepas *housemen*. Setahu kita *compulsory service* ini termasuk *housemanship* dahulunya tiga tahun itu adalah termasuk setahun *housemanship* itu. Jadi bila pula kerana *housemanship* dikira sebagai *compulsory service*. Jadi kata Yang Berhormat menteri pula dua campur dua pula. Jadi ini sudah berbeza daripada tiga tahun dahulunya yang satu campur dua ataupun tiga tahun. Ya, terima kasih.

■1230

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Soalan sama. Menteri, cuma mungkin Yang Berhormat Kuala Krai tidak pernah *housemen* di Malaysia itu jadi dia tidak faham sedikit. Cuma dalam isu *compulsory service* ini, walaupun untuk *housemen* yang dilatih di Malaysia dua tahun *housemen* dan *compulsory service* selepas pendaftaran sebagai pengamal perubatan di bawah Majlis Perubatan Malaysia, dikurangkan daripada tiga tahun kepada dua tahun. Cuma kepada mereka yang latihan *housemen* di luar daripada Malaysia, biasanya latihan itu satu tahun. Bila mereka balik ke Malaysia, dalam akta ini, mereka cuma berkhidmat dua tahun sahaja, bukan tiga tahun

seperti mana sebelum pindaan akta ini. Jadi ini satu perbezaan kalau banding dengan sebelum ini.

Cuma saya hendak menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong berkenaan dengan terlalu ramai *housemen* yang dilatih oleh pakar. Di mana kalau dahulu *housemen* cuma satu tahun, sekarang dia latihan dua tahun. Jadi pasti jumlah *housemen* sudah lipat satu kali ganda, jadi pasti lebih ramai *housemen*. Ini adalah akibat bukan setakat latihan tersebut tetapi graduan perubatan yang terlalu ramai yang sedia ada. Ini masalah pokok dan saya lihat setakat ini dengan pindaan akta ini pun tidak dapat selesaikan masalah. Bagaimana kita menghadapi menyelesaikan masalah graduan perubatan yang terlalu ramai yang mampu diserap dalam sistem latihan yang sedia ada? Terima kasih

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Gopeng telah pun jelaskan kepada Yang Berhormat Kepong tadi bahawa kenapa *housemen* meningkat mendadak. Salah satu sebabnya kerana kita telah pun naikkan daripada *housemen* satu tahun kepada dua tahun. Kalau dahulu contohnya satu tahun 3,000 orang, tahun ini kita *introduce* dua tahun, so dia ada pertindihan. *The first year not graduated yet, so the second year coming in*. Tahun kedua masuk jadi 6,000 orang. Ini menunjukkan mereka masih *housemen* lagi dan menyebabkan bilangan *housemen* meningkat mendadak. Akan tetapi yang penting apa yang dikata Yang Berhormat Gopeng tadi bahawa kita kena pastikan kualiti *housemen* kita dijaga dengan baik.

Oleh itu, pakar-pakar telah kita gesakan mereka untuk kalau dahulu dia buat *ward round* sekali, *now* dia kena buat *ward round* dua kali. Kena pastikan bahawa bilangan *housemen* yang diberikan pendedahan dan juga penjagaan kesihatan itu, latihan itu diberi dengan lebih baik, dengan lebih sempurna dan latihan diberikan. Kita sekarang telah panjangkan masa kita. Kalau dahulu dia hanya satu tahun *training*, sekarang kita bagi dua tahun. Tiap-tiap seksyen empat bulan untuk mereka lulus, pastikan mereka lulus sektor-sektor yang berkenaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini memang bukan kesalahan Yang Berhormat Menteri kerana dia mewarisi satu sistem yang tidak begitu sempurna. Misalnya – saya akan berulang kali walaupun Yang Berhormat tidak mahu dengar, tidak apalah, tetapi akan dicatat di dalam Dewan yang mulia ini. Misalnya, kita di Malaysia kependudukan itu 24 juta orang, di Australia pun lebih kurang sama. Kita ada 33 buah kolej perubatan, Australia 20 buah, di United Kingdom 70 juta orang ada 22 buah kolej perubatan. Adakah ini bermakna Malaysia itu standardnya lebih tinggi daripada Australia, lebih tinggi daripada United Kingdom? Kita ada 33 buah, macam mana kita boleh cakup macam itu? Dari mana kita dapat orang-orang yang layak untuk menjadi doktor?

Bukan sahaja kita ada nampak orang itu layak di dalam peperiksaan bahkan juga kita hendak tahu siapa yang cintakan manusia kita? Kalau dia tidak cinta manusia walaupun hasil peperiksaan itu tinggi, baik kita bagi dia untuk menuntut bidang-bidang yang tidak kena mengena

nyawa manusia. Jadi inilah, ini bukan kesalahan Yang Berhormat Menteri, cuma mewarisi satu sistem yang tidak sempurna. Memang tidak sempurna, saya akan bangkitkan banyak kali lagi di dalam jawatankuasa. Peringkat jawatankuasa saya bangkit lagi, ada perkara lagi. Apa yang tidak kena mengenai Yang Berhormat Menteri, kita cuma mesti memperbetulkannya.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada lagi.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Saya juga hendak jelaskan di sini bahawa penambahan bilangan kolej ataupun universiti kursus *medical* tidak bermakna kita kualitinya kurang. Ini kerana kita ada agensi-agensi untuk pastikan bahawa kualiti itu dipastikan dia tinggi dan juga menjaga keselamatan pesakit yang ada. Saya juga hendak pastikan bahawa termasuk latihan yang diberi di hospital juga dijalankan dengan sempurna. Kalau dahulu hanya empat bidang, sekarang kita tambah kepada enam bidang. *Six posting* dalam bidang perubatan, bidang pembedahan, O&G, pediatrik, ortopedik, kecemasan. Ini adalah penting tiap-tiap satu bidang empat bulan untuk mereka menjalani kursus-kursus yang mereka dapat pelajari dengan lebih mendalam lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Liow Tiong Lai: So Tuan Yang di-Pertua, saya memang mendengar apa juga cadangan-cadangan yang lebih baik untuk kita naikan kualiti perkhidmatan kesihatan kita dan juga termasuk latihan kepada doktor-doktor kita. Kalau kita lihat bilangan doktor yang kita hantar ke luar negara, sekarang kita sudah turunkan. Kalau dahulu tahun 2011, yang balik, 1,700 doktor daripada luar negara balik. Malaysia hantar ke luar negara tetapi sekarang kita sudah kurangkan. Ini kerana kita sudah ada kemampuan untuk memastikan bahawa kita dapat melatih doktor-doktor kita dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak termasuk itu satu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai pun bangun di belakang, Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Okey, kejam. *Short one, then...*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Short one.* Kita memang mengiktiraf beratus-ratus kolej perubatan di luar negara. Saya setuju bila kita kurangkan hantar kepada orang di luar negara kita kurangkan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat – sekarang kita mesti kaji semula kolej-kolej ada 300 atau lebih kalau tidak silap saya, ada yang baik juga daripada Taiwan pun tidak iktiraf juga tetapi ada kolej-kolej yang kurang standard pun kita iktiraf. Apakah kriteria yang kita gunakan untuk mengiktiraf kolej-kolej ini? Ini memang penting. Di sinilah, daripada JPA misalnya, hantar orang kepada luar negara seolah-olah UM kita, MU kita itu tidak cukup standard, orang luar baru cukup standard.

Baru-baru ini kita hendak kursus yang tambah untuk Universiti Malaya, kita hantar kepada Ireland seolah-olah Ireland itu yang lebih baiklah itu, walau Ireland menghadapi kesusahan sendiri di dalam bidang ekonomi Ireland. Ini bermakna orang pun ada cacat cela juga. Kita hantar kepada luar negara seolah-olah dia lebih baik. Bukan semua yang lebih baik. Inilah masalah, Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan ini supaya pihak kerajaan jangan kita buat macam itu. Kita kaji dahulu sama ada orang di luar itu lebih baik daripada kita. Bukan semua itu yang baik. Kalau yang baik, mengapa di Eropah sekarang menghadapi masalah? Ini kerana dia ada cacat cela juga. Jangan kita anggapkan MU kita tidak baik juga. Jangan kita buat macam itu lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Menteri. Saya berbalik pada masalah penempatan *housemen* dan juga selepas *housemen* itu. Saya melihat bahawa bukan sahaja saya selalu mendampingi pegawai kementerian dan juga Menteri untuk bantuan supaya *housemen* ataupun doktor ini *transfer*, kebanyakan Ahli-Ahli Parlimen pun saya tahu mereka mendampingi Menteri dan pegawai-pegawai kementerian untuk bantuan itu. Jadi saya pun tidak begitu faham kenapa – saya tidak tahu ini adalah dasar ataupun *standing order* kementerian untuk menempatkan *housemen* dan doktor itu di kawasan-kawasan yang berlainan daripada tempat mereka dan juga satu sekatan di mana seorang *housemen* yang bekerja di satu negeri itu tidak boleh diberi penempatan di negeri yang sama atau hospital yang sama, malah hendaklah bertugas di tempat yang baru.

Saya berpendapatan bahawa sekiranya seseorang itu melalui proses *housemen* dan juga memulakan kariernya sebagai seorang doktor, orang itu diberi keselesaan di mana itu adalah awal permulaan karier mereka sebagai doktor.

■1240

Orang itu diberi keselesaan di mana itu adalah pada awal permulaan karier mereka sebagai doktor. Apabila mereka mahu pergi bekerja, mereka juga akan menghadapi pelbagai masalah sendirian mereka di mana kebanyakan masalah yang mereka hadapi ini boleh juga dikongsi sama dengan keluarga mereka, yang setempat dengan tempat kerja mereka seandainya. Jadi keluarga ini boleh membantu menyenangkan cara hidup mereka ataupun masalah-masalah mereka. Jadi kenapakah, saya melihat *housemen* ataupun pelatih daripada Kedah dipindahkan ke Perak atau Selangor atau negeri lain dan dari Selangor dan negeri lain itu dipindahkan ke Kedah.

Jadi apa sebenarnya yang berlaku adalah penyulitan dalam cara hidup ataupun kehidupan harian seorang doktor itu pada masa beliau seharusnya apabila mahu pergi bekerja, beliau seharusnya sudah tidak ada masalah-masalah remeh-temeh yang boleh diselesaikan oleh keluarga mereka. Jadi saya harap kementerian akan ambil ini sebagai satu pandangan saya dan kalau boleh memperbaiki, kalaulah ada kecacatan di situ, memperbaiki kecacatan itu.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya juga terpanggil sebab isu kualiti doktor-doktor kita. Dalam kes Kugan di mana *Discipline Board* di bawah MMC yang ditubuhkan untuk pendengaran

laporan ibu Kugan yang mati di lokap polis. Didapati bahawa doktor yang membuat *post mortem report* telah mendapati bahawa Kugan itu meninggal dunia disebabkan oleh air di dalam paru-paru, *water in the lungs*. Akan tetapi *post mortem* yang kedua yang dijalankan di Universiti Malaya (UMC) mendapati Kugan meninggal akibat daripada *renal failure*. Selepas laporan dan pendengaran oleh Jawatankuasa *Discipline Board* di bawah MMC, didapati doktor yang buat laporan pertama dari HUKM didapati salah dan dihukum dan diberi teguran atau amaran sahaja.

Jadi dalam kes ini, amat jelas bahawa doktor daripada HUKM itu telah membuat satu kesilapan atau kesalahan yang serius tetapi beliau diberi teguran sahaja dan doctor itu saya rasa tidak rayu terhadap keputusan itu ke Mahkamah Tinggi. Jadi saya hendak tahu dari Yang Berhormat, tahap doktor-doktor yang duduk dalam *Discipline Board* itu, apakah kepakaran mereka untuk mendengar kes-kes sebegini di mana seorang doktor didapati salah yang amat serius, memberi laporan *post mortem* yang begitu berlainan daripada *post mortem* yang kedua.

Inilah sebab kita minta ahli-ahli yang duduk di MMC dan juga *Discipline Board* mestilah terdiri daripada orang-orang yang bukan doktor sebab ada satu persepsi sekarang, MMC yang mendengar laporan atau aduan terhadap ahli-ahli mereka sendiri cenderung terhadap mereka, *bias towards their own kind*, dengan izin. Sila beri jawapan. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi cadangan dan pandangan. Saya hendak tegaskan di sini bahawa Yang Berhormat Padang Serai, penempatan *housemen* ini bukan dasar untuk kita hantar ke luar dari negeri masing-masing. Memang kita beri keutamaan kepada *housemen* kita yang ada dalam negeri kalau dia hendak tinggal di Sarawak, kita boleh beri tetapi kita faham juga bahawa bukan semua permintaan dapat kita tepati kerana kita kena juga memastikan bahawa latihan-latihan ini diberi di hospital-hospital pakar yang tertentu sahaja. Bukan semua hospital dalam setiap negeri boleh membuat *housemen*. Oleh itu, tempat adalah terhad dan terpaksa kita agih-agihkan untuk membolehkan *housemen* kita diberikan pendedahan yang baik.

Memang pagi tadi Timbalan Perdana Menteri juga kata penempatan guru pun menghadapi masalah yang sama dan perkhidmatan kesihatan ini perkhidmatan yang besar dan kita juga akan kaji sistem yang paling baik untuk memastikan penempatan *housemen* kita diberi kepada keselesaan yang terbaik.

Berhubung dengan isu kualiti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teluk Intan. Saya hendak jelaskan di sini itulah kenapa kita hendak perketatkan dan meningkatkan prestasi MMC kita melalui pindaan akta ini. Kita akan membolehkan MMC juga melantik jawatankuasa disiplin yang ahlinya daripada orang luar. *We are more flexible now* dan kita akan pastikan bahawa pemprosesan sesuatu kes ini dapat dipercepatkan. Pada masa ini banyak kes-kes juga tertunggak dan tidak dapat dijalankan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menegaskan di sini bahawa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tentang Kolej Universiti Lincoln yang dinyatakan.

Saya hendak jelaskan di sini bahawa program perubatan Universiti Lincoln sebenarnya belum lagi diberikan pengiktirafan oleh MMC ataupun JPA kerana program perubatan mereka baru dimulakan pada tahun lepas. Penilaian pengiktirafan akan hanya dilakukan apabila pelajar-pelajar daripada kumpulan pertama sampai ke tahun yang akhir. Seperti yang saya jelaskan pada Yang Berhormat Gopeng tadi bahawa *the last year*, kita baru *access* pencapaian pelajar-pelajar tersebut.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Biar saya habiskan sejelas-jelasnya. Saya hendak Yang Berhormat jelas, jangan orang kata dengar sebelah sahaja, dengar juga penjelasan daripada Kementerian Kesihatan agar Yang Berhormat juga jelas dengan keadaan isu berkaitan program *off shore* Kolej Universiti Lincoln.

Selain daripada program pengajian perubatan tempatan yang sedang berjalan, Kolej Universiti Lincoln juga menawarkan program di tiga institusi di Ukraine secara *off shore* dan *stand alone*. Di bawah konsep ini, tenaga pengajar, kokurikulum, kemudahan hospital serta pentadbiran program adalah berasingan sepenuhnya daripada program institusi pengajian universiti luar negara berkenaan. Lincoln menggunakan *syllabus* dan juga kokurikulum pengajaran Lincoln sendiri, bukannya di Ukraine, bukan seperti yang didakwa bahawa kurikulumnya adalah kurikulum universiti tersebut.

Kurikulum diolah menurut keperluan kesihatan negara kita dan pendekatan program secara *off shore* akan dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dan kemudahan hospital pengajar dalam bidang perubatan di dalam negara kita. Program tersebut akan dipantau dari masa ke semasa sebagaimana institusi tempatan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan yang dianggotai oleh lima agensi yang *Joint Technical Committee* yang saya sebutkan tadi. Jika memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, ijazah perubatan yang dianugerahkan oleh Kolej Universiti Lincoln akan diberi pengiktirafan dan graduannya boleh mengamal di dalam Malaysia. Silakan.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya ingat Menteri, saya rasa kaedah di mana kita tunggu sampai lima tahun. Selepas mereka labur begitu banyak masa untuk pergi belajar dan lepas itu kita katakan bahawa ini tidak capai, satu pendekatan yang kejam. Kita perlu tengok apakah kualiti kursusnya, katakan di sini *stand alone*, adakah Menteri beritahu kita bahawa Lincoln akan hantar pensyarah daripada Malaysia untuk pergi mengajar di Ukraine? Kita pergi sana, macam mana dengan pesakit. Pesakit di hospital Ukraine, tidak akan cakap bahasa Malaysia. Macam mana pensyarah kita hendak bawa pelajar daripada Malaysia yang belajar di Ukraine itu ke hospital-hospital untuk periksa pesakit. Jadi kita akan pakai pensyarah di situ. Adakah mereka ada cukup pensyarah untuk juga menjaga 300 pelajar baru dari Malaysia selain daripada pelajar mereka.

Kita boleh tengok daripada kaedah mereka, kita tahu 50 graduan daripada Ukraine datang balik ke Malaysia, hanya satu per empat sahaja yang dapat lulus MQA, yang lain tidak dapat lulus.

So saya rasa kaedah di mana kita luluskan satu kolej di luar negara ataupun di dalam negara dan tunggu lima tahun untuk tengok *genuine pick, batch* yang pertama itu adakah cukup tarafnya dan lepas itu kita katakan bahawa kita tidak boleh mengiktiraf mereka. Mereka akan pergi cari MP mereka dan cuba lobi untuk kolej mereka diiktiraf.

■1250

So, saya ingat kaedah ini *the whole system* dia perlu dikaji balik. Itu sebabnya saya katakan proses ini kita kena kaji balik dalam *Select Committee*. Tengok, adakah cara kita kendalikan semua ini kolej-kolej perubatan swasta kerana wajar *medical education* di Malaysia telah tukar banyak. Adakah kaedah yang kita ada ini adakah cukup *robust*, adakah cukup kukuh untuk kita kendalikannya dengan baik? *Saya rasa the real need here*. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya hendak jelaskannya kerana bahawa ia adalah berbeza dengan program yang ditawarkan oleh Crimea State Medical University di Ukraine juga kerana pengiktirafan Crimea State University telah pun ditarik balik. Kita juga tahu bahawa Crimea State dia hanya menghantar pelajar dan belajar di Ukraine. Akan tetapi dia berbeza dengan Lincoln University. Walau bagaimanapun kita pastikan, apabila kita MQA meluluskan sesuatu kursus kokurikulum ini, maka Lincoln College perlu mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boo Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan pengiktirafan kolej perubatan di luar negara. Baru sahaja kita dengar bahawa mengikut persetujuan antara negara China dan Malaysia, kita akan iktiraf kesemua universiti daripada negeri China. Bagaimana dengan kolej perubatan atau universiti yang menawarkan kursus perubatan daripada universiti-universiti daripada negara China? Adakah ini secara automatik akan diiktiraf oleh Majlis?

Dato' Seri Liow Tiong Lai: MMC akan membuat susulan kerana tidak bermakna bahawa kita lulus semua 800 universiti, tetapi yang ada kursus perubatan dia akan terpulang kepada MMC untuk membuat susulan seterusnya.

Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menurut apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 1 Mei, ada 11 universiti di China di mana kita akan beri pengiktirafan atas sijil *medicine* yang dikeluarkan daripada universiti itu. Ada satu arahan diberi kepada MMC bahawa untuk memberi pengiktirafan supaya mereka boleh menduduki MQE, tetapi hampir sekarang tidak ada keputusan yang telah dibuat oleh MMC. Apa yang saya diberitahu adalah tidak ada apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh MMC bahawa untuk memberi pengiktirafan ke atas ijazah yang keluar daripada 11 universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Apakah kedudukan sekarang, status perkara ini sama ada murid-murid kita akan pergi ke universiti-universiti tersebut yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri

untuk *study medicine course* atau tidak? Adakah MMC akan memberi pengiktirafan ke atas graduan dari 11 universiti tersebut?

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya ada dua perkara di sini. Satu daripada universiti yang belum diiktiraf ataupun sekarang diiktiraf tetapi dia *graduate* sebelum dia diiktiraf, maka dia perlu mengambil peperiksaan MQE (*Medical Qualifying Exam*). Kita telah pun memudahkan - saya sudah pergi ke Kuching untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar tersebut bahawa mereka boleh mengambil peperiksaan ini sekarang di mana-mana universiti dalam negara kita termasuk universiti swasta. Kalau dulu hanya boleh di UKM, MU dan USM, sekarang kita telah mudahkan. Mereka boleh mengambil di Universiti Sabah sekalipun untuk mengambil *Medical Qualifying Exam* bagi mereka yang balik daripada universiti yang belum diiktiraf. Akan tetapi bagi universiti yang diiktiraf, kita baru lagi yang dikatakan tadi 11 universiti yang hendak diiktiraf, maka MMC juga akan buat susulan seperti soalan daripada Yang Berhormat Gopenglah. Ini kerana kita juga walaupun kerajaan telah mengiktiraf, tetapi MMC sebagai badan profesional kena buat susulan dan arahan telah diberikan kepada mereka untuk mempercepatkan susulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan-jawapan yang saya sempat berikan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menanya dan memberikan cadangan. Saya berharap apa-apa yang belum dijawab, dapat dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Dijemput Yang Berhormat Sungai Siput.

12.55 tgh.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey. Saya hendak bawa usul di bawah Peraturan 54(2) yang mengatakan bahawa setelah dibacakan rang undang-undang kali yang kedua, maka rang undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Jadi, saya hendak pakai peruntukan ini untuk mengusulkan bil akta ini atau pindaan ini dihantarkan kepada jawatankuasa Pilihan supaya ia dihalusi *discuss* lebih dalam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada sesiapa yang menyokong?

Dr. Lee Boo Chye [Gopeng]: Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis Usul Yang Berhormat Sungai Siput seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2). Usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda ataupun dibahas.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak bahaskah..., tidak bahaskah? Tidak bahaskah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa dia?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak bahaskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan semula masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 3 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat.

12.58 tgh.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan rang undang-undang bagi Fasal 3. Pindaan dalam fasal 3 bertujuan bagi menggantikan takrif institut latihan yang diiktiraf bagi maksud keselarasan dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan hendaklah dipersetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 4 hingga 6 -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

12.59 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, fasal 5 itu keanggotaan Majlis. Di sini di 3A(1) - Majlis hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

(a) Ketua Pengarah, yang hendak menjadi Yang di-Pertua;
Itu tidak menjadi masalah cuma yang lain itu.

(b) sembilan orang pengamal perubatan yang berdaftar;

Itu tidak menjadi masalah. Cuma itulah daripada Sabah dan Sarawak di sini, saya tidak tahulah mengapa kita mesti tetapkan di Sabah dan Sarawak hanya satu orang, kalau dua orang yang layak tidak boleh. Kalau orang yang layak daripada Sabah dua orang ataupun tiga orang daripada Sarawak, itu pun tidak boleh. Ini hairanlah saya, macam mana macam itu?

Kalau dia kata, sekurang-kurangnya seorang pengamal, itu lebih munasabah. Jadi saya pun pelik juga orang daripada Sabah tidak bangkitkan hal ini. Dia kata itu hanya seorang pengamal perubatan daripada Sarawak boleh jadi ahli, hanya satu orang. Kalau tiga orang layak tidak boleh. Cuma satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. *On that point... [Disampuk]*

Tidak habis lagi Yang Berhormat? Kalau tidak habis, kita sambung petang Yang Berhormat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengahari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kepong.

2.32 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya gembira Tuan Pengerusi jadi Tuan Pengerusi kerana ini satu rang undang-undang yang begitu penting untuk negara ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri juga hendak memperbaiki keadaan di negara ini termasuk mempertingkatkan kelayakan dan kualiti perubatan di negara ini tetapi saya nampak kita mesti berusaha lagi, bertungkus-lumus untuk memperbaikinya. Seperti saya sebutkan tadi Tuan Pengerusi, dia hanya disebutkan di sini untuk fasal 5, 3A(f) seorang pengamal perubatan daripada Sabah dan juga (g) daripada Sarawak. Saya sebutkan kalau lebih daripada dua atau tiga macam mana? Hanya seorang sahaja daripada Sabah dan Sarawak. Jadi, yang pentingnya kita catat di

sini salah seorang ataupun sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah ataupun di Sarawak. Itu lebih sempurna untuk rang undang-undang ini. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab boleh mengubah yang tidak begitu sempurna ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai kuasa Menteri untuk melantik Ahli Majlis. Ini penting. Disebutkan di sini, *“jika mana-mana badan atau orang yang disebut dalam perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g) tidak, pada tarikh yang ditetapkan menamakan atau memilih mengikut mana-mana yang berkenaan seseorang untuk menjadi ahli Majlis, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti orang itu seseorang yang berkelayakan untuk dinamakan atau dipilih sebagai ahli dan mana-mana orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan menjadi ahli seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih dengan sewajarnya mengikut mana-mana yang berkenaan oleh badan atau orang itu”*. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan lagi, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perenggan ini?

Saya sebutkan hal ini kerana kita mahu Yang Berhormat Menteri melantik orang-orang yang benar-benar layak, benar-benar mementingkan negara sebab yang wujud sekarang Tuan Pengerusi, MMC saya faham dia ada kelemahan. Mungkin kewangan tidak cukup, mungkin ahli-ahli tidak cukup ataupun tidak begitu pakar dalam hal ini kerana kita membenarkan 11 universiti awam yang mempunyai kolej perubatan dan 22 buah kolej swasta. Ini memang satu perkara yang wujud, yang saya tidak faham. Saya memang tidak faham. Oleh sebab itu kita perlu ahli-ahli yang cukup faham hal ini. Jangan dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain termasuk politik. Jangan sama sekali kerana misalnya saya tidak tahu apa yang sebenarnya yang berlaku ataupun apakah kepentingannya. Misalnya Ketua Pengarah dan mantan Pengerusi MMC dan sekarang dia sudah *Vice Chancellor* untuk MAHSA kan. Ya, *Vice Chancellor* untuk MAHSA dan MAHSA ini, dia memang cukup berpengaruh. Sama ada betul ataupun tidak saya tidak tahu.

Yang Berhormat Menteri mesti siasat, mengkaji dan sekarang yang wujudnya kekurangan hospital untuk kolej-kolej ini, kekurangan pesakit untuk kolej-kolej ini dan sekarang dengan *vice chancellor*, mantan ketua pengarah di kementerian, beliau dapat pengaruh yang cukup. Dia ada hospital yang cukup untuk kolejnya dan sebagainya. Sama ada benar ataupun tidak saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji. Ini bermakna ahli-ahli yang dilantik mestilah tidak ada kepentingan diri sendiri langsung kerana masalah dan kelemahan yang wujud setakat ini terlalu besar dan hendak membetulkan susah kerana bukan sekarang tetapi masa akan datang apabila seseorang pesakit sama ada pergi ke hospital awam ataupun swasta dia terfikir sama ada doktor ini benar-benar layak, benar-benar cekap, benar-benar kompeten dan sebagainya. Memang macam itu seperti Yang Berhormat Betong.

Yang Berhormat Betong pergi, dia tengok, *“saya tidak tahulah sama ada doktor ini boleh dipercayai”*. Memang terlintas di dalam fikiran sekarang. Yang Berhormat Betonglah itu. Itu memang ada satu ‘N’, tidak ada satu ‘N’. Sama ada terdapat ‘N’ ataupun tidak ada ‘N’ pun sama-sama. Ini tidak, dia kurang satu ‘N’... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan]*

Walaupun kurang satu 'N' dia pun terlintas di dalam fikirannya sama ada doktor ini pakar ataupun tidak. Ini memang macam itu. Saya pun tidak tahu sebab apa ahli-ahli yang wujud sekarang, yang ada sekarang itu tidak nampak masalah sekarang.

■1440

Tuan Pengerusi, kualiti doktor sama ada kolej swasta di sini ataupun yang kembali dari seberang laut, memang ramai orang ramai mengesyaki kualiti. Saya pun kurang faham mengapa ahli-ahli ini di dalam MMC membenarkan kita pergi ke Russia, pergi ke Ukraine dan sebagainya. Kita tidak fasih dalam bahasa dia, pergi dia mengajar dalam bahasa Inggeris sama ada standard bahasa Inggeris mereka pun cukup matang ataupun cukup tinggi, kita tidak tahu. Macam mana dia berhubung dengan pesakit di situ yang cakap Russia, macam mana Tuan Pengerusi? Apabila kembali kita diberitahu dia tidak pernah menyentuh seorang pesakit pun di Ukraine. Kita pun hairan juga mengapa ahli-ahli di dalam MMC ini tidak mengambil kira hal seumpama ini. Ini menunjukkan satu kelemahan yang begitu besar di dalam sistem. Penderitaan rakyat Malaysia akan datang akan berterusan bertahun-tahun.

Ini adalah sebab itu saya berharap setiap ahli di MMC akan dilantik kerana benar-benar hendak memberikan perkhidmatan yang cukup berdedikasi, bukan untuk kepentingan diri sendiri. Kita pilih orang yang benar-benar mempunyai keamanan, mempunyai sikap yang teguh. Jangan pak turut sahaja yang dilantik. Itu tidak baik. MMC tidak perlu pak turut belaka, yang penting. Sebab itulah saya mengambil masa lebih sedikit untuk hal ini kerana yang berlaku sekarang itu tidak begitu baik untuk negara ini untuk masa hadapan. Sampai bila kita akan menghadapi masalah ini, saya tidak tahu. Yang Berhormat Padang Besar pun tahu apa masalah yang kita hadapi. Apabila Yang Berhormat Padang Besar pergi ke hospital, memang orang yang lebih layak melayannya. Kalau tidak dapat menyentuh pesakit dari Ukraine pun tidak akan memberi rawatan kepadanya. Ini masalah betul.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Kepong pun samalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana dia duduk situ cakap? Tidak boleh macam itu. Tuan Pengerusi, memang kerana sampai fasal 6 sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan ya, bahawa beberapa kekeliruan Yang Berhormat Kepong, yang ditimbulkan berhubung dengan komposisi majlis ini. Di mana beliau terkeliru bahawa kenapa kita hanya bolehkan seorang dari Sabah dan seorang dari Sarawak. Sebenarnya kita jelas dalam akta ini bahawa komposisi ahlinya 15 orang boleh menyertai pemilihan, *this elected members*, 15 orang. Semua tidak kira siapa, dari latar belakang mana, selagi dia layak, dari negeri mana, Sarawak kah, Sabah kah, semua boleh dilantik. *So, on top of what*, apa yang ada sekarang, yang 15 mereka boleh menyertai? Kita ini *on top of that*, kita mengkhususkan, beri lagi tambahan, satu dari Sarawak dan satu dari Sabah. Dia pilih di Sabah dan dia dipilih di Sarawak dan masuk dalam *council* ini.

Ia lebih daripada apa yang ada sekarang dan juga Menteri juga boleh lantik tiga dari *public*, tiga daripada *private* doktor untuk menyertai dan boleh juga dari Sabah dan Sarawak dan telah pun saya jelaskan bahawa secara tradisional Pengarah Kesihatan Negeri Sabah dan Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak memang kita lantik terus dalam jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa semua sektor dijaga dengan sempurna. Oleh itu Tuan Pengerusi, memang Menteri dari segi pelantikannya juga *will get the advice from the council*. Menteri tidak akan sewenang-wenangnya melantik sesiapa yang tidak layak. Memang mana yang layak, yang telah pun dicadangkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan Menteri akan melantiknya.

Oleh itu tidak timbul masalah ataupun isu di mana kita menteri lantik orang yang tidak layak dan juga kita memang pentingkan atas menjaga kualiti doktor-doktor kita yang terlatih ini. Saya hendak tekankan di sini bahawa masalah doktor *houseman* dari Ukraine. Kita telah ambil tindakan dan kita juga pastikan bahawa *the criminal states*, universiti dahulu, kita telah pun tarik balik pengiktirafannya. Kita juga sekarang meningkatkan melalui akta ini, Yang Berhormat Kepong, akta yang baru ini kita akan memantau MMC dan juga membolehkan MMC membuat lawatan ke universiti lebih kerap. Kalau dahulu kita hanya mengiktiraf universiti ini selepas itu kita lepaskan macam itu sahaja. Melalui pindaan ini, MMC kerana telah dikorporatkan, mempunyai kuasa yang lebih, boleh membuat lawatan berjadual dan bayaran dikenakan ke atas universiti. Universiti kena bayar bayaran pada MMC dan MMC boleh buat lawatan berkala.

Kalau sekarang kita susah, kita buat lawatan, MMC *got to pay for it*. So, kita dengan adanya *amendment* ini universiti boleh buat bayaran pada MMC dan MMC boleh buat lawatan dan kita akan pastikan lawatan yang berjadual lebih kerap akan lawat ke universiti untuk memantapkan lagi kualiti yang kita hendak jaga. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, baik juga kalau pihak universiti yang berkenaan membayar. Akan tetapi Tuan Pengerusi, kita mesti ingat, bukan sahaja mengenai pelajar-pelajar itu bahkan juga ada lebih 300 universiti di dunia yang kita iktiraf dan perlu kita mengkaji sama ada standard itu memenuhi apa yang dikehendaki. Kalau ada 300 lebih buah universiti, adakah ini bermakna ahli-ahli di dalam MMC ini akan melawat dengan dibayar oleh universiti berkenaan untuk ke seluruh dunia, 300 universiti. Berapa universiti satu tahun akan kita melawat? Ini perlu Tuan Pengerusi. Saya sebut sekali lagi, 'aneh binti hairan' kerana begitu banyak universiti. Seolah-olah universiti kita tidak cukup standard. MU pun tidak cukup standard, semua pun tidak cukup. Ini bermakna macam itu. Jadi, kita tidak boleh membuat macam itu lagi. Kita standard mesti ada. Apa pasal kita hendak iktiraf begitu banyak universiti.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebab itulah saya jawab tadi bahawa sekarang kita sudah ada 33 universiti dalam negara kita yang menawarkan perubatan dan kita telah mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar kita ke luar negara. Kita akan terus pastikan bahawa kualiti perubatan ini dijaga dengan baik. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Fasal-fasal 4 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 7 [Pindaan] –

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

■1450

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan undang-undang bagi fasal 7. Pindaan kepada fasal 7 bertujuan untuk menggantikan perenggan 4A(2)(h) bagi maksud keselarasan menyelaraskan dengan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, seperti yang telah dibentangkan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 7 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 8 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 37 [Pindaan] -

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan rang undang-undang bagi fasal 37. Fasal (pindaan) fasal 37 dibuat bagi maksud keselarasan dengan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Tuan Pengerusi: Ada? Sila, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, banyak. Itu ada suara daripada situ. Itu melanggar peraturan. Kalau hendak ucap, kita bangun dahulu. Itu tidak prihatin kepada apa masalah yang dihadapi oleh bidang perubatan di negara ini. Bila sakit, jangan hendak minta tolong daripada doktor di Malaysia termasuk daripada Yang Berhormat Mersing.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Enam tahun kemudian tidak ada lesen.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini mengenai pindaan ke atas fasal 37 ini, saya hendak bangkitkan di sini. Misalnya di dalam pindaan ini, hendak selaraskan dengan apa yang disebutkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi kerana Kementerian Pengajian Tinggi dia ada MQA. Di sini ada jawatan. Seperti yang saya sebutkan, kalau kita sudah terima cadangan ataupun daftar daripada MQA, mengapa kita perlu satu jawatankuasa lagi? Itu memang aneh kepada saya. Berapa ahli di dalam jawatankuasa yang diperlukan? Kita sudah iktiraf. Hendak tanya kepada

Yang Berhormat Mersing, kita sudah iktiraf *Academy of Medicine*. Dia punya daftar sudah lebih daripada 500 orang pakar dan diharapkan pada masa hadapan akan tambah kepada 13,000 orang. Kita ingat 13,000 orang pakar. Bukan main hendak menentukan kelayakan dan kebolehan mereka, kemampuan mereka, kompeten mereka. Tidak, memang susah hendak mengesahkan. Memang susah dan di sinilah saya tekankan sekali lagi mengapa kita perlu satu lagi jawatankuasa setelah kita sudah mengiktiraf dan menerima daftar daripada *Academy of Medicine*. Walaupun kita hendak selaraskan dan sebagainya supaya kuasa tidak bertindih. Ini memang maksudnya.

Walaupun macam itu, kita mesti fikir dengan masak-masak mengapa kita perlu satu jawatankuasa lagi kalau kita sudah terima itu. Seolah-olah MQA pun tidak bertugas dengan baik. Mungkin setakat ini ada kelemahan. Ada kelemahan MQA. Itu wang tidak cukup dan juga itu bilangan kakitangan yang tidak cukup, anggota yang tidak cukup di MQA itu. Memang tidak cukup dan wang pun tidak cukup. Belanja tidak cukup. Tidak sempat pergi ke universiti-universiti yang kita timbang hendak mengiktiraf dan sebagainya sehingga wujud masalah sekarang. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Bentong dengan 1M lah. Dapat – dia ada 1M. Dia megah bukan main. 1M lebih ada. Walau bagaimanapun, saya berharap beliau dapat berfikir dengan masak-masak supaya tidak akan wujud agensi yang bertindih-tindih. Satu cukup. Jangan dua, tiga atau empat dan begitu banyak. Itu menunjukkan kita tidak serius di dalam hal untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar nasihat daripada Yang Berhormat Kepong bahawa memang tujuan akta ini untuk memastikan kita selaras dengan MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh itu kita masuk pindaan kepada fasal 37 bahawa dengan adanya fasal 37(4)(e)(i) ini, maka majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantu fungsi majlis dan tidak ada masalah dari segi mewujudkan Jawatankuasa Pendidikan Perubatan kerana dengan adanya Jawatankuasa Pendidikan Perubatan ini, kita akan juga dapat membantu memantau kualiti yang memang cukup prihatin daripada Yang Berhormat Kepong ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sesuatu.

Tuan Pengerusi: Sila duduk dulu, Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak boleh lagi?

Tuan Pengerusi: Sudah terlambat, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 37 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 38 hingga 42 –

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya dengan latihan *housemen*. Latihan *housemen*. Walaupun Yang Berhormat Menteri sudah jelaskan dia ada skim yang baru untuk melatih *housemen*, sekarang sudah dua tahun. Enam bidang, dua tahun. Saya berharap kementerian dapat mengkaji macam mana dengan tambahnya enam bidang dan juga dua tahun ini, kita dapat menyempurnakan latihan. Ini kerana yang penting, cuba tanya Yang Berhormat Mersing, dahulu itu berapa *housemen* di dalam satu *department*, satu jabatan. Tiga sahaja. Lebih pun dua. Sekarang lebihannya. Dia kata kerana dia tambah satu tahun lagi kerana daripada 3,000 tambah kepada 6,000 atau 7,000. Sebab itulah ramai *housemen* dilatih sekarang. Yang pentingnya, tidak ada pesakit yang cukup untuk *housemen* ini juga. Bukan sahaja untuk pelajar. Tidak cukup. Kalau kita ada bekas pengarah menjadi *vice chancellor*, mungkin dia ada pengaruh yang cukup, hospital yang cukup, pesakit untuk pelajar pun cukup, untuk *course men* pun cukup.

Akan tetapi bagi kolej yang lain, Tuan Pengerusi, tidak ada. Tidak cukup. Mungkin kita perlu gunakan internetlah untuk latihan *housemen* dan pelajar. Gunakan internet sahaja. Kita tengok *internet* sudah cukup. Tidak payah memeriksa pesakit. Mengapa situasi seumpama ini wujud saya pun tidak faham. Walaupun Yang Berhormat sekarang kata, "*cukup kita, semua skim pun baik, enam bidang lagi kita tambah. Itu sudah cukup*"

■1500

Akan tetapi tidak Yang Berhormat Menteri, memang tidak. Bagi seseorang yang pernah dilatih di dalam sistem perubatan, kita tahu tidak boleh macam itu. Di mana di dunia *housemen* yang begitu ramai untuk satu jabatan? Tidak ada. Sebab itu saya berharap Yang Berhormat Kota Belud lantang dibidang yang lain, sekarang apabila sakit jangan minta tolong. Kalau dia hendak meminta tolong, kita hantar doktor dari Ukraine bagi dia, hah, itu cukup!...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kita pakai bomohlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hantar doktor Ukraine bagi dia.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kepong, kita pakai bomoh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak ada bomoh, saya tidak faham apa bomoh dan mungkin Yang Berhormat Ledang faham.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Kita minta tolong dengan Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri kerana tidak pernah berlaku di dunia hal seumpama ini dan Menteri patut mempertimbangkan bagaimana lagi, bukan sahaja setakat menambahkan enam bidang bahkan macam mana latihan

ini dapat mempertingkatkan supaya para *housemen* ini dapat dilatih dengan betul-betul. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kota Raja.

3.01 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya turut ingin melahirkan rasa kebimbangan saya sebenarnya mengenai pindaan seksyen ini, khidmat wajib di bawah perenggan ini, daripada tiga tahun yang sedia ada kepada dua tahun. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong, kalau dahulu jangka masa untuk latihan *housemen* adalah satu tahun dan kita mengakui bahawa tidak mencukupi kerana kita hanya mungkin boleh membuat dua *posting* besar dan sekarang ini ditingkatkan kepada dua tahun untuk *cover* enam *posting*, itu sangat dipersetujui. Namun, perkara ini walaupun jangka waktunya panjang tetapi *contact hours* iaitu masa mereka dengan pesakit jauh lebih kurang daripada kalau dibandingkan pada 20 tahun yang sudah atau 15 tahun yang sudah.

Kebimbangan saya adalah apabila *exposure*, pendedahan mereka kepada jumlah pesakit itu tidak mencukupi, maka pengalaman klinikal mereka amat kurang. Tambahan pula apabila mereka ini menjadi graduan-graduan daripada universiti-universiti yang tidak sampai kepada satu piawaian yang tinggi dan *credible* kerana ramai juga di antara mereka, saya bersama dengan UKM dahulu, fakulti perubatan, apabila kita mengadakan peperiksaan ataupun *evaluation*, penilaian, sebelum mereka diterima masuk sebagai *housemen*, banyak yang tidak mencapai standard atau piawaian yang dikehendaki. Jadi kebimbangan saya, sekiranya dua tahun ini, ini kita belum bercakap mengenai *housemen* ataupun doktor pelatih yang melakukan latihan mereka di hospital-hospital seperti di Sabah dan Sarawak di mana kita tahu bahawa kekurangan tenaga pengajar dan kekurangan pakar-pakar.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa kita ada 33 sekolah perubatan sekarang di Malaysia, saya ingin bertanya berapakah jumlah hospital untuk latihan mereka? Saya lihat memang betul seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, ada hospital-hospital baru seperti di Selayang, Sungai Buloh dan sebagainya di mana mereka ini sudah menjadi orang kata menerima kolej-kolej perubatan seperti daripada MAHSA dan sebagainya kerana apabila tepu dengan jumlah penuntut, mereka tidak boleh lagi menerima penuntut yang lain kerana nisbah di antara pakar dan pensyarah dengan pelatih terlalu besar. Jadi dengan itu apabila latihan mereka sudah habis dua tahun, kemudian khidmat wajib pula dikurangkan kepada dua tahun. Sekiranya mereka ini menjadi pegawai perubatan di hospital-hospital yang tidak mempunyai kesemua kepakaran, mereka tidak mempunyai pendedahan kepada semua bidang perubatan itu ada.

Saya tidak bimbang kalau selepas dua tahun ini mereka masuk kepada institusi, mereka terus bekerja sebagai MO atau pegawai perubatan di hospital-hospital kerajaan, tetapi saya bimbang apabila mereka meletakkan jawatan sebagai pegawai perubatan dan tidak lagi bekerja di Kementerian Kesihatan dan terus membuka satu praktis sendiri sebagai pengamal perubatan persendirian, maka pesakit-pesakit mereka tidak akan mendapat sebaik mungkin daripada pengalaman yang mereka ada. Kalau dahulu satu tahun itu betul-betul intensif, satu wad mungkin hanya ada empat orang sahaja doktor pelatih, maknanya kita kena tengok hampir kes yang terlalu banyak tetapi sekarang ini mereka sudah kurang.

Saya sebenarnya ingin mengesyorkan – semalam saya menghadiri konvokesyen anak saya di *Penang Medical College*. Saya bersembang dengan seorang lagi doktor pakar, pegawai perubatan kesihatan, saya mengatakan saya memang mencadangkan kepada anak saya, saya kata kenapa tidak pergi ke Sabah dan Sarawak kerana di sana ramai pesakit dan kita mempunyai peluang untuk *first hand*, untuk merawat pesakit di mana peluang klinikal itu lebih besar kerana dahulu seperti Yang Berhormat Sungai Siput pernah berkhidmat di Sabah dan Sarawak, prosedur yang tidak boleh kami lakukan di Semenanjung, boleh mereka lakukan di sana.

Namun, pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan memberitahu saya, kata, jangan YB, sebab di sana kurang pakar untuk *supervise*, untuk memantau MO-MO atau pegawai-pegawai perubatan yang agak baru lepas daripada latihan *housemen*, kemudian kalau pergi ke Sabah dan Sarawak, dia tidak akan mendapat manfaat daripada kes yang pelbagai dan banyak itu kerana kekurangan pemantauan dan pengajaran daripada pakar-pakar dan sebagainya.

Jadi ini adalah daripada kalangan pegawai perubatan, kalangan kami yang memang ada ijazah perubatan berasa bimbang dan merasa ragu-ragu di mana dua tahun sebagai pegawai perubatan khidmat *compulsory*, khidmat wajib ini masih tidak mencukupi untuk menyediakan doktor-doktor kita untuk berkhidmat secara bebas, *independent*, tanpa dipantau kerana apabila mereka bekerja di luar, membuka klinik sendiri terutamanya di klinik-klinik luar bandar, mereka sudah tidak terikat daripada pemantauan oleh pakar-pakar lagi. Jadi di sini kalau mereka tidak membuat silap dan tidak dibawa kepada MMC, maka mereka akan terlepas daripada apa yang kita panggil *negligence*, kecuaiannya mereka itu sendiri. Yang dibawa kepada MMC ini adalah kecuaiannya yang kadang-kadang melibatkan nyawa dan sebagainya.

Kita belum bercakap mengenai kecuaiannya apabila mereka mendiagnosis. Saya hendak memberikan contoh kalau kita tidak ada pendedahan kepada kepakaran otorinolaringologi iaitu hidung, telinga dan tekak. Doktor-doktor di pengamal perubatan di luar, apabila datang pesakit dengan simptom yang menyamai selesema, hidung berhingus, mata berair, maka terus mereka memberi anti histamin ataupun mereka mengatakan *this is common cold*, ini selesema biasa. Pesakit datang beberapa kali, masih lagi selesema biasa. Oleh sebab mereka tidak terdedah kepada kepakaran otorinolaringologi misalnya, ENT, mereka tidak tahu bahawa mungkin anak ini

atau pesakit ini sebenarnya mengalami apa yang kita panggil *allergic rhinitis* ataupun *allergic sinusitis*. Pendedahan ini amat penting, pentingnya mereka perlu didedahkan kepada semua.

Semasa mereka menjadi pegawai perubatan, mereka perlu terdedah kepada semua disiplin sebelum mereka menjadi pengamal perubatan am. Ini adalah kebimbangan saya sendiri dan saya merasakan bahawa tiga tahun ini kalau boleh kita hendak memastikan bahawa ada pengamal perubatan yang membuka klinik mereka, mungkin kementerian boleh membuat garis panduan kepada mereka supaya mereka sudah melalui kepakaran-kepakaran sebagai pegawai perubatan sebelum membebaskan mereka untuk membuka klinik-klinik sendiri. Jadi dua tahun ini adalah satu jangka masa yang sangat pendek sebenarnya.

Saya juga ingin menyebut di sini bahawa, tadi saya hendak menyebut mengenai – minta maaf, saya sudah terlupa terus, pening kepala... Terima kasih.

■ 1510

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Kota Raja, begitu prihatin tentang tahap dan kualiti *houseman*, latihan *houseman* kita. Kementerian Kesihatan menyedari pentingnya mutu dan kemahiran doktor terlatih ini yang perlu kita tingkatkan latihan ini. Kita sentiasa memantau perkembangan semasa pada hari ini. Seperti yang saya jelaskan tadi Yang Berhormat Kepong bahawa tambahan *houseman* ini kerana kita sudah jadikan ia dua tahun. So, mendadak. Daripada setahun, tambah lagi setahun, menjadi bilangannya berlipat ganda. Oleh itu, doktor-doktor pakar telah pun digesa untuk memastikan pemantauan kepada *houseman* ini dibuat dengan sepenuhnya.

Buat masa ini kita ada lebih kurang 42 buah hospital pakar yang memberikan latihan kepada *houseman* kita. Saya hendak jelaskan di sini bahawa semua doktor pakar yang kita lantik untuk membimbing *houseman* kita adalah pakar dan adalah *qualified* yang untuk memberi bimbingan. Oleh itu, tidak timbul isu di Sabah dan Sarawak kurang dari di Semenanjung. Tidak timbul isu bahawa kita tidak kurang pakar di hospital Sabah dan Sarawak untuk membimbing doktor-doktor pakar itu. *I think that one is only hearsay* daripada Yang Berhormat Kota Raja.

Apa yang penting adalah bahawa kita pastikan doktor-doktor pakar kita menjalankan pemantauan dan latihan kepada *houseman* kita dengan sebaik mungkin. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan bahawa khidmat wajib dan juga latihan *houseman* kita agar mencukupi untuk memberikan latihan yang cukup kepada *houseman* kita.

Oleh kebimbangan Yang Berhormat Kota Raja tadi bahawa kita dahulu satu tahun *houseman*. Kemudian, tiga tahun wajib untuk latihan sebagai MO di hospital kerajaan. Sekarang kita sudah menaikkan dua tahun *houseman*. So, dua tahun wajib. Sebenarnya, masanya masih sama empat tahun dalam perkhidmatan kerajaan. Kita juga akan memantau dan mengkaji semula dari semasa ke semasa. Sekian.

[Fasal-fasal 38 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]
[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]
[Majlis Mesyuarat bersidang semula]
[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]
[Rang undang-undang dilaporkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.14 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Alam Sekeliling telah digubal pada tahun 1974 dan dikenali sebagai Akta 127. Akta 127 ini mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada 15 April 1975. Akta ini kini diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagaimana yang disenaraikan dalam Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan.

Sejak penguatkuasaan pada tahun 1974, Akta 127 telah dipinda sebanyak lima kali. Cadangan berkenaan yang dikemukakan sekarang merupakan pindaan kali yang keenam untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dan bagi menghadapi cabaran-cabaran baru dalam menangani isu alam sekitar. Tujuan utama pindaan pada Akta 127 kali ini adalah untuk memantapkan lagi pengurusan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), *Environmental Impact Assessment* dan penguatkuasaan termasuk menaikkan penaltinya serta memperkukuhkan mekanisme penguatkuasaan dan pendakwaan. Pindaan akta ini juga melibatkan penambahan bidang bagi Menteri membuat peraturan baru iaitu berhubung dengan penilaian kesan pada alam sekeliling, orang yang berwibawa, *competent person* dan penyelia latihan dalam lapangan alam sekeliling.

Selain itu, cadangan pindaan juga bertujuan supaya akta ini diselaraskan dengan kehendak undang-undang domestik lain seperti Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 ini telah di bentang dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 April 2012. Sebelum memuktamadkan, rang undang-undang ini juga beberapa siri perbincangan dan

rundingan telah diadakan dengan pihak berkepentingan atau *stakeholders* termasuk agensi kerajaan, industri dan juga pertubuhan bukan kerajaan berkaitan alam sekitar. Secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan sejumlah 12 cadangan pindaan pada peruntukan sedia ada, 14 cadangan seksyen baru dan satu pemotongan seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pencemaran ditafsirkan sebagai apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung pada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi, mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan benda berbahaya pada alam sekeliling. Pencemar atau buangan-buangan hingga menjejaskan apa-apa kegunaan berfaedah menyebabkan sesuatu keadaan yang bahaya atau mungkin berbahaya pada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam atau pada binatang, burung, hidupan liar, ikan atau hidupan-hidupan dalam air atau pada tumbuhan-tumbuhan atau menyebabkan sesuatu pelanggaran pada apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah akta ini.

Tafsiran sedia ada ini adalah tersebut didapati tidak praktikal dan sukar untuk membuktikan pencemarannya. Walaupun pencemaran telah berlaku dan standard pelepasan ditetapkan tidak dipatuhi. Di samping itu, adalah sukar untuk mengenal pasti keadaan sebelum pencemaran berlaku dan membuktikan berlakunya apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung pada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi. Justeru timbul keperluan untuk mengemaskan lagi tafsiran pencemaran yang sedia ada dengan meminda tafsiran pencemaran seksyen 2 akta ini supaya lebih praktikal untuk membuktikan pencemaran telah berlaku. Dengan tafsiran baru ini, pencemaran ditafsirkan telah berlaku jika bahan pencemar yang dilepaskan ke alam sekitar melebihi standard yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya tahun 2004, kewujudan kementerian-kementerian baru dan penggabungan beberapa buah kementerian menyebabkan pertukaran nama kepada kementerian. Selaras dengan perubahan ini, maka terdapat keperluan untuk meminda seksyen 4, Akta 127 mengenai keahlian Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali kementerian ini juga dan jabatan menerima rungutan bahawa laporan EIA yang dikemukakan lambat diproses dan dibuat keputusan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini berlaku kerana kebanyakan laporan-laporan EIA yang dikemukakan adalah tidak lengkap serta menimbulkan keraguan. Keadaan ini berlaku kerana laporan-laporan tersebut disediakan dan dikemukakan oleh juruperunding-juruperunding atau *consultant* yang kurang kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang yang berkaitan. Masalah itu timbul disebabkan pada masa ini, tidak ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan juru runding EIA berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar.

■1520

Bagi mengatasi masalah tersebut, dicadangkan seksyen 34A Akta 127 dipinda untuk mensyaratkan hanya juru perunding EIA yang kompeten dan berdaftar dengan Jabatan Alam

Sekitar sahaja dibenarkan menjalankan kajian EIA dan menyediakan laporan EIA. Dengan cara ini Jabatan Alam Sekitar dapat memastikan laporan EIA yang dikemukakan adalah berkualiti, dijalankan oleh individu yang berkelayakan serta bertanggungjawab ke atas kajian dan syor-syor yang dikemukakan dalam laporannya. Ini akan membolehkan Jabatan Alam Sekitar membuat keputusan berkesan dengan lebih cepat.

Selain itu, seksyen 34A tersebut juga dipinda untuk memastikan supaya sesuatu cadangan projek adalah selaras dengan rancangan fizikal negara, rancangan struktur dan rancangan tempatan yang telah diluluskan oleh kerajaan. Tujuan ini adalah untuk mengatasi masalah ketidakserasian guna tanah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan serta mengelakkan pencemaran dan kacau ganggu yang boleh menjelaskan kualiti hidup rakyat. Memandangkan kesalahan-kesalahan alam sekitar yang dilakukan di bawah seksyen 34A adalah sangat serius, adalah dicadangkan supaya penalti maksimum terhadap pelanggaran seksyen ini dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan lagi penguatkuasaan terhadap aktiviti projek yang tertakluk kepada EIA, adalah dicadangkan satu peruntukan baru iaitu sub seksyen 34AA diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, selepas ini disebut sebagai Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah larangan atau memberhentikan kerja bagi projek-projek yang tidak kelulusan EIA atau projek yang melanggar syarat-syarat EIA.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini pegawai-pegawai penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar yang menjalankan penyiasatan tidak mempunyai kuasa untuk menangkap orang yang disyaki melakukan jenayah alam sekitar seperti melupuskan buang toksik, yang melakukan pembakaran terbuka. Oleh itu dicadangkan supaya diwujudkan seksyen baru iaitu seksyen 37C bagi membolehkan penangkapan dilakukan oleh pegawai penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar di tempat kejadian dan orang yang disyaki di bawa ke balai polis yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyeragamkan lagi akta ini dengan Kanun Tatacara Jenayah, adalah dicadangkan seksyen baru iaitu seksyen 38AA diwujudkan. Cadangan peruntukan seksyen adalah sama dengan seksyen 113, Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan kebolehterimaan rakaman percakapan sebagai keterangan atau bukti.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu permasalahan yang dihadapi semasa pendakwaan adalah untuk memastikan kehadiran saksi apabila diarah bagi tujuan membantu siasatan. Bagi menyelesaikan masalah ini, adalah dicadangkan sebuah seksyen baru seksyen 38AB diwujudkan. Seksyen ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mereka yang berkaitan dengan sesuatu kes yang untuk menghadiri diri untuk membantu siasatan. Sekiranya gagal menghadirkan diri, mahkamah boleh mengeluarkan waran mengarahkan pihak terbabit menghadirkan diri bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 46B pula dipinda bagi membolehkan pegawai penguat kuasa merampas, melucut hak kenderaan, kapal atau buku atau apa-apa perkara yang dijumpai selepas pengeledahan dibuat. Seksyen ini juga menerangkan dengan lebih lanjut akan tindakan yang boleh diambil oleh pegawai penguatkuasaan sekiranya tidak ada pendakwaan dilakukan. Cadangan ini adalah penting bagi memastikan apa-apa barang yang dirampas semasa kerja penguat kuasa diurus dengan sempurna, adil dan telus.

Manakala bagi menyelaraskan akta ini dengan Kanun Tatacara Jenayah, tiga seksyen baru diwujudkan iaitu seksyen 46BA, 46BB dan 46BC. Seksyen 46BA adalah untuk menyatakan kehendak membuat senarai barang-barang yang disita, *seized*, dengan izin, dan senarai tersebut ditandatangani dan diserahkan kepada pemilik atau wakilnya. Seksyen 46BB adalah untuk prosedur pelepasan barang-barang yang telah disita atau di pulang kepada pemilik atau wakilnya. Seksyen 46BC pula menetapkan kos penyimpanan barang-barang yang diambil adalah ditanggung oleh orang yang disabit kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu adalah dicadangkan supaya seksyen baru iaitu seksyen 48AA diwujudkan bagi mengambil kira perubahan teknologi terutama dalam bidang teknologi maklumat. Seksyen ini adalah berkaitan dengan kebenaran mengambil data-data yang disimpan di dalam komputer untuk membolehkan pegawai mengakses data komputer suspek bagi tujuan penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memperkemas prosedur penguatkuasaan bagi kes pelupusan haram buangan terjadual yang sering kali melibatkan kuantiti yang banyak. Oleh itu bagi memperkemas lagi prosedur penyiasatan, satu seksyen baru iaitu seksyen 48AB yang berkaitan dengan anggapan atau dengan izin, *assumption*, dicadang diwujudkan. Cadangan mewujudkan seksyen ini akan memudahkan pengumpulan bahan bukti untuk memulihkan bilangan sampel yang munasabah diambil untuk dianalisis dan diterima sebagai mewakili keseluruhan barang kes.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu adalah dicadangkan seksyen baru iaitu seksyen 48AC diwujudkan. Seksyen ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau pegawai penguat kuasa untuk mengarah pihak yang disiasat supaya mengemukakan dokumen peralatan, bahan dan sebagainya untuk membantu siasatan. Seksyen 48AD pula di cadang untuk diwujudkan bertujuan untuk menjadikan perbuatan menghalang atau enggan memberi akses kepada Ketua Pengarah atau pegawai penguatkuasa semasa menjalankan sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman. Adalah juga dicadangkan seksyen baru iaitu seksyen 48AE diwujudkan untuk membenarkan seseorang yang melakukan lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta 127 untuk dipertuduhkan dan di bicara dalam satu perbicaraan untuk menjimatkan masa perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 49 dicadangkan dipinda untuk memasukkan perkataan perbadanan. Ini adalah bertujuan supaya Ketua Pengarah juga boleh menurunkan kuasa kepada pihak pegawai sesuatu perbadanan di mana perlu. Untuk memastikan keberkesanan dalam

pengawalan pencemaran, pihak yang terlibat sama ada dari pihak industri, penggerak projek atau perkhidmatan berkaitan alam sekitar perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup. Mereka ini termasuk orang yang terlibat dalam mengendali alat kawalan, pengurusan buangan terjadual, menjalankan kajian dan menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Oleh yang demikian, satu seksyen baru iaitu seksyen 49A adalah dicadangkan diwujudkan bagi mewajibkan pihak-pihak tersebut mengambil khidmat kerja hanya daripada orang yang berwibawa dengan izin, *competent person* untuk menjalankan tugas-tugas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan jenayah alam sekitar sering kali menghadapi masalah bukti yang tidak mencukupi. Oleh itu dicadangkan bahawa seksyen baru seksyen 49B diwujudkan untuk memberi ganjaran kepada pembekal maklumat, *informers*. Kaedah ini dapat memberi galakan kepada orang awam supaya memberi maklumat yang dapat membantu kerajaan membanteras jenayah alam sekitar. Sehubungan dengan itu juga dicadangkan supaya wujud seksyen 50A untuk melindungi pemberi maklumat. Seksyen baru ini dapat memberi jaminan kepada pembekal, pemberi maklumat bahawa identiti mereka tidak akan didedahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya yakin cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan itu akan dapat memperkukuhkan lagi akta tersebut dan dapat memantapkan lagi penguatkuasaan terhadap jenayah alam sekitar yang kini semakin mencabar. Dengan pemantapan penguatkuasaan melalui cadangan pindaan-pindaan ini, saya juga yakin dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar justeru dapat menyokong pembangunan negara ke arah negara maju melalui pembangunan lestari serta dapat menjamin kualiti hidup dengan izin, *a better quality of life*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Rembau.

■1530

3.30 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong pindaan yang telah dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sebagai satu langkah yang begitu penting sekali untuk memperkukuhkan dan memperkasakan lagi Jabatan Alam Sekitar ke arah tujuan kita memastikan bahawa pencemaran kepada alam sekitar kita ini dapat ditangani dengan lebih tegas dan diberikan lebih kuasa kepada JAS untuk memastikan siasatan dapat dibuat dan penangkapan dapat dibuat dengan cepat.

Saya yakin antara kekangan yang dihadapi oleh Jabatan Alam Sekitar selama ini adalah bahawa walaupun mereka tekun dan komited melaksanakan tugas tetapi oleh kerana peruntukan undang-undang tersebut tidak membenarkan beberapa kuasa yang penting untuk satu agensi penguat kuasa utama dalam usaha kita berdepan dengan pencemaran alam sekitar maka kelemahan tersebut memang ada. Kita tidak salahkan komitmen kementerian ataupun jabatan tetapi peruntukan kuasa yang diberi oleh undang-undang.

Oleh sebab itu pada hari ini saya rasa ini adalah satu pindaan bersejarah yang memberi *teeth* dengan izin ataupun kuku ataupun gigi kepada Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa Ketua Pengarah dan juga jabatan ada kuasa untuk menyiasat dan untuk tangkap. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kalau agensi penguat kuasa ini tidak ada kuasa tersebut, mereka tidak boleh menjadi satu agensi yang boleh memberi suatu amaran yang tegas ataupun *the issue of a threat of investigation and also arrest* kepada mereka yang terlibat dalam pencemaran alam sekitar.

Kita sedari bahawa pencemaran alam sekitar ini adalah salah satu isu yang bukan hanya melibatkan kilang-kilang di kawasan bandar. Akan tetapi pencemaran alam sekitar ini juga adalah satu isu yang besar juga di seluruh negara yang melibatkan pencemaran air sungai, pencemaran kawasan-kawasan pertanian, kampung dan sebagainya. Jadi, saya harap kita dapat meningkatkan lagi publisiti mengenai isu tersebut dengan diberi kuasa yang lebih kepada Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya saya ingin merakamkan ucapan syabas kepada kementerian sebab saya hendak huraikan sedikit mengenai pindaan yang telah dibuat. Saya rasa antara perkara yang pertama adalah sebelum ini dengan izin Tuan yang di-Pertua, *it has been very tough to proof* apabila pencemaran itu berlaku. Oleh sebab kalau pencemaran itu terlalu nyata mungkin senang untuk kita buktikan tetapi kalau pencemaran itu berlaku dengan *burden of proof* yang begitu rendah dalam akta yang lama, amat sukar bagi Jabatan Alam Sekitar untuk menangkap lagipun menuduh mereka yang mencemarkan alam sekitar di mahkamah.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa dengan pindaan tersebut di mana kita telah *ease the burden of proof* dengan izin kepada Jabatan Alam Sekitar, di mana hanya kita perlu buktikan bahawa kilang ataupun siapa sahaja telah melangkaui standard yang telah ditetapkan. Saya percaya lebih banyak lagi tuduhan dapat dibuat ataupun lebih banyak lagi penangkapan dapat dibuat. Saya harap dengan pindaan tersebut di mana *the burden of proof* adalah lebih mudah bagi dibuktikan di mahkamah dengan pencemaran alam sekitar. Saya harap Menteri dan juga Jabatan

Alam Sekitar akan menunjukkan hasil pindaan ini dengan pertuduhan dan juga penangkapan yang lebih banyak lagi. Oleh sebab saya tahu banyak kilang, banyak ladang, banyak lagi organisasi dan juga syarikat-syarikat yang terlibat dengan pencemaran alam sekitar yang selama ini tidak dapat dibuat oleh kerana *burden of proof* itu terlalu tinggi untuk membuktikan di mahkamah.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai denda. Ini saya bangkitkan dahulu sama Menteri bahawa denda ini telah dinaikkan daripada RM100,000 kepada – antara RM100,000 dan RM500,000. Saya bangkitkan oleh kerana banyak syarikat-syarikat gergasi dan kilang mungkin pilih untuk membayar denda daripada mereka menukarkan amalan-amalan mereka sama ada amalan pencemaran alam sekitar, udara, sungai dan sebagainya. Untuk syarikat-syarikat gergasi RM500,000 tidaklah banyak. Contohnya kalau kita lihat kepada syarikat-syarikat gergasi perladangan, syarikat-syarikat kilang dan sebagainya.

Saya telah mencadangkan kepada Menteri supaya dinaikkan lagi denda tersebut daripada RM500,000 mungkin kepada juta-juta. Oleh sebab ia bukannya denda minimum. Ia adalah *range*. Kalau kita letak *range*, biarlah kita letak *range* yang lebih besar lagi supaya perkara ini boleh menjadi satu elemen pencegah kepada syarikat-syarikat yang besar untuk melihat denda itu sebagai satu amaun yang kecil berbanding dengan *turnover* ataupun keuntungan mereka.

Akan tetapi saya difahamkan bahawa Menteri akan memantau sama ada perkara ini perlu dipinda untuk masa yang akan datang. Akan tetapi juga saya harap bahawa sekiranya ada *repeat offenders* yang memilih untuk hanya membayar denda kita akan pastikan bahawa peruntukan kuasa yang telah diberi kepada Ketua Pengarah dalam pindaan ini iaitu untuk menutup dan menghentikan operasi dapat dilaksanakan tanpa prejudis. Jadi, dalam contoh yang saya berikan tadi kalau di syarikat besar yang memilih untuk membayar denda dan tidak memilih untuk menukarkan amalan mereka, *practices* mereka dan sebagainya. Kita pastikan bahawa untuk *repeat offenders*, kita tidak menunjukkan sifat kemaafan yang tinggi supaya kita pastikan bahawa ada elemen *of prevention*, ada elemen *of threat* yang kita akan menggunakan kuasa di bawah Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk menghentikan operasi mereka.

Saya rasa kalau ada satu, dua *examples* yang kita boleh buat kepada *repeat offender* akan datang, saya yakin bahawa kilang-kilang dan juga syarikat-syarikat besar ini akan lebih berwaspada dalam amalan mereka terutamanya amalan mereka yang berhubung kait dengan pencemaran udara.

Saya juga seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan soal kapasiti, kemampuan Jabatan Alam Sekitar dengan kuasa baru yang diberi kepada Jabatan Alam Sekitar, saya harap Jabatan Alam Sekitar ada kemampuan dan juga kapasiti untuk menjalankan kuasa baru yang diberikan kepada mereka. *It is because we are giving them new powers. Powers of arrest, powers of investigation.* Jadi, bila kita bagi kuasa yang lebih kepada mana-mana agensi kerajaan, kita harap bahawa terutamanya mereka ada kapasiti. Maksudnya pegawainya cukup, pegawai terlatih

cukup dan mereka ini memahami kuasa itu bukannya kuasa untuk *diabuse*. Akan tetapi untuk dijalankan, untuk memastikan bahawa perkara pokok iaitu pencemaran alam sekitar tidak berlaku.

Saya risau sedikit bila kita bagi kuasa lebih kepada agensi kerajaan tetapi dalam kali ini saya sokong. Cuma saya hendak minta jaminan daripada Menteri, yang pertamanya, *how prepared is* Jabatan Alam Sekitar? Dari segi latihan pegawai mereka, dari segi pengetahuan mereka mengenai *rights* dan sebagainya supaya apabila diberi kuasa untuk siasatan, kuasa untuk menangkap, mereka akan menggunakan dengan berkesan.

Kedua, saya hendak minta pandangan dan penjelasan daripada Menteri sama ada pada hari ini pegawai di dalam Jabatan Alam Sekitar itu mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas yang kita berikan. Saya rasa antara masalah yang sering dibangkitkan adalah bahawa banyak pencemaran alam sekitar ini berlaku di kawasan pendalaman. Jabatan Alam Sekitar, *most of the* pegawai duduk di kawasan-kawasan bandar. Jadi, apakah pelan untuk memastikan bahawa Jabatan Alam Sekitar itu sendiri dapat diperkasakan dari segi pegawai, dari segi peruntukan untuk pastikan bahawa kuasa ini akan melihat, menghasilkan keberkesanan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Menteri tadi, *the state of...*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya memang tertariklah, Yang Berhormat Rembau membangkitkan tentang kapasiti keupayaan penguatkuasaan. Akan tetapi Yang Berhormat Rembau, daripada suatu sudut memang saya setuju perlu ada lebih ramai penguat kuasa dan sebagainya supaya tindakan dapat di ambil, pengawasan ataupun saman dan sebagainya. Akan tetapi dari sisi suatu sudut, kalau kita tengok suatu masa dahulu, Cuma akhir-akhir ini banyak isu alam sekitar telah pun tenggelam kerana isu politik. Sejak dahulu boleh dikatakan sekarang sudah Yang Berbahagia Datuk Karam Singh Walia menjadi *champion* kepada isu alam sekitar di seluruh negara. Hanya kerana semata-mata isu ini sesuatu isu yang berkaitan dengan alam sekitar dibangkitkan dalam TV, dihebahkan di TV.

■1540

Ataupun apa-apa isu yang berkaitan alam sekitar biasanya lebih efektif dari segi tindakan sekiranya keluar dalam apa-apa media. Media elektronik, media kertas, lebih-lebih lagi TV lah. Biasa TV3 yang menjadi juara dalam isu alam sekitar. Jadi Yang Berhormat Rembau, saya hendak tanya, adakah sebenarnya isu kekurangan kakitangan sehingga banyak tindakan yang berkaitan alam sekitar ini tidak dapat dibuat ataupun lebih kepada kesungguhan pegawai-pegawai alam sekitar dalam memastikan bahawa alam sekitar ini sentiasa terkawal? Adakah kerana kesungguhan ataupun kerana bilangan penguat kuasa? Saya hendak tanya Yang Berhormat Rembau, sebabnya Yang Berhormat kata lebih kepada bilangan *staff*. Sekian, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya ucapkan terima kasih sebab kebetulan sebelum hendak bahas ini saya baru sahaja cakap telefon dengan Datuk Karam Singh Walia sebab saya hendak minta pandangan beliau sebab beliau banyak membangkitkan isu-isu tersebut. Ini sebenarnya menyentuh mengenai kapasiti dan juga kemampuan dan kesungguhan Jabatan Alam Sekitar, kita minta penjelasan daripada Menteri. Antara contoh yang saya boleh bagi dan yang pernah dibangkitkan oleh Datuk Karam Singh Walia adalah dia punya *favorite subject* adalah Cameron Highlands di mana Cameron Highlands ini ada banyak sangat *illegal land clearing* dan juga pembalakan dan juga *clearing of land* yang tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Jadi, di sini saya difahamkan bahawa syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar jelas. Kepada Menteri, *your department is doing their job* tetapi masalahnya bila isu seperti penggunaan tanah, *land clearing* dan sebagainya, ia melibatkan beberapa agensi. Dalam kes Cameron Highlands ini bukan hanya melibatkan JAS ataupun Jabatan Alam Sekitar tetapi melibatkan *land office*, pejabat tanah juga. Saya difahamkan dalam kes tersebut walaupun JAS telah meletakkan syarat-syarat tertentu mengenai pembangunan di kawasan Cameron Highlands tetapi syarat-syarat tersebut tidak dimasukkan dalam permit kerja tanah yang dikeluarkan oleh pejabat tanah.

Jadi, di sini apabila ada pertindihan kuasa antara Jabatan Alam Sekitar iaitu satu-satunya agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar kita dengan agensi kerajaan yang memberi kebenaran untuk *the use of land*, untuk pembangunan iaitu pejabat tanah ataupun sesiapa sahaja. Apakah langkah yang boleh diambil oleh kementerian dan Jabatan Alam Sekitar dalam kes tersebut sebab akta ini hanya melihat kepada *offenders* dari segi syarikat tersebut ataupun kilang dan sebagainya. Akan tetapi bagaimana kita hendak tangani di mana ada kepincangan di pihak agensi kerajaan yang lain? Contohnya, syarat itu memang jelas dan ketat dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar tetapi *the same condition*, dengan izin, tidak dimasukkan dalam contoh permit kerja tanah dan sebagainya. Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada kementerian. Ya, memang betul melalui pindaan kepada akta ini kita meletakkan denda yang besar, kuasa yang besar kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menyasarkan mereka yang terlibat dalam pencemaran alam sekitar. Akan tetapi apa pula dengan agensi-agensi, jabatan-jabatan yang lain, mungkin ada Napoleon kecil yang ketepikan apa sahaja syarat dan juga usaha yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi.

Isu ini bukan setakat kemampuan, peruntukan dan diperkasakan jabatan tetapi *when you have competing agencies giving approval for development*, dengan izin, apakah langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa perkara ini dapat ditangani. Sama juga, saya juga diminta untuk bangkitkan di Cameron Highlands bukan sahaja dari segi *illegal land clearing* tetapi saya difahamkan bahawa dan ini contoh yang saya minta kenapa walaupun sudah diketahui dan mungkin di bawah *burden of proof* lama pun kita

dapat buktikan tetapi perkara ini masih lagi berlangsung iaitu sama lagi di Cameron Highlands iaitu pembuangan sampah di dalam sungai-sungai di Cameron Highlands.

Pertamanya, itu adalah pencemaran alam sekitar yang mudah untuk kita ukur sebab kalau pembuangan sampah daripada kilang-kilang di sekitar Cameron Highlands, itu akan menyebabkan *difference in the environmental quality* di bawah *burden of proof* lama. Akan tetapi yang kedua, bukan setakat pencemaran alam sekitar tetapi perkara ini telah menyebabkan loji elektrik TNB di Cameron Highlands iaitu yang memakai kuasa hidro, terjejas apabila ada sampah sarap dan juga *waste* dalam pencemaran dalam sungai Cameron Highlands, *turbine* TNB itu terpaksa ditutup. Kita ada situasi yang unik di Cameron Highlands di mana apabila ada hujan yang lebat, sepatutnya untuk loji kuasa hidro ini, bila ada hujan yang lebat ia akan meningkatkan lagi penjanaan elektrik mereka tetapi di Cameron Highlands *turbine* itu terpaksa ditutup. Ada *turbine* yang terpaksa ditutup oleh kerana kebimbangan bahawa pencemaran sampah sarap dan sebagainya akan tersangkut dan akan merosakkan *turbine* TNB tersebut. Jadi, dalam kes tersebut saya minta penjelasan daripada Menteri walaupun kita menggunakan *burden of proof* yang lama, kenapa tindakan tidak boleh diambil kepada kilang-kilang yang jelas menunjukkan pencemaran yang terus masuk dalam sungai yang bukan hanya mencemarkan alam sekitar tetapi ada kesan yang begitu drastik kepada satu sektor strategik kita iaitu penjanaan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi...
[Disampuk]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau. Ada satu lagi sikit lagi. Yang Berhormat Rembau, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ini ada satu perkara lagi Yang Berhormat Rembau mungkin tadi sudah sentuh tetapi agak kurang jelas kepada saya tentang kekuatan rang undang-undang yang akan dipinda, yang sedang dipinda ini. Sejauh mana kekuatannya? Sebagai contoh, adakah dengan rang undang-undang ini kementerian boleh mengambil tindakan kepada mana-mana kerajaan negeri yang dengan sengaja sama ada membiarkan ataupun menggalakkan sesuatu pencemaran, misalnya yang terbaru sekali ialah apabila berlaku suatu kejadian air sungai yang kotor akibat daripada pembalakan di negeri Kedah.

Sudah ditegur oleh pihak Jabatan Alam Sekitar tetapi Yang Berhormat Menteri Besar Kedah mengatakan bahawa tidak boleh buat apa-apa kerana sudah pun diserahkan kepada syarikat berkenaan. Syarikat berkenaan telah pun bayar premium kepada kerajaan negeri, maknanya tidak boleh diambil tindakan. Tidak boleh diambil tindakan ke atas sesuatu kerja pembalakan yang jelas mencemarkan sungai. Di sinilah Yang Berhormat Rembau, kita perlu menguji kekuatan rang undang-undang ini. Jika kita benar-benar- kita setuju kita memang bersungguh-sungguh untuk menjaga alam sekitar tetapi sejauh mana kekuatan rang undang-undang ini? Ini kerana bidang yang berkaitan tadi sebut tentang penyelarasan, bidang yang berkaitan ataupun tugas yang berkaitan dengan hutan, sungai, sumber air, semuanya di bawah kerajaan negeri. Ini menjadi satu persoalan. Apa pandangan Yang Berhormat Rembau?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Itu berbalik kepada isu yang saya bangkitkan tadi mengenai pertindihan kuasa antara Jabatan Alam Sekitar dengan agensi-agensi yang lain. Apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Ledang, amat tepat sekali dan relevan dalam perbahasan ini. Di mana di bawah peruntukan pindaan ini, liabiliti ataupun kesalahan tersebut, itu hanya pergi kepada syarikat yang memajukan kawasan ataupun kilang ataupun juga kepada *approving authority*. Contohnya dalam kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi. Kalau dalam kes pembalakan yang berlaku di negeri Kedah yang telah mencemarkan air sungai, menyebabkan beberapa lagi pencemaran kepada alam sekitar. Apakah dalam akta ini ataupun apakah dalam pindaan ini dan juga bidang kuasa yang diberi kepada Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, apakah liabiliti itu juga boleh terus pergi kepada *local government* dan juga *state government* iaitu *approving authority*?

■1550

Walaupun Yang Berhormat Ledang kata tadi dalam kes tersebut mereka sudah bayar premium dan sebagainya tetapi mereka perlu juga bertanggungjawab atas kelulusan yang diberi kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Jadi dipohon minta penjelasan dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di dalam kes-kes tertentu mengenai liabiliti ataupun sama ada kerajaan tempatan, kerajaan negeri, jabatan-jabatan yang lain juga turut terlibat dalam kesalahan di bawah pindaan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan dan perkara ini mungkin kebetulan keluar sedikit daripada tajuk tetapi masih lagi di bawah bidang tugas Jabatan Alam Sekitar dan sebenarnya kebetulan ini dibangkitkan pada hari ini oleh kerana kita bahas mengenai pindaan kepada EQA dalam keadaan negara kita diselimuti dengan jerebu yang begitu tebal sekali. Kalau kita tengok sejak dua, tiga hari yang lepas indeks pencemaran udara masih lagi tinggi, masih lagi meningkat dan saya melihat bahawa kita ada dalam satu keadaan yang begitu *helpless* sekali. Saya tidak mahu menyalahkan Jabatan Alam Sekitar.

Jabatan Alam Sekitar cuma tugas mereka adalah *public awareness* keluarkan indeks pencemaran udara, memberitahu kepada orang awam, jangan keluar, apakah risiko jerebu dan sebagainya. Akan tetapi, ini berbalik kepada isu yang lebih besar lagi yang saya hendak bangkitkan untuk pengetahuan Dewan dan juga mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri. Ini sebab perkara ini sudah menjadi satu *annual event*. Kalau ada *annual event* kita letak dalam takwim negara, jerebu adalah satu *annual event* yang kita tidak boleh lari daripada negara kita dilanda dengan jerebu.

Kita tahu bahawa kita ada pelan tindakan untuk menangani jerebu, pelan tindakan jerebu kebangsaan, kita pernah ada perbincangan demi pelbagai perbincangan dengan pihak lain terutamanya negara jiran kita di mana pada hari ini juga saya rasa punca jerebu tersebut seperti mana yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar berpunca daripada kawasan titik panas

ataupun pembakaran hutan di Wilayah Riau, Sumatera. Jadi dalam keadaan tersebut, saya sebagai Ahli Parlimen dan juga wakil rakyat di Malaysia ini, saya hendak bangkitkan perkara ini sebab kita tidak tahu, kita tidak melihat bahawa ada satu usaha dan satu penyelesaian dalam hal ini.

Kita selalu diberi alasan bahawa pembakaran terbuka berlaku di Indonesia, wilayah yang terlalu luas, terlalu tersebar, tidak ada penguatkuasaan yang baik di sana dan sebagainya. Dahulu ada kata syarikat Malaysia yang buat sekarang ini kata syarikat Malaysia tidak *practice open burning* tetapi perkara ini tidak ada noktah, tidak ada kesudahannya. Saya rasa *the public health risk*, risiko kesihatan kepada orang awam yang datang daripada jerebu *repeatedly*...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tiap-tiap tahun adalah cukup tinggi sekali. Saya – Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Rembau. Saya hendak komen dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang dua perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Pertama tentang *annual event* ataupun perkara yang berlaku setiap tahun berkenaan dengan jerebu ini. Saya kira kita tidak boleh lagi gunakan perkataan bencana kalau ianya berlaku setiap tahun dalam masa-masa yang tertentu ianya sebagai satu kalendar *event*lah.

Bukan lagi dikatakan bencana bermakna kita sudah bersedia untuk menghadapi perkara yang akan berlaku setiap tahun. Ramai lagi yang mengatakannya bencana, bencana dan itu mungkin satu perkara yang tidak begitu tepat kalau seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau tadi ianya berlaku hampir setiap tahun.

Keduanya Yang Berhormat saya minta pandangan Yang Berhormat. Saya masih ingat hendak mengimbuai semula pengalaman kita bersama. Pada tahun 2004, apabila berlaku jerebu di negara kita juga saya masih ingat lagi ini ada kaitan dengan negara kita negara jiran apabila Yang Berhormat telah mengetuai satu delegasi Pemuda UMNO kita berjumpa dengan pegawai-pegawai daripada Kedutaan Indonesia dan kita memberi memorandum bantahan terhadap beberapa perkara yang berlaku di Indonesia pada waktu itu terutamanya kegagalan mereka menangani isu *hot spot* tadi.

Tadi saya terdengar Yang Berhormat agak kecewa kerana perkara berlaku atas dasar, atas sebab berbagai-bagai. Antara lainnya mungkin ketidakmampuan sama ada kita ataupun di negara jiran untuk menangani isunya. Saya cuma ingin mengingatkan Yang Berhormat, pada pertemuan itu – ini minta penjelasan Yang Berhormat. Pada pertemuan itu apabila kita berjumpa dengan pegawai Kedutaan Indonesia dan mengatakan kekesalan kita tentang masalah pemindahan ataupun jerebu yang datang daripada Indonesia ke Malaysia.

Jawapan yang diberi oleh pegawai tersebut walaupun mungkin dia berjenaka ataupun dia cuma main-main tetapi menampakkan ketidaksungguhan pihak Indonesia. Jawapan yang diberi

pada waktu itu ialah kalau waktu susah, waktu jerebu kita semua kompelin terhadap Indonesia Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi waktu cuaca baik, cuacanya terang benderang kita tidak berterima kasih kepada Indonesia kerana memberi oksigen kepada Malaysia. Ah! Jadi walaupun mungkin dia main-main tetapi ini pada saya satu tindakan ataupun kenyataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan.

Dia menyangkakan kita – dia mengkritik kita kerana kita hanya pandai mengkritik bila waktu ada jerebu. Kalau tidak ada jerebu, cuaca di Kuala Lumpur bersih, terang. Kita tidak berterima kasih kepada kerajaan jiran kerana mereka mengeluarkan oksigen. Saya pun tidak tahu apa maknanya tetapi begitulah komitmen yang diberikan ataupun jawapan yang diberikan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya masih lagi ingat pertemuan tersebut dan kita juga terkejut dengan jawapan yang telah diberi oleh pegawai Kedutaan Republik Indonesia dan bukan tujuan kita bangkitkan perkara ini untuk dijadikan isu yang boleh mengeruhkan hubungan antara Republik Indonesia dan juga negara kita. Tidak. Saya rasa kita lebih matang daripada menuding jari kepada mereka tiap-tiap tahun walaupun seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi perkara ini berlaku seperti *clockwork*.

Kita boleh masuk seperti F1, jerebu Malaysia tiap-tiap tahun akan berlaku. Akan tetapi yang saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Sudah pasti melalui pemantauan kita dan juga pemantauan Jabatan Alam Sekitar, pemantauan satelit kita, kita tahu di mana adanya titik panas terutamanya di Sumatera di Indonesia. Kita tahu bahawa pada 12 Jun 1967, *hot spot* Sumatera di Indonesia pada 13 Jun 122 titik panas. Apabila kita buat kajian selama mungkin 4 tahun hingga 5 tahun kebelakangan ini kita dapati bahawa - ini soalan kita dapati mungkin titik panas, *hot spot* itu berada di kawasan-kawasan yang hampir-hampir sama.

Apabila kita tahu *where the hot spot are?* Apakah masalah untuk kita meminta supaya penguatkuasaan itu dapat dibuat dengan lebih ketat lagi di kawasan-kawasan yang dikenali dan dikenal pasti sebagai *areas prone to hot spot, areas prone to open burning, areas prone to hot spot* yang mana kita dapat minta mereka buat penguatkuasaan kepada kawasan-kawasan berkenaan. Sebab kalau tidak Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa menerima sahaja alasan bahawa kawasannya terlalu luas.

Akan tetapi, saya yakin bahawa kalau kita buat *mapping* mengenai titik panas yang menjadi punca kepada jerebu yang datang ke Malaysia ini saya yakin bahawa kita boleh membantu untuk menunjukkan pihak penguasa di Indonesia di manakah kawasan-kawasan yang *prone to hot spot*. Jadi saya minta sedikit *update* daripada Yang Berhormat Menteri apakah tindakan selanjutnya yang dapat kita buat secara realistik. Kita tahu bahawa kita tidak boleh menghentikan jerebu ini 100% sebab... Oh! Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Apakah kemungkinannya *hot spot* ini titik panas ini bukan di atas bumi. Bukan oleh kerana *burning* sekarang tetapi berpunca daripada *underground* daripada kebakaran *peat* di bawah tanah. Jika itu masalah dia, jadi ia bukan diwujudkan oleh kebakaran terbuka pada masa ini tetapi ia merupakan kesan lama daripada kebakaran mungkin tiga tahun, atau empat tahun dulu tetapi dia punya punca masih di bawah tanah itu. So, apakah kaedahnya untuk mengawal itu? Terima kasih.

■1600

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Rembau, boleh mencelah? Masalah yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Rembau dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin balik kepada isu *update* dan juga punca kebakaran dan juga mengenai ASEAN.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

ASEAN telah menandatangani satu perjanjian yang dipanggil *ASEAN Transboundary Pollution Plan* pada tahun 1995. Kalau kita tengok ataupun senarai pelan itu, tiga muka surat, dan juga kita dapati bahawa *it's very comprehensive*, bagaimana untuk mengatasi masalah kebakaran di Indonesia. Malaysia telah menandatangani pelan itu bersama-sama dengan Indonesia dan semua negara-negara ASEAN yang lain. Akan tetapi *fast forward* 12 tahun iaitu tahun sekarang 2012, kita dapati masalah yang sama *and the problem is not going away*. So, adakah ini tidak ada *political will or we are just giving up on trying to solve the problem?* Minta penjelasan dan saya minta Menteri pun jawab soalan itu. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Klang. Saya rasa perkara yang dibangkitkan sama juga dengan kebimbangan saya mengenai iltizam politik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang, itu semua yang kita hendak tahu pada hari ini. Ini kerana *the sense of helplessness* yang mana kita tidak boleh buat apa-apa di negara kita sendiri walaupun perkara ini berpunca daripada negara jiran kita. Kita tidak boleh buat apa-apa, sedangkan ada perjanjian, ada *framework*, ada pelan tindakan dan sebagainya. Jadi apa lagi yang dapat kita buat?

Soalan daripada Yang Berhormat Sungai Siput tadi iaitu mengenai tanah gambut ataupun *peat soil*. Kalau sekiranya seperti mana yang saya bangkitkan tadi dengan *remote sensing* kita dapati bahawa titik panas itu adalah di tempat yang sama, kenapa kita tidak dapat minta pegawai ataupun agensi berkenaan di Republik Indonesia untuk siasat tempat-tempat tertentu? Kalau betul tempat yang sama, mungkin seperti mana Yang Berhormat Sungai Siput bangkitkan tadi, ia adalah berpunca daripada tanah gambut ataupun *peat soil* iaitu pembakaran lama yang masih lagi berterusan.

Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri kerana isu ini walaupun terkeluar sedikit daripada pindaan tetapi adalah isu yang penting, lebih-lebih lagi dalam keadaan pada hari ini. Oleh

itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong pindaan kepada EQA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

4.02 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kebetulan saya ada menghantar satu notis, Perkara 18(1) tentang masalah jerebu yang melanda kawasan kita terutama di negeri Selangor di mana ada tiga kawasan yang saya rasa dalam tahap yang amat membimbangkan di mana kalau mengikut indeks IPU, di Shah Alam mencatatkan 129, di Kuala Selangor 120 dan di Pelabuhan Klang catatannya mencecah 147. Saya rasa masalah jerebu ini bukan satu perkara yang saya rasa sudah lama. Saya masih ingat pada tahun 1997 di mana negara kita mengalami krisis jerebu di mana sekolah-sekolah terpaksa ditutup dan di Sarawak misalnya dalam keadaan darurat kerana berlaku masalah jerebu.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah penyelesaian yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rembau? Walaupun Malaysia telah menandatangani Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan pada tahun 2002, tetapi masalah ini masih lagi berulang. Apakah perjanjian itu? Mengapa kita tidak ada satu penyelesaian sampai sekarang masih berlaku terutama pada bulan Jun, bulan Julai di mana memang kemarau berlaku.

Kita selalu bagi sebab atau alasan bahawa ini berpunca di Sumatera, di negara jiran, kita tidak boleh buat apa-apa. Saya rasa jawapan ini bukan jawapan yang rakyat hendak dengar. Rakyat hendak dengar bagaimana kita hendak selesaikan masalah jerebu yang selalu memberi masalah besar terutama di negeri Selangor, di mana ramai murid-murid terutama di sekolah yang akan mengalami masalah yang teruk.

Saya hendak bawa satu perkara di Shah Alam, di kawasan Kota Raja dan Johan Setia. Tempat ini selalu ada yang kompelin ada kebakaran secara terbuka. Ada *hot spot*, ada kebakaran di bawah tanah. Sudah lama saya dengar, sepuluh tahun sudah, sampai sekarang masih berlaku setiap malam. Sebab saya tinggal di Shah Alam, saya sendiri merasai masalah ini di mana pembakaran ini bukannya dibuat di sebelah siang, ia dibuat pada sebelah malam. Selepa pukul 12 tengah malam, kita penduduk boleh merasa bau kebakaran yang amat teruk sekali. Kita pun sudah buat banyak kompelin kepada Jabatan Alam Sekitar, bomba juga terlibat tetapi sampai sekarang masalah ini masih berlaku.

So, saya pun tidak tahu yang ini dalam bidang kuasa siapa? Jabatan Alam Sekitar Negeri kata dia tidak ada kuasa yang mutlak. Mereka tidak ada kuasa langsung. Kena merujuk kepada pusat. So, dalam hal ini saya hendak kenal pasti apa yang telah dibuat oleh pusat tentang

kawasan Johan Setia ini yang saya rasa satu kawasan hitam yang selalu buat pembakaran secara terbuka. So, saya hendak tahu *solution*. Saya rasa itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

4.07 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan isu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya melihat bahawa akta ini selaras dan serasi dengan keadaan pada hari ini di mana tuntutan perubahan itu perlu ada. Akta ini mencakupi ruang lingkup yang luas termasuk mendakwa, meminta yang bertanggungjawab supaya patuh dengan apa juga yang ada dalam akta ini, sebab sebelum ini akta yang sebegini tidak mencukupi, ia tidak merangkumi. Ada kelonggaran, ada *loophole* di mana pelakunya boleh melarikan diri ataupun pihak penguat kuasa tidak boleh mendakwa mereka dengan apa cara sekalipun.

Jadi saya berterima kasih kepada kementerian sebab – saya berdiri di sini kerana di kawasan Parlimen saya terdapat lebih kurang 45 hingga 46 kilang kelapa sawit. Kerja kilang kelapa sawit ini mereka ini dimiliki oleh *listed company* yang duduk di Kuala Lumpur ini tetapi mereka mengaut kekayaan berbilion-bilion daripada Kinabatangan. Apa yang mereka tinggalkan iaitu buangan sisa-sisa toksik masuk ke dalam Sungai Kinabatangan.

Sungai Kinabatangan pada hari ini airnya tidak boleh lagi diminum terus daripada air sebab dulu airnya jernih, cerah, sekarang sudah menjadi macam air yang tidak menentu. Macam kita minta *Milo pink* begitulah warnanya. Jadi kalau ikut saya punya hati, saya mahu minta *owner-listed company* pergi Sungai Kinabatangan minta dia minum dulu air itu sebelum dia kaut keuntungan daripada Kinabatangan. Sebab Kinabatangan adalah lembah kilang kelapa sawit dengan dua pertiga keluasan Kinabatangan itu di tanam dengan kelapa sawit. Ini rasa saya penjahat zaman moden ini harus kita akhiri dengan apa cara sekalipun. Semua kita terima. Semua kita makan dan minum sudah tidak selamat. Ini mengakibatkan juga penanaman kelapa sawit secara berleluasa ini saya melihat bahawa mereka begitu *greedy* ataupun tamak. Tebing sungai pun mereka tanam, tadahan tanah pun mereka tanam. Saya tidak tahu dari mana mereka mendapat kelulusan.

■1610

Jadi selepas akta ini diluluskan saya mahu minta *enforcement*. Menteri kalau boleh kita pergi kilang-kilang mereka ini yang tindak mengikut piawaian. Saya minta dakwa mereka tutup kilang mereka. Kita hendak membenarkan mereka beroperasi mencari keuntungan satu perkara sebab ini untuk ekonomi negara. Akan tetapi generasi masa depan harus kita lindungi dan akta ini pada saya cukup melindungi hak-hak orang yang teraniaya lebih-lebih lagi masyarakat di Kinabatangan kita digalakkan menjaga alam sekeliling.

Kita juga digalakkan menjaga *environment* dan sebagainya. Akan tetapi apabila tangan kotor yang mementingkan kekayaan ini cukup memberi kesan impak yang tidak baik,

kurang perhatian. Jadi saya mahu minta kementerian dan Menteri sendiri membuat ketegasan bagaimana mereka harus ada - mereka didakwa di mahkamah dan pindaan juga. Saya sebetulnya tidak berapa setuju sebab hukuman dari RM500,000 untuk satu kilang kelapa sawit yang keluasan yang besar, itu macam kacang sahaja dia buang pergi tengah laut...

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Tidak ada makna. RM500,000 dia akan buat sebab keuntungan dia RM5 bilion. Jadi 0.1% dia punya kerugian. Oleh sebab itu, saya mahu minta kementerian kalau boleh selain daripada RM500,000 terus mandatori bahawa dia tidak lagi dibenarkan beroperasi kilang dia, jangan beri *second chance* sebab ini mereka akan melakukan perbuatan yang seterusnya, ya.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, saya kira begini Yang Berhormat Kinabatangan, kalau didenda RM500,000 bagi syarikat gergasi dan keparat ini mereka tidak ada impak. Apa kata kalau kita cadangkan dipenjarakan keparat-keparat ini supaya mereka merasai keperitan yang dirasai oleh rakyat Kinabatangan khususnya bagi pihak Kinabatangan untuk menyatakan dengan jelas bahawa *enough is enough*. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kinabatangan?

Seorang Ahli: Betul!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau saya Menteri memang saya buat macam itu sebab saya hendak mereka tahu perbuatan mereka membunuh ramai pada masa depan. Kalau ini, mereka akan dipenjarakan. Orang yang dipenjara ini, dia punya *owner* sedang bergelandangan di luar negara. Dia *enjoy* duit keuntungan daripada penindasan kepada rakyat tetapi kita tidak ada tindakan. Mereka terlepas. Mereka bermegah dan merasa diri mereka hebat sehingga menjadi *listed company* di sana, tipu sana dan tipu sini. Akan tetapi kementerian akhirnya hukuman dia RM500,000. RM500,000 kalau dia Syarikat IOI. Macam-macam lagi syarikatlah! Saya tengok tak ada apa-apalah. Dia kata dalam hati dia, "*Ah! Dakwahlah sepuluh kali, sepuluh kali juga kita bayar*". Ini sebab tidak ada apa-apa impak langsung. Daripada keutuhan ekonomi mereka.

Jadi ini sebab Yang Berhormat Menteri harus maklum bahawa Sungai Kinabatangan ini daripada kajian WWA iaitu lebih kurang 40,000 tan satu bulan sisa pepejal kelapa sawit itu ditumpahkan di Sungai Kinabatangan dan Sungai Kinabatangan ini membekal air kepada seluruh di Sandakan termasuk di Kinabatangan. Jadi, perkara ini harus diambil serius dan harus diambil sebagai satu tindakan yang boleh meyakinkan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah suarakan perkara ini sejak sekian lama tetapi tidak ada tindakan. Oleh sebab itu hari ini, saya berterima kasih akta ini dapat kita adakan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi dengan Yang Berhormat Kinabatangan mengenai dengan peranan pemilik-pemilik ladang sawit ini. Sebenarnya, ini selain daripada memberi sedikit pulangan ataupun pulangan kepada negeri dan Kerajaan Pusat daripada *revenue*. Akan tetapi pulangan dari segi pencemaran itu amat sangat. Saya memahami perasaan rakyat di Kinabatangan di mana sungai itu - dari segi pemulihan sungai itu terletak kepada bahu kerajaan semata-mata sedangkan kilang-kilang yang mengaut keuntungan itu hanya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan *enjoy*. Tabiat ataupun mentaliti pemilik kilang besar ini Tuan Yang di-Pertua, bukan saja dari segi *environment* tetapi didapati mereka kurang memberi sumbangan kepada kerajaan.

Apabila kerajaan negeri memohon kilang-kilang *continue* kepada *sport development* pun, saya dengar Ketua Menteri mengatakan dia beri RM10,000 atau RM20,000 untuk satu kilang. Selain daripada itu, tadi ada cadangan untuk mengadakan undang-undang *introducing* atau dipenjarakan. Saya bersetuju sangat sebab ada negara-negara lain ini umpamanya di India saya difahamkan kalau ada kayu di New Delhi itu kalau dipotong, *the sentence is death sentence*, hukuman mati. Ini saya difahamkan.

Begitu ketat undang-undang dan di negara Eropah seperti Sweden umpamanya, apabila seseorang itu memotong kayu dalam kawasan tanah sendiri pun adalah mandatori untuk menanam dua pokok. *The law is already hundred years old* dan kita masih lagi dengan satu undang-undang yang agak walaupun diperketatkan tetapi saya rasa masih ringan.

Jadi satu cadangan saya Yang Berhormat Kinabatangan kalau boleh minta pandangan, selain daripada memperketat undang-undang tetapi juga mengenakan sumbangan kepada Tabung Penjagaan *Environment*. Sekarang ini pekilang-pekilang ini apabila kerajaan negeri mengenakan ses mereka *complaint* sana sini. Potongan kepada MPOB mereka juga *complaint*. Akan tetapi saya berpendapat dengan keadaan *environment* yang merunsingkan kalau kenapa tidak kementerian mencadangkan supaya dikenakan ses khas untuk *environment*? Minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Cadangan yang paling baik Tuan Yang di-Pertua sebab memang benar bahawa mereka ini tidak memainkan sosial obligasi. Ketika banjir beberapa kali berlaku di Kinabatangan, Pegawai Daerah meminta mereka bantuan. Saya sampai naik darah satu kali. Saya hendak marah sangat. Syarikat yang besar yang menyumbang mahu keuntungan berjuta-juta dan berbilion-bilion, dia sumbang RM200. Saya kata dengan pegawai daerah saya, saya hantar balik cek itu dengan dia. Ini satu penghinaan kepada rakyat Kinabatangan sebab kita dalam menghadapi suasana banjir, minta bantuan makanan. Ini pula jumlah yang dia beri.

Ini merupakan satu kerja yang tidak baik dan saya meminta cadangan Yang Berhormat Tuaran itu dimasukkan sebab kalau negara-negara maju sekali pun sudah mengenakan hukuman mandatori yang berat, kenapalah kita ini dengan ada akta yang ini memang saya cukup yakin tetapi masih ada perlu kita pertikaikan sebab mereka ini boleh melarikan diri berleluasa. Kenapa tidak diletakkan sana? Mandatori penjara sepuluh tahun. Biar taiko-taiko kelapa sawit ini tahu bahawa mereka bukan hanya boleh mengaut keuntungan tetapi mereka perlu bertanggungjawab dengan soal-soal manusia sejagat. Ini mereka - ses berapa saya kenal.

Jadi perlu diwujudkan ses yang lain untuk menampung, memulihkan mana-mana juga sungaikah ataupun lembah yang mereka cemari sebab ini perlu. Kalau tidak kerajaan dari mana mencari kewangan untuk memulihkan Sungai Kinabatangan. Saya meminta hari ini kerajaan kalau boleh pulihkanlah Sungai Kinabatangan seperti sedia kala sebab ini satu khazanah, satu warisan, harta kepada generasi masa depan kita. Tidakkah sungai tercemar ini kita biar? Ia tercemar disebabkan oleh perbuatan-perbuatan mereka yang rakus yang mencari keuntungan dan tidak bersifat berperni kemanusiaan. Mentang-mentang Kinabatangan ini sudah terpencil daripada dunia luar, maka mereka ingat semua orang di situ harus menerima apa juga yang ada.

■1620

Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Tuaran dan rakan-rakan yang lain sebab memberi input yang baik ke arah bagaimana kementerian harus melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini. Yang Berhormat Menteri, saya memang cukup sensitif soal-soal sebegini sebab dia sudah lama berlaku dan pemulihan tidak ada. Saya minta untuk pemulihan, kerajaan cakap tidak ada peruntukan sebab dia memerlukan peruntukan dana yang baik.

Sungai Kinabatangan ini panjangnya 570 kilometer. Jadi, bagaimana hendak menyelaras sungai yang sebegini yang dahulunya indah, bersih, sekarang tercemar? Bagaimana menghalang mereka untuk dam secara berterusan sisa-sisa pepejal, sisa baja dan sebagainya ke dalam sungai ini? Ini harus diambil kira dan ada juga pengilang-pengilang yang langsung memang membuat parit yang besar daripada kilang dia mengalir ke Sungai Kinabatangan. Ada terdapat kilang-kilang yang sebegini. Tidak ada tindakan.

Saya mengadu dengan Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Tanah dan Galian kata kuasa persekutuan. Minta persekutuan punya, kuasa negeri. Macam bola sepak. Jadi, saya mahu akta ini disebar dan dilaksanakan. Jangan ada main wayang. Kerajaan Persekutuan juga kena maklumkan kepada kerajaan negeri di Sabah khususnya iaitu mesti ada kerjasama di mana kuasa tanah boleh mengenakan denda kepada mana-mana syarikat sama ada syarikat ini separuh milik kerajaankah ataupun usaha samakah, dia kena patuh. Takkan kalau dia separuh milik kerajaan dia tidak patuh, langgar undang-undang ini tidak boleh izinkan. Saya memang tidak menyokong walaupun pendapatan itu untuk menjana ekonomi rakyat dan negara, tetapi ini bukanlah satu alasan untuk kita melanggar undang-undang semata-mata.

Berhubung dengan pembakaran terbuka. Kita maklum di Sabah, di Sarawak khususnya petani, orang kampung ini dia ada ladang kecil-kecil, dia membakar. Jadi, kita tidak mahu juga perbuatan yang sebegini dilihat sebagai melanggar undang-undang sebab ini sudah tradisi. Kalau tidak dibakar kebun mereka, di mana mereka hendak mulakan ladang mereka. Ini bukan seperti berlaku hari ini. Hari ini kita keluar, kita lihat bahawa kita berjerebu. Tidak nampak apa-apa dan ini bukan diakibatkan oleh peladang-peladang kecil. Ini pada saya memang berlaku daripada masalah jiran kita.

Mereka membuka ladang dengan beribu-ribu hektar, maka ini yang berlaku. Kita menerima tempas jerebunya. Perkara ini rasa saya memerlukan perhatian yang sewajarnya termasuk mungkin kita membuat *courtesy* dengan pihak-pihak yang berwajib daripada negara jiran kita sebab biarlah kita beradab, jangan kita ikut gaya orang mereka. Apabila ada suatu yang tidak kena pada rakyat mereka, pada negara mereka, mereka buat demonstrasi di kedutaan. Macam-macam mereka bawa di kedutaan kita. Macam-macam mereka lontar, lempar tetapi kita ini rakyat Malaysia yang berwibawa, yang bermaruah. Kita tidak akan melakukan demonstrasi sebegini walaupun kita tahu bahawa faktor-faktor penyumbang besar ke arah jerebu yang ada pada hari ini adalah daripada negara jiran kita, tetapi kita tidak bertindak liar macam rakyat mereka yang mungkin mereka baru mendapat kemerdekaan, kebebasan yang menyeluruh maka mereka rasa mereka boleh melakukan sesuatu. Akan tetapi sedangkan kita ini merdeka dengan cara dan baik.

Jadi, saya rasa rakyat di negara ini tidak akan ada di kedutaan di Indonesia untuk menuntut supaya jerebu yang ada di dalam negara kita ini dipindahkan kepada Indonesia. Oleh sebab itu terlalu mustahil sehingga berkesempatan tadi main-main ada rakan-rakan berkata Datuk cadanglah di Dewan Rakyat, buatlah *border* angkasa di antara negara kita dengan Indonesia. Jadi, kalau jerebu di sana tidak masuk ke negara kita. Walaupun itu main-main, kelak sebab tidak ada mana-mana negara yang boleh membuat sempadan langit dengan langit. Ini kerana ia merupakan satu perkara yang terlalu mustahil walaupun mungkin ada lampu Aladin, tetapi tidak mungkin ia akan dapat berbuat demikian. Akan tetapi mungkin dengan menggunakan *approach* ataupun pendekatan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kinabatangan, belakang. Ledang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tertariklah sebab kita nampak fokus tentang jerebu ini yang berlaku di Indonesia. Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan, dalam pada kita bercakap tentang kejadian yang berlaku di negara jiran, ada satu kawasan di dalam negara kita yang senang terbakar iaitu Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan selain Kawasan Joran Setia dan kawasan Hutan Simpan Paya Gambut. Ini semua akan menyebabkan indeks udara tidak sihat di sana. Ini hutan senang terbakar kerana aktiviti masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan sebab kita juga menyumbang kepada pencemaran udara khususnya jerebu ini selain daripada tempat

lain. Apakah kita hendak fokus di sana sahaja sedangkan di negara kita pun berlaku khususnya di Selangor? Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Di samping mungkin kita membicarakan soal menyeluruh, kita juga memang benar kalau ada dakwaan sebegini. Jadi, pihak penguat kuasa juga bukan sahaja memantau tetapi harus memberi perhatian yang sewajarnya. Kalau boleh dipadamkan atau digalakkan jangan ada pembakaran terbuka secara begini sebab ianya akan menjurus ke arah isu alam yang tidak sihat dan mungkin boleh mendatangkan kemudaratan kepada penduduk-penduduk yang berhampiran. Jadi, minta juga kementerian siasat perkara ini dan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat supaya pembakaran yang terbuka sebegini dapat dipastikan tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini dan saya mahu minta kementerian menjalankan amanah yang baik iaitu kalau boleh saya ingin melihat selepas akta ini lulus, ada mereka didakwa di mahkamah dan ada di antara mereka mungkin kilang-kilang mereka ditutup sebab kita tidak boleh izinkan keuntungan mengatasi keselamatan dan kesihatan rakyat negara ini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

4.28 ptg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bawa beberapa isu kecil yang bersama-sama dengan kita membincangkan rang undang-undang ini. Ada dua, tiga perkara yang harus kita perhatikan.

Pertama, kita tidak dapat menyangkal bahawa di samping tindakan korporat-korporat besar yang juga menyumbang kepada masalah alam sekitar termasuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Akan tetapi kalau kita pergi rata-rata ke bandar-bandar kita sama ada di Ipoh, di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di mana-mana juga kita lihat bahawa tempat-tempat, bengkel-bengkel memperbaiki motosikal, saya lihat bagaimana minyak-minyak motosikal yang digunakan oleh motosikal-motosikal ini apabila dia *repair*, ada yang bubuh dalam tong tetapi banyak juga kedai-kedai yang akhirnya membuang minyak-minyak motosikal ini ke dalam longkang. Akhirnya longkang-longkang yang kecil ini akhirnya bercantum dengan sungai yang besar dan akhirnya minyak bercampur dengan air ini akan pergi ke sungai.

Sebagai contohnya di Sungai Gombak yang merentasi Kuala Lumpur. Kalau kita lihat di waktu petang amat menggerunkan. Bagaimana sungai yang cantik begini begitu tercemar. Saya teringat apabila melawat ke Seoul, Korea baru-baru ini, bagaimana kerajaan mempunyai *political will* bukan sahaja *Mayor* tetapi juga Kerajaan Pusat membelanjakan wang begitu banyak untuk membersihkan sungai-sungai di sekitar Bandaraya Seoul.

■1630

Malah kita dicabar untuk minum air daripada sungai yang merentasi Seoul, Korea dan saya minum air tersebut. Memang bukan sahaja ianya tidak berbau tetapi cukup jernih kerana kerajaan mempunyai bukan sahaja undang-undang yang ketat, bukan sahaja menghukum mereka daripada segi penalti kewangan tetapi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuaran, memang mereka yang salah, yang disabitkan oleh undang-undang dipenjarakan. Maknanya kalau setakat bayar, ada syarikat-syarikat yang sanggup bayar tetapi untuk pergi ke penjara suatu hal yang lain. Jadi, saya mencadangkan kerajaan melihat ini secara serius kerana kita tidak tahu apakah lagi bahan-bahan yang akan dibuang ke longkang-longkang, bukan oleh syarikat-syarikat yang besar sahaja tetapi juga syarikat-syarikat yang kecil yang terletak di hampir semua bandar kecil kita di Malaysia. Oleh sebab itu saya kira kerajaan harus melihat peruntukan yang lebih tegas agar tindakan menghantar mereka ke penjara ini harus diadakan.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada masalah. Contohnya di Sungai Petani, ada sebuah kilang yang memproses getah dan sekerap getah. Ia telah pun wujud begitu lama, semenjak tahun 70'an. Sewaktu ia wujud itu tak banyak pembangunan yang berlaku di kawasan dia tetapi akhirnya pada tahun demi tahun pembangunan makin berlaku dan peniagaan kilang ini juga makin maju dan dia telah pun memberikan masalah kepada alam sekitar. Penduduk-penduduk telah bawa kes ini ke mahkamah tetapi oleh kerana dia wujud lebih awal, akhirnya dia menang dalam mahkamah dan dia terus beroperasi tetapi penduduk-penduduk menderita.

Jadi, saya ingat kalau kes-kes sebegini, kita nak tanya kementerian, apakah yang boleh dilakukan sementara *legally* memang dia ada hak untuk beroperasi kerana dia sampai lebih awal. Waktu itu tidak banyak penduduk yang tinggal ataupun pembangunan tidak banyak berlaku di kawasan tersebut tetapi setelah 20 tahun ke 30 tahun, bandar makin berkembang, penduduk makin ramai. Akhirnya ia menjadi masalah kepada penduduk, bukan sahaja bau yang kuat dan tidak selesa tetapi gas yang dikeluarkan oleh kilang tersebut telah memberikan mudarat kepada penduduk-penduduk malah saya dimaklumkan dan saya sendiri tengok bagaimana *zinc plate* ataupun besi-besi berkarat disebabkan oleh wap gas yang dikeluarkan oleh kilang tersebut.

Dalam kes ini, apakah dan bagaimanakah kementerian boleh membantu? Adakah ada peruntukan-peruntukan khas untuk menyelesaikan masalah alam sekitar ini maka kilang ini kita nak buat macam mana? Nak tutup tak boleh kerana dia menang dalam mahkamah. Apa yang perlu kita lakukan khususnya sebuah kilang getah di Taman Delima, Sungai Petani? Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, okey Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sebelum akhir ini, saya nak tanya sebab saya rasa Yang Berhormat Sungai Petani ada *credible* untuk bercerita tentang perkara ini kerana beliau salah seorang yang begitu *concern* terhadap alam sekitar dan aspek-aspek pemberi kualiti terhadap alam sekitar. Saya nak tanya sebab Yang Berhormat Sungai Petani juga pernah sebut dulu, kerajaan dalam pelan GTP dan sebagainya ada

cadangan untuk orang kata meratifikasikan indeks kata kawasan ini lebih baik daripada kawasan lain. Sungai Petani jauh lebih baik barangkali daripada Hulu Selangor atau sebagainya, daripada segi kategori-kategorinya dan saya nak tanya Yang Berhormat Sungai Petani, kebetulan saya baru semak tiba-tiba ada nampak di sini, dalam salah satu pindaan itu dimasukkan untuk tujuan menjalankan aktiviti audit alam sekeliling. Kalau Yang Berhormat Sungai Petani boleh beri pandangan, adakah ini bermaksud kerajaan nak benar-benar meletakkan kategori masing-masing.

Sungai Petani lebih baik daripada Hulu Selangor sebab dimasukkan perkara ini ataupun Yang Berhormat Sungai Petani fikir ini semata-mata nak tunjukkan, ada satu jawatan baru nak di *create* ataupun nak diadakan untuk tujuan pelantikan semata-mata sebab ada di bawah seksyen 33 dimasukkan. Saya agak terkeliru sedikit tetapi kalau Yang Berhormat Sungai Petani boleh beri pandangan, adakah dengan memasukkan perkara ini agaknya daripada segi rating atau kategori itu boleh dilaksanakan? Terima kasih.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat Sungai Petani kalau boleh tumpang, benda yang sama. Masih dalam bandar dan pekan. Saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Sungai Petani juga patut bagi pandangan sedikit mengenai soal pelupusan dan pembuangan sampah kerana saya rasa walaupun ini cuba diatasi tetapi di kebanyakan bandar dan pekan terutamanya yang bandar-bandar kecilah, soal-soal pengumpulan sampah begitu janggal sekali. Tidak berjalan dengan teratur hinggalah kadangkala sampah itu berlonggok berhari-hari.

Ini menyebabkan alam sekitar juga tercemar dengan udaranya dan yang keduanya berkait dengan sampah juga, kerajaan kurang bertegas dalam soal penyediaan tempat pelupusan sampah. Ini menyebabkan tempat-tempat pelupusan sampah itu menjadi tempat membiak segala penyakit dan tempat membiak segala binatang yang boleh membawa penyakit. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani dalam soal ini? Terima kasih.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Kayangan dan juga Yang Berhormat Sik. Yang pertama sekali saya nak respons kepada Yang Berhormat Indera Kayangan. Sebenarnya saya setuju. Eh! Yang Berhormat Indera Mahkota. *Sorry*, Yang Berhormat Indera Kayangan pula, Yang Berhormat Indera Mahkota. *Auditing* ini saya rasa perlu kerana kalau tidak ada tindakan untuk paling tidak pun *categorize* kan kawasan-kawasan ini, maka saya kira agak sukar kementerian meletakkan kategori-kategori dan juga bagaimana memberikan nasihat ataupun tindakan kepada pihak-pihak tertentu sama ada PBT ataupun kerajaan negeri. Saya melihat sementara kita tahu bahawa kebersihan bandar, alam sekitar terletak berat kepada PBT tetapi kalau tidak ada pemantauan khususnya daripada Kementerian Alam Sekitar, kementerian yang bertanggungjawab, kementerian yang mempunyai undang-undangnya, PBT akan leka dengan hal-hal lain.

Malah kadang-kadang PBT mengambil perkara ini yang paling *last* sebab dia ada masalah yang besar lagi dia nak selesaikan dan akhirnya alam sekitar ini kadang-kadang menjadi agenda yang paling terakhirlah, yang tercorot. Oleh sebab itu, kalau kita melawat banyak bandar-bandar

kita malah kita tengok taman-taman permainan, tempat-tempat riadah yang sepatutnya nama pun tempat riadah tetapi tidak dijaga dengan sempurna kerana PBT menganggap ini bukan *priority* mereka. Oleh sebab itu air longkang, air kumbahan malah satu masa dahulu di Port Dickson, dia punya *drainage* dan juga air kumbahan malah air lain-lain juga terus masuk ke laut. Saya tak tahulah mungkin sekarang dah *rectify* mungkin. Jadi sampai begitu sekali kerana PBT menganggap ini perkara biasa. Nak selesai paling mudah sekali buang dalam lautlah. Jadi selepas sahaja dalam laut, masalah PBT selesai tetapi dia memberikan masalah kepada orang lain.

Masalah PBT selesai, masalah orang lain pula tanggung. Oleh sebab itu kita perlukan kementerian untuk memantau dan saya rasa rating ini penting supaya kalau rating ini, *auditing* ini diadakan, paling tidak pun PBT ataupun kerajaan negeri merasa terpengillah apabila dikeluarkan *auditing* ini oleh kementerian. Begitu juga dengan pembakaran ataupun bagaimana nak *manage* sampah sarap ini. Kita memang agak kecewalah apabila kerajaan telah meluluskan satu undang-undang sebelum pembubaran Parlimen 2008 dahulu. Bagaimana semua masalah *collection* sampah dan sebagainya ini telah pun diswastakan ataupun diberikan kepada pihak-pihak tertentu seperti di Utara itu kita ada E-idaman dan di kawasan Tengah ini ada syarikat lain dan di kawasan Selatan syarikat lain.

Oleh kerana syarikat-syarikat ini diberikan kontrak yang begitu rupa dan mereka dilantik oleh kerajaan pusat, kadang-kadang syarikat-syarikat ini tak peduli sebab dia rasa walaupun PBT nasihatkan. Saya pernah panggil contohnya di Sungai Petani, kita panggil pihak-pihak yang diberikan kontrak, tanya dia orang. Kadang-kadang jawapan dia *very simple*. Dia kata kita dapat kontrak daripada Kerajaan Pusat dan kita akan berurusan terus dengan Kerajaan Pusat kemudian kalau ada apa-apa masalah rujuklah dengan pusat.

■1640

Jadi, kita laksanakan apa yang terdaya. Oleh sebab itu sampai sampah tidak dikutip dan ini memberikan tekanan kepada kita sedangkan cukai dikutip, kalau lewat dikenakan penalti. Masalah banyak sedangkan saya tengok hampir seluruh dunia, masalah kutip sampah, masalah perkhidmatan bandar ini diserahkan kepada PBT sebab pihak PBT yang kutip cukai kepada orang tempatan. Jadi, sudah tentulah PBT yang mempunyai tanggungjawab untuk memberikan servis kepada penduduk tempatan. Kenapa pula harus ada satu badan lain memantau hak khusus untuk mengutip sampah sahaja? Saya ingat ini sesuatu yang pelik tetapi apakan daya undang-undang telah pun diluluskan oleh Parlimen. Maka, kita tengoklah apa yang boleh kita lakukan tetapi soal pembakaran terbuka ini saya rasa masih dilakukan bukan sahaja di kawasan-kawasan luar daripada bandar-bandar besar. Malah kawasan-kawasan yang dekat dengan Kuala Lumpur sendiri pun masih ada lagi kawasan-kawasan yang dibuat tindakan untuk pembakaran secara terbuka.

Jadi, saya rasa telah tiba masanya kerajaan, khususnya kementerian, melihat ini sebagai satu yang serius dan tidak ada jalan lain. Saya setuju dengan teman-teman yang memberi pandangan tadi. Sementara kita boleh kenakan denda kepada mereka dalam bentuk ringgit tetapi

harus ada satu tindakan tegas dan saya menyokong pandangan teman-teman yang lain, harus ada elemen penjara. Dengan ini memberikan isyarat yang jelas kepada orang-orang yang melanggar undang-undang supaya serius bahawa apa yang mereka lakukan, mudaratnya bukan sekarang tetapi mudarat juga untuk generasi yang akan datang.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Sungai Petani, hendak bertanya sedikit.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Silakan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani.

Saya ingin bertanya tadi mengenai hukuman di atas kesalahan. Saya berpendapat mungkin penjara ataupun denda tidak mencukupi. Apa kata kalau akta ini memberi kuasa kepada kita untuk menutup *businessnya* itu sendiri. Dengan itu mereka mungkin lebih betul-betul tidak akan melanggar peraturan yang ada.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Minta sekejap. Pendapat saya pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin berbalik kepada elemen jerebu yang sekarang melanda negara kita. Akhbar hari ini pun berkata pemerhatian menerusi satelit terdapat sebanyak 163 *hotspots* di Sumatera. Barangkali itu sesuatu yang telah pun terbukti tetapi saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat Sungai Petani sebab dalam draf pindaan ini walaupun ada seksyen baru 37A, 37B dan 37C tentang kuasa penyiasatan. Sudah maklum banyak kebakaran semasa musim kering, musim *summer* dan sebagainya. Kebakaran ini berlaku kerana hendak membersihkan ladang. Ladang-ladang yang terdapat di Sumatera itu kebanyakannya ialah ladang kelapa sawit dan sebagainya. Sudah pun terbukti ramai pelabur Malaysia yang telah membeli ladang-ladang besar di Sumatera.

Jadi, sekarang ini selama kes jerebu itu berlarutan setiap tahun kita hanya menyalahkan Sumatera, Indonesia dan sebagainya yang dikatakan kerana tiupan angin dan sebagainya. Jerebu itu datang dan berasal daripada Sumatera, sampai ke kawasan kita dan mencemari kualiti udara kita. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Sungai Petani, jerebu itu kerana ia bersifat *transborder*. Kalaulah punca jerebu kerana terjadinya kebakaran ladang untuk membersihkan ladang secara tradisional, jadi kalaulah pemilik ladang itu di Sumatera pun ialah pemilikan gergasi-gergasi seperti Sime Darby dan sebagainya. Terbukti Sime Darby ada di Sumatera. Macam mana pula bidang kuasa untuk membuat penyiasatan, kuasa untuk membuat penguatkuasaan dan sebagainya. Jerebu itu *transborder*. Adakah kuasa kita untuk memastikan kualiti udara kerana jerebu yang berasal daripada Sumatera tetapi pemilik ladang yang menyebabkan jerebu itu ialah milikan GLC. Jadi, bagaimana? Sama ada *director general* kita mempunyai kuasa untuk menghukum dan mengheret mereka ke undang-undang kerana mereka juga merupakan *culprit* yang tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon apa juga pandangan yang diluahkan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi dimasukkan sebahagian dari ucapan saya supaya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri kerana itu ialah isu yang besar. Malah saya dua hari yang lepas, baru sahaja berjumpa kawan-kawan daripada Kedutaan Indonesia. Kebetulan kawan-kawan saya semasa saya berkhidmat dengan kementerian dahulu. Mereka perlilah kita. Kita kata yang bakar itu memang di Indonesia pak tetapi syarikatnya syarikat Malaysia. Jadi, kita juga hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah yang boleh kita lakukan?

Sementara itu, cadangan Yang Berhormat Kota Raja itu cadangan yang ekstrem saya rasa. Maknanya, bolehkah kita tutup syarikat-syarikat yang menyumbang kepada masalah alam sekitar. Saya kira pandangan saya *yes and no*. Saya kira sekiranya bahan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha ini bahan-bahan yang amat *damaging*. Terbukti bahawa mereka memang membuatnya secara berterusan dan ianya memberikan impak yang cukup negatif bukan sahaja kepada masa kini tetapi juga masa depan. Saya kira itu harus diberi pertimbangan yang serius. Kalau kita terpaksa tutup, kena tutup tetapi sekiranya ianya tidak memberikan kesan yang begitu hebat, saya kira dengan penalti-penalti sama ada penalti berbentuk wang atau penjara, saya ingat cukup memadai.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar kementerian melihat perkara ini dengan agak serius kerana rakyat kita pun bukan ramai iaitu 26 atau 27 juta sahaja tetapi kalaulah ini pun kita tidak boleh *manage* dalam keadaan negara kita yang amat subur, amat makmur ini, maknanya itu menunjukkan satu mala petaka yang amat sangat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

4.48 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi dengar dalam perbahasan pindaan akta yang berada di hadapan kita. Kawan-kawan memberi pandangan yang begitu drastik sekali. Tutup, jel, tutup, jel. *[Ketawa]* Pancung sahaja yang tidak ada. Janganlah begitu. Terbawa-bawa. Tiap-tiap orang ada sumbangannya dan ada kelemahannya. Biar *balance* apa yang kita hendak utarakan.

Saya bukan hendak menjadi pembela kepada pengusaha-pengusaha sama ada ladang ataupun kilang dan sebagainya. Kita mesti sedar mereka juga ada sumbangan kepada ekonomi negara. Rakyat hidup pun bergantung kepada ekonomi negara. Pekerjaan pun bergantung kepada ekonomi negara yang diwujudkan, dibangunkan. Jadi, kalau kita mengambil tindakan yang begitu drastik sekali, maka akhirnya nanti rakyat juga yang terjejas dan menderita. Peluang pekerjaan bagaimana? Peluang pendapatan bagaimana? Dan sebagainya. Jadi, dengan sebab itu apabila kita melihat isu alam sekitar ini, kita kena lihat apa masalah sebenarnya dan kita mengemukakan

cadangan, tindakan yang hendak diambil itu biar secara rasional, munasabah. Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

■1650

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak, terima kasih. Saya kadang-kadang seperti juga Yang Berhormat Pasir Salak, pembangkang dalam negara kita ini pemikirannya lain. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, yang disampuk oleh Yang Berhormat Jelutong jelas jahat. Dia kata betullah asap itu dari Sumatera. Akan tetapi yang menyebabkan asap itu, GLC Malaysia. Maknanya kalau dapat peluang burukkan negara ini burukkanlah itu peluang parti pembangkang.

Saya hendak jelaskan, Tabung Haji, Sime Darby sudah lama beroperasi di Sumatera. Ia sudah tidak perlu bakar lagi, tidak perlu bakar lagi. Sudah lama hutan-hutan yang hendak dibangunkan dengan kelapa sawit itu sudah dibakar 10 tahun dahulu atau 15 tahun. Saya ahli lembaga pengarah Tabung Haji, yang 40,000, 80,000, 100,000 hektar di Riau itu sudah tidak bakar lagi, sudah memetik hasil. Jadi kalau orang Indonesia buat alasan ini, "*Ini pak, yang sebenarnya kepunyaan orang Malaysia*". Lekas sahaja parti pembangkang, apa sahaja hendak dikata bagi memburukkan negara sendiri, buruk. Ini sikap mereka. Jadi sifat pembohongan, fitnah, putar belit fakta ini kerja merekalah. Jadi saya rasa dukacitalah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Pasir Salak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pandangan saya? Yang Berhormat sungai Petani ini, dia tidak ada pengalaman tanam kelapa sawit. *[Ketawa]* Dia ingat pokok kelapa sawit yang mudah matang dan berbuah itu masih mengeluarkan asap. *[Ketawa]* Jadi, oleh sebab itu apabila kawan-kawan dia daripada Sumatera, daripada Indonesia cakap bahawa asap yang keluar itu adalah ladang-ladang yang dibangunkan oleh syarikat GLC, dia terus percaya. Ha, inilah masalahnya kalau kita tidak reti. Betul tak? Dengar cakap orang dan terima bulat-bulat.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pasir Salak, kalau dia keluarkan bukti-bukti sekarang, boleh kita percaya kata Guthrie. Bukan Tabung Haji, Guthrie?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, begini. Dia bukti apa? Pokok itu sudah lama bertanam dan menghasilkan buah. Mana ada asap? Asap ini kalau buka hutan belantara yang baru. Kalau dibakar. Ini sudah buahnya dikutip. Saya tahulah, saya Pengerusi FELCRA. Kita pun ada ladang kelapa sawit. Bukan sikit, 500,000 ekar seluruh negara. Jangan pandang lekeh FELCRA itu. *[Ketawa]* Ha, ada pula soalan lagi?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, saya. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Salak, saya hendak membetulkan sedikit tentang cadangan saya. Bila kita mengatakan satu cadangan hukuman yang berat, tentulah kita ada tahap-tahapnya macam setelah didenda, tidak buat apa-apa, dia degil. Kemudian, penjara dan akhirnya kerana bagi syarikat besar, bagi syarikat yang ada mungkin kekuasaan dari segi pengaruh. Oleh

sebab dia banyak pekerja yang setiap kali dia tahu kita tidak akan menutup kilangnya. Saya hendak bagi tahu satu contoh, kawasan saya sendiri. Sebuah kilang yang diluluskan berbelas tahun yang lepas. Saya tidak faham, selepas itu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa meluluskan pula pembangunan rumah-rumah di kelilingnya. Akhirnya, dia ada satu kilang plastik, bakar plastik. Malam-malam berbau plastik, dan mengeluarkan udara ataupun racun ke dalam udara menyebabkan sakit kulit dan sebagainya kepada orang sekelilingnya. Apabila kita minta dia buat, seperti pahat dengan pemukul. Seperti pahat dengan pemukul, satu, satu, satu.

Akan tetapi oleh sebab kita *persistent*, kita *push* PBT dan kita tolak supaya mereka melakukan sesuatu untuk mengurangkan pencemaran ini, akhirnya mereka sendiri pindah. Akan tetapi ini maksud saya, ada syarikat-syarikat yang besar-besar tiap-tiap kali kita mengugut tidak mahu memberi lesen untuk tahun itu, dia kata kami ada pekerja yang ramai dan sebagainya. Dia menggunakan perkara ini sebagai mengugut kepada kerajaan ataupun PBT ataupun siapa pihak pemberi lesen hanya kerana mereka memberi sumber ekonomi kepada rakyat. Jadi inilah pokoknya kadang-kadang apabila kita meletakkan ekonomi itu sebagai segala-galanya. Segala-galanya di atas sehinggakan akhirnya yang menderita dalam jangka masa panjang adalah rakyat itu sendiri.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Boleh saya tambah sedikit? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit? Minta izin saya tambah sedikit. Saya kenal sangat kawasan Yang Berhormat ini sebab emak saya pun tinggal di situ. Ada kilang-kilang yang mengeluarkan asap, kilang plastikkah, banyak kilang yang lain, dia keluarkan asap waktu malam. Saya faham sangat masalah yang dihadapi oleh kementerian. Jadi, oleh sebab waktu malam susah hendak dikesan kilang mana. Ini berlaku selalu. Jadi saya minta bolehkah ditambahkan kepada ucapan Yang Berhormat agar dipantau oleh pihak Jabatan Alam Sekitar supaya gejala ini dapat dibanteras. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja dan juga Yang Berhormat Padang Besar. Saya mula teringat kot Yang Berhormat Kota Raja pun ada kelapa sawit, rupanya cerita pasal kilang plastik. Di Malaysia atau negara kita ini *is a rule by law, rule of law*. Tidak kiralah besar, kecil pun. Apakah apabila dia besar, maka dia boleh *break the law*? Tidak boleh. Masalah bukannya masalah mereka besar, maka mereka boleh melanggar aturan dan peraturan tentang undang-undang. Dia ada masalah lain di situ. Kalau mereka dibawa ke pengadilan, yang besar pun tertakluk kepada undang-undang yang sama. Bukankah begitu?

Jadi dengan sebab itu, masalah ini bukan besar ataupun kecil. Masalahnya, apa dia yang sebenarnya? Saya ingin memberi pandangan iaitu Tuan Yang di-Pertua, ini budaya kita, sikap kita rakyat Malaysia ini pada keseluruhannya tidak begitu mengambil berat tentang kebersihan. Orang - maaflah, kalau kita orang Islam pun bercakap soal kecantikan, kebersihan, tetapi di belakang rumah kotor. Betul tak? Bilik air kotor. Saya sebagai wakil rakyat, selalu saya ingatkan kepada jawatankuasa masjid, pengerusi jawatankuasa masjid. Berkhutbah bukan main lagi tetapi apabila

tengok tandas masjid *masya-Allah*. Ini dia masalahnya. Jadi orang yang macam ini apa macam, kita hendak tangkap dan jel mereka?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya kalau bolehlah ingin menarik perhatian Yang Berhormat Pasir Salak kalau boleh tolong bawa menjurus perbincangan isu alam sekitar ini secara yang holistik. Ini kerana saya berpendapat selain daripada tanggungjawab rakyat mesti memainkan peranan dalam hal-hal yang berkaitan dengan menjaga alam sekeliling tetapi tanggungjawab kerajaan lebih besar daripada rakyat.

Dalam bahasa Inggeris kata, *that is why we have a government*. Oleh sebab itu kita ada kerajaan. Jadi kalau tempat buang sampah tidak cukup, longkang tidak dibetulkan, kelulusan pembalakan diteruskan.

■1700

Sebab isu alam sekitar ini bukan setakat soal pembakaran, longkang tersumbat Yang Berhormat, tetapi ia termasuk perkara-perkara yang holistik seperti yang saya katakan tadi, pembalakan secara haram, berlaku tanah runtuh akibat daripada pembangunan, sungai-sungai kotor, kemudian kenderaan-kenderaan mengeluarkan asap gas, ini isunya.

Selain daripada itu, kita juga sebagai Ahli Dewan Rakyat, sama ada kita ini buat *homework* atau tidak, saya pun tidak tahu. Kalau kita tengok di Parlimen Barat sama ada di Bundestag, Jerman, *even* di Amerika sekalipun, di negara-negara barat, memang kalau datang isu alam sekitar, memang hangat. Ianya merupakan antara agenda utama negara mereka. Oleh sebab itu kita sepatutnya mendapat maklum balas dan membuat kajian, dan saya juga mengingatkan diri saya sendiri juga sebagai Ahli Parlimen supaya kita tidak menjuruskan perbincangan itu secara yang umum sangat tetapi mempunyai fakta.

Ini kerana contohnya Yang Berhormat Pasir Salak, kita patut tahu dan kena dapat tahu daripada kementerian dan pihak kerajaan sesudah Sidang Bumi atau *Earth Summit* di Rio De Janeiro pada tahun 1992, kemudian disusuli dengan banyak protokol, Protokol Kyoto, *climate change*, *greenhouse gases* dan bagaimana pendirian negara-negara Barat dalam membantu negara-negara membangun dari segi *donor*, dari segi menangani alam sekitar. Ini isu-isu yang sebenarnya menjadi fokus dan menjadi perhatian kita.

Oleh sebab itu saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Pasir Salak, kita jangan terlalu apologetik sebab yang pentingnya kita kena tentukan bahawa sama ada Jabatan Alam Sekitar, PBT, ini semua ini yang bertanggungjawab dari segi penguatkuasaan hendak menentukan kualiti alam sekitar sebab kita tengok sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, masalah perubahan cuaca, kadang panas tidak menentu, kadang hujan tidak menentu. Jadi kadang-kadang tempat yang tidak banjir pun sudah jadi banjir. Mesti ada puncanya dan ini lebih saya rasa bermanfaat kalau kita fokus kepada isu-isu yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya terima baik saranan Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya kira kita tidak boleh kata itu holistik kalau hanya kita sebenarnya ingin menjadikan kerajaan sebagai kita punya sasaran dalam menghadapi isu ini, kerana untuk menyelesaikan isu ini, permasalahan ini melibatkan banyak pihak. Selain daripada kerajaan, tanggungjawab rakyat pun penting, tanggungjawab masyarakat pun penting, tanggungjawab pengusaha-pengusaha penting. Banyak undang-undang yang telah dibuat oleh kerajaan, peraturan dibuat tetapi kalau tidak ada kerjasama daripada rakyat, tidak mungkin kita akan mencapai matlamat yang hendak kita jayakan.

Begitu juga dalam perkara berhubung kait dengan alam sekitar ini. Saya bersetuju bahawa kalau kita hendak memperkatakan soal tanggungjawab kerajaan, saya selalu membangkitkan iaitu PBT ini, pihak berkuasa tempatan ini, apa yang dilakukan oleh mereka sangat mengecewakan sebab banyak tempat kita pergi, kita dapati keadaan alam sekitar sungguh menyedihkan. Kebersihan longkang-longkang, sungai-sungai sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi, saya setuju, terbiar dan dibiarkan oleh pihak PBT.

Ini satu perkara yang perlu dibetulkan iaitu pegawai-pegawai yang diletakkan sebagai Yang di-Pertua PBT, pegawai penguat kuasa PBT, mestilah terdiri daripada orang-orang yang kena pada tempat dan tanggungjawabnya, tugasnya. Kalau orang itu sendiri tidak berbudayakan kebersihan, tidak menghargai, tidak mengamalkan kebersihan, bagaimana dia boleh diberikan tanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar di tempat-tempat ianya dipertanggungjawabkan? Kalau kita hendak seseorang itu menjaga kebersihan, dia mesti orang yang bersih, yang suka kepada kebersihan, yang cinta kepada kebersihan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya kadang-kadang mempertikaikan Yang di-Pertua ataupun ahli majlis ataupun pegawai-pegawai penguat kuasa ini, mereka ini sebenarnya budaya mereka apa? Mungkin ada kadang-kadang perlu juga hendak pergi lihat bagaimana keadaan mereka di rumah. Rumah tangga mereka bagaimana, cara mereka membuat apa-apa tindakan dalam kehidupan seharian macam mana, bersih tak bersih. Uji dahulu. Kalau dia lulus di sini baru dia diletakkan kepada satu tempat bertanggungjawab menjaga kebersihan seperti menganggotai jawatan-jawatan penting dalam PBT. Yang Berhormat Sri Gading silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya yang bijaksana Yang Berhormat Pasir Salak, saya bersama-sama. PBT ini kadang-kadang dia tidak sensitif sangat dengan keperluan asas kehidupan manusia. Sebagai contoh, semua rumah ada sampah. Kalau seseorang duduk di taman, tidak ada tempat lain yang hendak dibuang melainkan tong sampah dia. Tong sampah kalau tidak dipungut pada tiap-tiap hari, akan melimpah-limpah keluar. Soal pengambilan sampah, pemungutan sampah kuasa PBT.

Jadi bagaimana agaknya supaya perkara persekitaran yang bersih ini dapat kita kekalkan? Sebagai contoh, pelupusan sampah. Tidak ada satu contoh pun pelupusan sampah agaknya yang

boleh kita banggakan di negara ini. Kumpul-kumpul sampah dengan lori mengangkat sampah, longgok di satu kawasan lain, timbul masalah kawasan itu air limbahannya, baunya, lalatnya. Kompelin dekat situ, orang di situ kompelin, ubah pula tempat lain, sana pula timbul masalah. Jadi manusia tidak akan dapat hidup selesailah. Kenapa tidak ada teknologi baru?

Saya difahamkan berlumba-lumba negara-negara lain mencipta teknologi, saya dengar ada satu teknologi daripada China ataupun daripada Jerman yang sampah-sampah ini diproses, dia boleh mendatangkan kuasa elektrik, boleh menjadi minyak. Jadi sampah yang kita kata sampah, dia sudah jadi barang berharga. Kenapa tidak diusahakan begitu rupa? Jadi ini selesailah banyak masalah. Itu satu.

Ini alam sekitar. Orang bela ayam. Dia bela ayam, dia bela ayamlah tetapi dia bela ayam, jangan dia bela lalat.

■1710

Lalat ini terbang yang mengakibatkan penduduk sekitarnya azab sengsara sampai tidak berani hendak buka pintu, tidak berani hendak buka tingkap. Aniaya punya kerja. Tiga, boleh saya lebih sedikit? Saya hendak cakap dari tadi tidak dapat-dapat. Yalah hendak diapakan. Nanti kalau tukar Tuan Yang di-Pertua lagi saya tidak dapat bercakap. *[Ketawa]* Ini kerana ada Tuan Yang di-Pertua yang melihat saya ini tidak berapa ada. *[Disampuk]* Yalah jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua yang boleh saya hendak bercakap sedikit, agaknya. *[Disampuk]* Tidak dengar ya? Undang-undang ini baik, semua dalam Dewan ini akan sokong kerana alam sekitar ini ada kaitan yang sangat rapat dengan kehidupan kita. Betul?

Undang-undang sahaja yang baik pelaksanaannya tidak dapat hendak dikuatkuasakan, undang-undang ini jadi kertas buruk. Tidak ada faedah tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri yang begitu tegas undang-undang ini seboleh-bolehnya akan melindungi kehidupan kita. Sokong kita undang-undang ini. Akan tetapi Ketua Pengarah kementerian beranikah tidak dia? Anak buah dia yang di bawah cukup keberanian atau tidak hendak melaksanakan kehendak undang-undang yang kita sedang bahaskan ini? Itu masalah yang besar. Itu masalah yang besar. Takut nanti mengambil tindakan dengan berpilih-pilih. Berpilih-pilih, yang kecil-kecil diambil tindakan, yang besar-besar dibiarkan. Garis bawah. Perkataan dibiarkan itu di garis bawah.

Akhirnya kekecewaan rakyat yang akibatnya kerajaan jadi sasaran sedangkan Kerajaan Barisan Nasional menyediakan berbagai-bagai undang-undang untuk kebaikan dan manfaat rakyat negara ini. Sebagai tanggungjawab kerajaan yang baik Barisan Nasional ini, macam-macam undang-undang kita buat kita reka, kita luluskan di Dewan Parlimen ini kerana hendak melindungi rakyat. Syabas Kerajaan Barisan Nasional! Akan tetapi soalnya pelaksanaan, pelaksanaan balik semula. Dia *circle* balik pusing kerajaan juga yang disalahkan walhal Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab.

Macam undang-undang ini saya ucap tahniah Yang Berhormat Menteri. Saya tidak pertikaikan, saya *salute* Yang Berhormat Menteri kerana membawa undang-undang yang tepat

pada masanya. Soal pelaksanaan. Ambil contoh kadang-kadang pihak kakitangan sengaja sabotaj kementerian. Bukan kementerian inilah, dia kementerian lain sengaja dia untuk menyakiti hati rakyat kemudian rakyat akan benci kerajaan. Waspada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya boleh balikkah Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah memang *floor* Yang Berhormat Pasir Salak. Macam Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong pun mungkin berminat dia boleh juga ambil bahagian di *floor* Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Kepong banyak sabar ya. Dia tidak berani hendak sebutlah fasal kawasan dia. Inilah sedikit sebanyak Yang Berhormat Pasir Salak saya mencelah untuk perhatian kita bersama. Akan tetapi saya menyokong sangat rang undang-undang ini dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu dimasukkan ke dalam sebahagian daripada perbahasan saya. Saya tidak mahu mengambil masa yang panjang lagi kerana masa saya telah dicuri [*Ketawa*] oleh begitu ramai rakan-rakan. Akan tetapi sebagai penggulunganlah, saya rasa pihak pelaksana dan pegawai yang diberi pertanggungjawaban untuk melaksanakan tugas ini perlu kreatif dalam *approach* mereka. Sebagai contoh biasanya kita dapati alasan bahawa kekurangan peruntukan, tidak ada duit. Hendak cuci sungai tidak ada duit, hendak bersih longkang tidak ada duit, hendak kutip sampah tidak ada duit. Sampai bila ini masalah duit ataupun peruntukan ini dapat hendak diselesaikan?

Jadi kalau itu jadi perkara yang menyebabkan perkara ini terus berlaku sepanjang zaman, maknanya pegawai kerajaan atau kementerian serta juga PBT perlu memikirkan satu kaedah baru yang kreatif. Pokoknya masalah mesti selesai, diselesaikan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh, silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. Kita tadi mendengar panjang lebar pandangan Yang Berhormat Pasir Salak dan juga kakanda Yang Berhormat Sri Gading berkenaan dengan pemantauan dan juga kemampuan kementerian untuk membuat penyiasatan, penguatkuasaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pasir Salak kita bagi satu contoh di negeri Pulau Pinang. Sekarang ini negeri Pulau Pinang banyak skandal. Skandal - *environmental scandal*, skandal-skandal alam semula jadi ini, alam sekitar.

Saya minta kepada Yang Berhormat Pasir Salak pandangan Yang Berhormat Pasir Salak. Apakah Yang Berhormat Pasir Salak mahu supaya kementerian memantau apa yang berlaku di Pulau Pinang? Sekarang ini heboh tentang pembangunan lereng bukit. Seperti biasalah dia kata Kerajaan Barisan Nasional punya hal sedangkan mereka sudah jadi kerajaan untuk empat tahun, itu satu.

Kemudian kita lihat dalam laporan *Auditor General*, Ketua Audit Negara tahun lepas bila mana Ketua Audit Negara mengatakan kawasan-kawasan paya ataupun *wetlands* di Pulau Pinang itu ada yang menjadi masalah. Apakah Yang Berhormat Pasir Salak mahu supaya kementerian juga masuk dan menyiasat bagaimana keadaan semula jadi alam sekitar di Pulau Pinang ini amat teruk sekarang ini?

Ketiganya Yang Berhormat Pasir Salak, apakah Yang Berhormat Pasir Salak setuju jika saya katakan kementerian harus menyiasat tentang pembangunan di Bayan Mutiara? Kawasan Bayan Mutiara di mana sebahagian daripada tanah yang dijual kepada kroni DAP di Pulau Pinang itu termasuk juga tanah yang dijual itu adalah tanah laut yang akan ditambak nanti. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pasir Salak, apakah Yang Berhormat Pasir Salak mahu supaya kementerian menyiasat apakah ada dibuat kajian alam sekitar sebelum pembelian skandal besar-besaran di Pulau Pinang ini dibuat pada awal tahun ini, lewat tahun lepas? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kasi panas ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh! DAP pun ada skandal eh? *Astagfirullahalazim.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua masalah berhubung dengan kuasa, kuasa kerajaan negeri berhubung dengan tanah memang kuasa mereka. Akan tetapi mereka jangan ingat bahawa mereka boleh buat apa suka, suka hati berhubung dengan tanah mereka. Ya.

■1720

Ia sebab apa juga yang hendak dibuat ada mempunyai kaitan dengan perkara-perkara lain di mana di luar bidang kuasa mereka. Jadi kalau berkaitan dengan alam sekitar, pembangunan di lereng bukit menjejaskan alam sekitar, maka dengan sebab itu tidak ada sebab mengapa kerajaan pusat ataupun kementerian tidak boleh mengambil tindakan. *Stop it* dengan izin. Kementerian mesti mempunyai *political will* dan berani untuk bertindak walaupun melibatkan kerajaan negeri atau ketua kerajaan negerinya. Salah tetap salah, hadapkan ke mahkamah. Kalaulah GLC syarikat tadi sibuk hendak di bawa ke mahkamah, hendak dihukum itu dan ini, ini Ketua Menteri Pulau Pinang pasal apa tidak boleh hendak dihukum? Samalah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan sikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Undang-undang itu tidak memandang dari segi kedudukan. Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya sebenarnya apabila cerita mengenai alam sekitar, kalau di Pulau Pinang itu, di Balik Pulauah yang paling banyak kawasan bukit. Jadi saya tidak ada masalah, saya boleh setuju kalau kementerian punya kesungguhan, datang ke Balik Pulau, tengok projek yang mana yang tidak ikut EIA atau aturan di bawah undang-undang alam sekitar ini. Saya tidak ada masalah, saya boleh setuju cuma saya hendak rasa kesungguhan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu saya tidak nampak

ataupun mungkin kerana benda itu tidak menyalahi aturan undang-undang. Jadi saya rasa mungkin Yang Berhormat Pasir Salak boleh komen sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Balik Pulau ini, dia pula yang menjawab. Kita tidak kata Balik Pulau. Saya baru balik daripada Balik Pulau, makan durian Balik Pulau lagi. Banyak masalah di Balik Pulau itu tetapi kita tidak mahu dedahkan, tambah pula dah dekat dengan pilihan raya ini, takut tidak jadi calon. *[Ketawa]* Jadi kita pun lebih kuranglah dalam hal itu.

Berbalik kepada masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi ialah ianya satu perkara fakta yang nyata, yang sedang berlaku yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pembangunan di lereng-lereng bukit yang membawa akibat yang buruk kepada penduduk dan penduduk pun ramai yang *object*, menentang perkara ini. Akan tetapi kepala batu Ketua Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu, dia ingat dia sahaja yang pandai, dia seorang boleh buat apa dia suka. Ada lagikah Yang Berhormat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, saya hendak gunakan perkataan kepala batu itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepala batu itu. Ini parti-parti pembangkang yang memerintah negeri, dia fikir dia boleh buat suka hati dia sahajalah, macam Pulau Pinang dilanggar begitu, Selangor dia korek pasir, suka hati dia, dia peduli apa. Maknanya kepentingan rakyat nombor dua, kepentingan diri kerajaan dia. Jadi jangan kita pun nak salahkan kementerian-kementerian. Kadang-kadang patutnya kerajaan negeri lebih bertanggungjawab, tidak payah kementerian boleh ambil tindakan kerajaan negeri kalau bertanggungjawab, tetapi jenis kerajaan negeri tidak bertanggungjawab. Pembangkang memang memerintah negeri dengan cara tidak bertanggungjawab. Pilihan raya akan datang, rakyat tolak parti-parti pembangkang.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: *Astagfirullahalazim.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi begitulah keadaannya iaitu bakal kerajaan yang dikatakan kerajaan pilihan. Satu kerajaan yang tidak ada undang-undang, *they have no respect for the law. So* dengan izin, *don't you think the people, the rakyat agree to this? No respect for the law?* Tidak hormat pada undang-undang? *Then* dengan izin, jadilah satu bentuk kerajaan rimba, *law of the jungle* dengan izin. Apa hendak jadi negara kita ini kalau kerajaannya menghalalkan segala bentuk tindakan yang tidak mengikut undang-undang? Saya harap rakyat berfikirilah menjelang pilihan raya ini, buatlah keputusan yang bijak. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar.

5.25 ptg.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terasa macam duduk di ceramah politik. Ini Parlimen, kita dok bincang tentang undang-undang. Akan tetapi tidak apalah, itu kebebasan yang ada dalam Parlimen ini. Saya cuma hendak tambah apa

yang disebut oleh rakan-rakan lain, sebenarnya tidak ada yang baru Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebagai mengukuhkan lagi pandangan-pandangan yang saya kira tidak terbatas kepada hanya soal politik kerana isu pembangunan dan juga kelestarian alam sekitar ini bukanlah masalah politik. Ia adalah merupakan maslahat umum tidak kira kalau kerajaan itu daripada Kerajaan Pakatan, kerajaan itu daripada Kerajaan Barisan Nasional, ya Yang Berhormat Sri Gading? Kalau salah tetap salah. Jadi isunya bukan kita hendak mempertahankan, isunya ialah bukan *two wrongs doesn't make one right*. Jadi sebab itu saya minta fokus kepada isu perbincangan kita pada petang ini.

Saya cuma hendak tambah antara lain yang boleh diperkukuhkan di sini ialah saya kira salah satu daripada dilema secara polisinya, secara dasarnya ialah kementerian juga terperangkap antara keperluan pembangunan dan juga kesan kepada alam sekitar. Kalau kita tidak ada satu *mindset* yang jelas disebut oleh rakan Yang Berhormat Pasir Mas tadi tentang holistik, kita punya pemikiran tentang pembangunan ini, maka sebab itu saya khawatir Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan jadi macam *fire fighter*. Ada masalah di sana, pergi, ada masalah di sini, pergi dan ia akan membawa kita kepada *the same trap* iaitu tentang apakah *mindset* kita hari ini dalam melihat keperluan apa yang disebut pada akhir ucapan Menteri tadi iaitu kita perlu kepada *sustainable development*.

Persoalan saya, *my question* dengan izin, sejauh manakah konsep pembangunan lestari ataupun *sustainable development* ini telah benar-benar diterapkan di serata kementerian, *across all the ministries*? Jangan hanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sahaja yang bercakap tentang pembangunan lestari, tetapi kementerian lain tidak peduli dan ini menyebabkan kementerian hanya akan bertindak sebagai *fire fighter* sahaja untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tidak dikendalikan secara holistik daripada rakan-rakan kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh sikit. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Parit Buntar sebab Yang Berhormat Parit Buntar menyebut tentang perangkap tadi seolah-olah pentadbir, kerajaan, pemerintah seolah-olah terperangkap. Saya hendak tanya Yang Berhormat Parit Buntar, kerajaan mengambil masa lebih daripada satu dekad untuk mengaku dan mengiktiraf kita berada dalam perangkap pendapatan sederhana dan rendah. Ini selepas satu dekad baru kita mengakui kita memang tidak boleh hendak buat apa sebab kita terperangkap dalam satu perangkap pendapatan. Baru sekejap tadi Yang Berhormat Parit Buntar kata macam seolah-olah perangkap juga dalam pembangunan lestari tentang alam sekitar.

Adakah pandangan Yang Berhormat Parit Buntar yang kerajaan juga tidak lama lagi akan mengakui juga kita sebenarnya terperangkap dalam prinsip hendak buat pembangunan lestari tetapi kita terperangkap, tidak boleh hendak buat apa. Akhirnya kerajaan akan *announce* dan mengaku saja begitu. Saya hendak tanya apa pandangan Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Jadi sebab itu saya memulakan ucapan saya untuk bahas rang undang-undang ini dengan melihat apakah isu yang sebenarnya yang memerangkap kita. Saya bersetuju dengan rakan-rakan lain yang telah berucap panjang lebar kecuali Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak, orang celah lagi lama daripada yang berucap, itu yang *special*. Saya melihat satu isyarat yang cukup jelas daripada semua Ahli Parlimen di sini untuk melihat bahawa isunya bukan kita hanya buat pindaan-pindaan, tetapi isunya ialah bagaimanakah keberkesanan.

■1730

Keberkesanan ini tidak akan dilihat hasilnya kalau tidak ada satu *mindset* yang baru. Satu *mindset* yang perlu diperkasakan, contoh saya bagi konflik di antara pembangunan dan juga kesan kepada alam sekitar. Sudah banyak berlaku di dalam kes-kes alam sekitar yang telah disebut oleh rakan-rakan daripada kedua-dua belah pihak. Antaranya saya boleh bagi contoh yang dekat dengan saya iaitu di kawasan Selama bersempadan dengan Parit Buntar iaitu isu Pondok Tanjung yang melibatkan satu kawasan pembalakan yang menyebabkan masalah alam sekitar kepada penanam kelapa sawit di situ dan juga menyebabkan soal kawasan takungan air dan sebagainya, walaupun telah disebut beberapa kali tetapi benda itu seolah-olah tidak ada satu penyelesaian.

Malah baru-baru ini saya ada *raised* di dalam Parlimen kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tentang projek kambing *Boer* yang dibuat di sekitar kawasan itu. Apabila saya tanya adakah telah dapat satu kelulusan? Mereka mengatakan hanya dapat nasihat yang mengatakan tempat ini boleh buat sedangkan kesan daripada projek itu memburukkan lagi pembalakan yang telah sedia ada. *So*, kita akan *recycle* benda ini, benda yang sama. Begitu juga dalam isu Empangan Bakun contohnya, di sebalik keperluan kepada...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar rakan saya. Tadi saya tertarik dengan satu kenyataan yang dibuat ataupun hujah iaitu bagaimanakah untuk memastikan pembangunan dan juga penjagaan ataupun pemuliharaan alam sekitar itu dapat bergerak bersama seiring. Saya hendak bagi satu contoh Yang Berhormat, di negeri Sabah contohnya.

Sejak 5 tahun kebelakangan ini, negeri Sabah telah mengadakan – sejak 10 tahunlah, telah mengadakan program-program konservasi, *conservation* dan juga penjagaan alam sekitar bukan sahaja pemeliharaan tetapi pemuliharaan alam sekitar yang berlaku sekarang ini secara besar-besaran. Skala besar, sama ada marin, hutan dan sebagainya dan negeri Sabah telah diberi pengiktirafan bukan sahaja dari dalam negeri oleh Ketua Audit Negara tetapi juga oleh universiti-universiti ternama di dunia dan juga agensi-agensi *United Nations* dan institusi-institusi antarabangsa yang telah mengiktiraf kerja-kerja Kerajaan Negeri Sabah yang membawa pembangunan selari dengan pemuliharaan alam sekitar dan itu telah didokumenkan.

Cuma yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat ialah walaupun dalam masa 8 tahun ini kita kerja kuat dalam segi konservasi dan sebagainya, kita juga mendapat pelaburan tertinggi. Tahun lepas untuk makluman Yang Berhormatlah, tahun ini, sepanjang setengah tahun ini kita mendapat RM10 bilion dan salah satu syarikat yang akan melabur di negeri Sabah ialah syarikat yang akan membiak, memelihara udang galah ataupun *lobster* yang memerlukan air yang bersih, yang jernih. Ini harganya RM2 bilion kalau saya tidak silap, akan diadakan di negeri Sabah. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa pembangunan itu boleh dibuat dengan satu tindakan yang bersepadu dalam menjaga alam sekitar. Contohnya negeri Sabah Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, saya kira itu sebagai *point* tambahan daripada apa yang saya sebut iaitu konsep pembangunan yang pada waktu yang sama kita perlukan penjanaan ekonomi dan pada waktu yang sama pemeliharaan itu atau pemuliharaan sebagaimana yang disebut tadi dapat kita capai. Syabaslah tetapi negeri Sabah kena kerja kuat untuk hendak lawan dengan Penang dengan Selangor. Kena kerja kuat sedikitlah. Okey.

Seterusnya saya mengaku sendiri, contohnya di negeri Pulau Pinang ada banyak isu, Pulau Pinang ini terkenal dengan Sungai Juru. Sungai Juru ini hampir dia punya indeks kira matilah, tahap lima. Hasilnya ialah kerana perindustrian. Pada waktu yang sama kita mahu perindustrian, kita mahu hendak mengejar kepentingan ekonomi tetapi kesan kepada alam sekitar itu menyebabkan pencemaran sungai yang begitu ketara sekali. Saya juga merakamkan kekesalan saya bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga di Johor Bahru, tempat-tempat lain di Selangor di Sungai Klang adalah antara sungai yang boleh dianggap mati dalam tahap yang kelima. Saya difahamkan bahawa tahap yang keempat dan kelima semakin meningkat sedangkan tahap pertama dan kedua semakin berkurangan. Ini *indicator* kepada soal pembangunan yang dikejar tetapi yang memberi kesannya ialah kepada alam sekitar

Saya juga ingin menyentuh *point* saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri iaitu tentang persoalan penguatkuasaan. Kita berbincang panjang tentang bagaimana Jabatan Alam Sekitar telah melalui pelbagai fasa baik dari segi peruntukannya dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, dari sudut penguatkuasaan, sejauh manakah alam sekitar ini mempunyai kepakaran, sumber manusia dan juga keberkesanan membawa laporan-laporan sebab saya minta supaya Jabatan Alam Sekitar, dia lebih bersifat proaktif. Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak habis berucap lagi tunggulah. [Merujuk Yang Berhormat Pasir Salak yang berjalan keluar Dewan] [Ketawa]

Saya ulang balik tadi iaitu persoalan penguatkuasaan, sejauh manakah Jabatan Alam Sekitar yang besar peranannya di dalam akta ini memainkan peranan bukan sekadar ada laporan ambil tindakan tetapi dia lebih bersifat proaktif. Dia lebih bersifat proaktif dan kemudian membuat kajian-kajian dan kemudian memberi laporan kepada kementerian. Saya juga ingin tanya, sejauh manakah Kementerian Sumber Asli ini terikat dengan apa yang dicadangkan oleh Jabatan Alam

Sekitar? Ini kerana dalam banyak hal mungkin ada kes-kes yang Jabatan Alam Sekitar ada pandangan tertentu tetapi kementerian mempunyai pandangan yang lain sehingga menyebabkan profesionalisme Jabatan Alam Sekitar untuk memberi pandangan dan nasihat serta membawa apa-apa dokumen kepada kementerian khususnya Ketua Pengarah ini terbantut kerana kementerian mempunyai satu kepentingan lain atau satu *priority* yang lain.

So, sejauh manakah hubungan dari segi keterikatan untuk menerima pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat ini. Sudah tentulah kita tahu adanya *Environmental Impact Assessment* yang perlu ada piawaian-piawaian tertentu yang telah ditetapkan dan saya kira yang agak ketat juga di dalam negara kita ini. Akan tetapi persoalannya sejauh manakah EIA yang diperkenankan itu dibawa kepada kementerian lalu kementerian dengan komitmen dia, terikat untuk tidak meluluskan sesuatu projek itu atau kementerian dengan kepentingan-kepentingan yang lain menyatakan okey, kita terima ini tetapi pada waktu yang sama kita perlu juga untuk melaksanakan projek ini.

Saya bagi contoh antara lainnya dalam masalah hendak lari daripada undang-undang ini ya. Contohnya pembalakan. Kalau ada satu saiz tertentu yang telah ditetapkan tidak perlu kepada satu *assessment*. Kalau saiz tertentu perlu kepada *assessment* tetapi yang berlaku pemaju-pemaju dan pembalak-pembalak ini, mereka dapat plot yang besar lalu dia bahagi-bahagikan. Tidak buat sekali sebab hendak elak daripada soalan undang-undang yang ketat tetapi saya ingin beri satu peringatanlah kepada orang yang suka terbang balak ikut suka dan hanya mengirakan kepentingan dia punya tamak haloba ini. Kita kena ingat ya, kita boleh menipu undang-undang dengan apa cara pun tetapi kita tidak boleh menipu kesan alam sekitar itu kerana dia boleh memberi *effect* kepada masyarakat setempat khususnya juga secara umumnya mencabar dasar lestari yang kita perkenalkan ini.

Oleh sebab itu saya mengingatkan antara masalahnya ialah ketamakan mereka yang mahu mengejar keuntungan tetapi tidak mengira kesannya kepada orang lain, yang itu saya kata semua kita setuju tidak ada siapa yang hendak pertikaikan. Ketiga, *point* saya ialah banyak juga disebut secara tidak langsung iaitu pertikaian kepentingan antara *federal* dengan *state*. Oleh sebab *state*, negeri yang ada kuasa di atas tanah, air dan sebagainya. *Federal* dia berkuasa atas dia melaksanakan akta-akta seperti yang ada di depan kita ini dan apa yang berlaku ialah kadang-kadang negeri ada dia punya kepentingan. Saya bagi satu kes yang uniklah. Satu kes yang unik kalau kita kembali kepada tahun 80-an. Kawasan hutan Endau-Rompin telah diisytiharkan oleh Kerajaan Pusat hendak jadikan sebagai hutan simpanan tetapi Kerajaan Negeri Johor telah melanggar pewartaan itu dengan menebang hampir 3,000 hektar, apabila ditanya mengapakah warta ini kamu boleh ceroboh? Alasan mereka ialah mereka memerlukan duit. Tidak cukup duit.

■1740

So, perkara-perkara ini yang saya katakan, apa yang negeri punya keperluan dengan keperluan *Federal* ini, seperti yang diulang berkali-kali oleh rakan-rakan kita, mestilah ada satu

persefahaman yang lahir daripada fahaman kepada konsep pembangunan lestari. Bukan hanya kepada memikirkan keperluan negeri tetapi juga memikirkan keperluan pembangunan lestari yang dibawa oleh Kerajaan Pusat.

Saya bagi lagi contoh-contoh yang bercanggah. Antara lain ialah contohnya di negeri Kedah. Sebelum Kerajaan Pakatan ambil alih ada juga isu tentang pampasan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana tidak menebang pokok kerana satu kawasan itu kalau ditebang akan melibatkan masalah bekalan air ke Pulau Pinang, di Ulu Muda kalau tidak silap saya. Lalu diberi pampasan dengan janji, kalau kamu tidak tebang kami bagi pampasan. Sebab itu merupakan satu *generate income* kepada kerajaan negeri tetapi apabila Kerajaan Pakatan menang perjanjian itu tidak ditunaikan. Yang ini pula kurang di peringkat *Federal*. Yang tadi kurang di peringkat negeri. Yang ini kurang pula di peringkat *Federal*. Apakah tidak memberi itu kerana yang memerintah itu ialah Kerajaan Pakatan. Ini sudah politik sedangkan isu yang saya sebut pada awal tadi ialah isu pembangunan lestari yang mana kalau siapa sahaja yang memerintah pun, kalau sudah ada pampasan di atas persefahaman hendak jaga alam sekitar ini kena penuhlah.

Jadi, saya minta dalam jawapan Menteri tadi untuk kita bincang perkara ini. Sejauh mana isu Kerajaan Negeri Kedah telah diberi pampasan di atas sebab tidak menebang balak di satu kawasan yang dikatakan takungan air yang akan menjejaskan bekalan air ke Pulau Pinang juga. Ini bagi saya adalah kes-kes yang perlu diambil kira sama ada kekurangan itu datang daripada *Federal* ataupun kekurangan itu datang daripada *state* di mana kedua-duanya perlu mencapai satu persefahaman yang cukup ikhlas dan *genuine* untuk bukan kerana politik, bukan kerana ini adalah soal politik tetapi lebih kepada persoalan adakah ini mampu melaksanakan objektif pembangunan lestari. Kalau itulah yang dapat dicapai, maka perlu diberi apa yang mereka perlu dapat dan kerajaan negeri perlu memahami keperluan dasar lestari ini. Sama juga dengan isu-isu macam pernah berlaku di Bukit Merah, di Perak. Kerajaan negeri menerima satu projek Bukit Merah yang telah menimbulkan satu malapetaka kepada Kerajaan Negeri Perak kemudiannya dengan kesan-kesan radioaktif dan sebagainya. Di sana timbul persoalan, kerajaan negeri boleh lulus tetapi ia memberi kesan yang besar kepada alam sekitar yang kerajaan akan tanggung persoalan-persoalan itu. Jadi, sejauh mana Kerajaan Pusat boleh *say it words* ataupun boleh kawal kerajaan negeri supaya walaupun kamu ada kepentingan tetapi pembangunan lestari ini perlu kamu jadikan sebagai satu ikatan dalam kamu hendak melaksanakan projek-projek di peringkat negeri contohnya.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, yang merupakan *point* saya yang terakhir iaitu tentang partisipasi umum iaitu *collective participation from the public*, dengan izin. Saya ada satu cadangan di sini yang mungkin tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi boleh diajukan. Apa dia, iaitu saya mencadangkan Majlis Fatwa Kebangsaan, satu *body* yang berpengaruh, yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa-fatwa agama

Islam kepada umat Islam yang apabila ia telah digazetkan akan menjadi satu undang-undang yang kalau umat Islam itu bercanggah dengan pandangan fatwa ini, boleh dikenakan tindakan.

Saya mencadangkan begini, di dalam Islam ini ada lima perkara yang dikatakan *the five necessities*. Lima perkara darurat ataupun perkara yang mesti dibela, dipertahankan di atas maslahat ataupun kepentingan umum iaitu:-

- (i) agama – kena jaga;
- (ii) nyawa – kena jaga;
- (iii) akal – kena jaga;
- (iv) harta – kena jaga;
- (v) maruah dan keturunan – kena jaga.

Saya cadangkan, boleh dibawa untuk pengetahuan Jabatan Perdana Menteri, ditambah satu lagi daripada lima yang wajib dipertahankan iaitu memelihara alam sekitar. *That would be six necessities then*. Dengan berkembangnya masa sehingga alam sekitar menjadi satu keperluan dan maslahat umum, maka agamawan daripada Majlis Fatwa yang ada *authority*, berani untuk membuat satu fatwa yang mementingkan kemaslahatan negara ini, khususnya kepada umat Islam bahawa menjaga alam sekitar adalah satu keperluan yang ditambah daripada lima *necessities* yang mana orang Islam, tidak kira apa sahaja parti dia, mesti mempertahankan lima perkara ini.

Jadi, saya mencadangkan sebagai satu bentuk baru dalam kita mengolah peranan agama di dalam *good governance*, peranan agama di dalam memelihara kelestarian ini yang saya rasa mempunyai satu *weight* yang tinggi. Apatah lagi bersandarkan kepada Al-Quran menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Surah Ar-Rum yang menyatakan bahawa berlaku kerosakan di daratan dan juga di lautan di atas sebab tangan-tangan manusia. *Because of your hand*. Kamu yang membuatkan benda ini. Akhirnya kamu juga yang akan ditimpa musibah. Oleh kerana itu satu isyarat yang jelas. Fatwa Kebangsaan kena buat satu ketetapan yang tegas bahawa Malaysia menambah satu lagi dari segi kepentingan alam sekitar ini iaitu memelihara alam sekitar. Mungkin boleh dijadikan sebagai *reference* kepada negara-negara Islam yang lain untuk melihat bahawa alam sekitar ini bukan isu alam sekitar tetapi alam sekitar ialah isu agama yang perlu diletakkan sebagai peranannya untuk memelihara alam sekitar ini.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Bersih.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak, Bersih sebenarnya saya sempat duduk dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, dijawab dalam ucapan penangguhan. Bersih bukan fatwa. Bersih hanyalah nasihat. Itu kena beza, kena bagi tahu dekat rakyat.

Akhirnya, ini hendak *landing* sudah. Tuan Yang di-Pertua pun nampaknya jeling semacam sahaja. Hendak *landing* sudah ini. Iaitu badan bebas. Kita tahu sekarang ini kita sudah ada Majlis Alam Sekitar. Majlis ini telah diberi kuasanya dalam undang-undang ini. Saya minta kalau boleh kerajaan dengan semangat yang diucapkan oleh semua wakil rakyat ini, bagi satu kesungguhan bahawa boleh tidak kita wujudkan satu badan bebas pemantau yang terdiri daripada NGO yang

pelbagai, ahli politik daripada pembangkang baik, daripada kerajaan baik, daripada *state* baik, daripada *Federal* baik, orang agama baik, macam saya kata tadi perlu kepada satu nilai agama di situ. Ada satu badan pemantau bebas. Badan pemantau bebas ini bertanggungjawab menegur kerajaan dalam hal-hal yang mencerooboh isu-isu alam sekitar.

Jadi, dengan roh dan semangat yang dinyatakan oleh semua wakil rakyat di sini yang tidak ada bersalahan antara satu sama lain kecuali dua, tiga ucapan yang *very political in nature*, saya harap kementerian dapat mengambil kira pandangan-pandangan yang diberikan daripada kedua belah pihak. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang.

5.48 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja tetapi sebelum itu Yang Berhormat Parit Buntar menyebut tentang Hutan Endau Rompin itu mungkin Yang Berhormat Parit Buntar boleh semak semula Laporan Audit 2011 ataupun 2010. Boleh semak tidak? Yang saya baca masih lagi terpelihara sebagai kawasan hutan yang terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan rang undang-undang ini saya hendak merujuk terus kepada tentang takrifan baru yang antaranya menyebut orang yang berwibawa dan orang yang layak tentang pencemaran, perancangan fizikal dan perancangan pemajuan, perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan EIA, kuasa ketua pengarah dan sebagainya. Kalau kita tengok semula pindaan 34(2) dia mengenai senarai orang yang layak. Penyediaan dan penyelenggaraan senarai orang yang layak, senarai pakar runding. Memang saya sokong, tepat pada masanya Jabatan Alam Sekitar menyenggarakan atau mempunyai maklumat pakar runding EIA.

■1750

Dari satu sudut Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah kaedah untuk menentukan kelayakan pakar runding yang dilantik atau apakah garis panduan atau apakah badan profesional? Sekarang ini tidak ada yang setaraf di peringkat antarabangsa yang boleh mengiktiraf kepakaran mereka. Pada saya ini penting kerana ia berkaitan dengan kredibiliti, berkaitan dengan pengiktirafan terhadap kajian terhadap laporan terutamanya menimbulkan mungkin perkara-perkara yang sensitif, perkara-perkara yang kontroversi. Terutamanya oleh pihak-pihak yang tertentu yang sentiasa mungkin memandang remeh tentang kesungguhan kita yang dikaitkan dengan keupayaan serta kredibiliti pakar runding. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ledang, saya hendak tanya saya setuju peranan pakar perunding untuk mengkaji serta menilai projek pembangunan itu begitu penting. Selain daripada kelayakannya kepakarannya, juga ada isu siapa yang bayar kepada mereka. Sekarang dengan

sistem yang kita ada ini, kita memperkenalkan pemaju memilih seorang pakar perunding dan membayar *fee* kepadanya. Jadi masalah dia dalam ini, ini satu kelemahan yang besar dalam undang-undang ini. Katakan saya seorang pakar perunding dan jika saya mahu mencari *business*, saya perlu keluarkan satu laporan yang senang untuk dia ikut. Katakan Yang Berhormat Ledang ada seorang pakar perunding yang *strict* sangat, yang standard dia tinggi sangat, dia akan keluarkan laporan yang bermasalah kepada maju. Dikatakan banyak sekatan, dia bagi tahu dengan betul ini akan meningkatkan kos untuk pemaju.

Jadi saya rasa kaedah yang kita kenalkan pemaju pilih pakar perunding dan bayar kepada dia, ini akan melemahkan proses penilaian oleh pakar. Kenapa kita tidak mahu menukar satu kaedah lain di mana seorang pemaju dikenakan bayaran kepada kementerian, kepada Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar yang memilih pakar perunding kerana dia yang bayar dia mendapat laporan itu.

Ada satu perumpamaan dalam bahasa Inggeris *he who pays the piper determines the tune*. Sesiapa yang bayar dapat laporan yang berpihak kepadanya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Ledang, adakah lebih baik selain daripada kita memastikan pakar perunding itu ada kepakarannya, dia pun dibayar oleh kementerian dan bukan oleh pemaju. Pemaju hanya kena bayar *fee* kepada kementerian, dan kementerian pilih pakar dan bayar kepada pakar, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Mungkin pihak kementerian boleh membantu nanti. Saya lebih suka kalau, pada pandangan saya begini, lebih baik kalau sesuatu laporan itu boleh diakses oleh orang ramai. Ini sebab kita pun ramai pakar, cuma pakar tidak berdaftar, Arau tidak *business* dengan kepakarannya. Kalau sesuatu laporan itu boleh diakses oleh orang ramai, makna Jabatan Alam Sekitar memasukkan sesuatu laporan itu dalam satu sistem yang mudah orang akses, yang mudah orang baca supaya orang boleh membuat satu penilaian supaya sesuatu laporan itu palsu ataupun tidak tepat seperti laporan yang berkaitan dengan EIA misalnya.

Saya setuju kalau tindakan keras diambil kepada mana-mana syarikat perunding alam sekitar yang tidak bertanggungjawab. Mungkin ada peringkat-peringkatnya sehingga mereka sepatutnya disenaraihitamkan. Akan tetapi setakat yang disebut tadi, tidak ada satu badan yang kita boleh beri kepercayaan umpamanya majlis dan sebagainya. Kita ada Majlis Perubatan Malaysia, kita ada Lembaga Jurutera, Lembaga Arkitek dan sebagainya tetapi dalam kes ini mungkin kita masih longgar. Sila Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang. Saya juga kira pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput itu harus dijawab dengan baik oleh kerajaan kerana saya rasa di situ ada fakta juga. Saya ingin bagi pandangan sedikit Yang Berhormat Ledang, selain daripada konsultan-konsultan swasta ini yang mungkin yang saya difahamkan juga yang mesti *diregister* dengan *Department of Environment*

(DOE), kenapa kita tidak menggunakan khidmat universiti kerana ada fakulti-fakulti di universiti ini yang ada kaitan pengajian tentang alam sekitar dan kalau kajian mereka ini mungkin lebih tidak akan memihak kepada mana-mana pihak. Mungkin oleh kerana mereka ini adalah daripada kalangan *academician*, mungkin mereka tidak akan memihak kepada kerajaan ataupun memihak kepada pemaju.

Saya katakan begini dalam satu insiden di kota Belud, saya gunakan khidmat profesor-profesor dekan - ada satu dekan, saya sudah lupa nama tetapi laporan itu dibuat oleh pensyarah-pensyarah tersebut yang memang *qualified* dan mereka memberikan saya satu gambaran yang jelas dan lebih tepat mengenai isu-isu alam sekitar di kawasan saya. Jadi ini mungkin satu pertimbangan yang boleh dibuat oleh pihak kerajaan menerima pakai laporan yang dibuat oleh pihak universiti yang ada kaitan dengan alam sekitar ini. Pandangan Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya setuju sangat. Kalau kita lihat sekarang banyak universiti sudah ada banyak *department*, jabatan, sekolah ataupun *institute* perunding dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya, UTM ada perunding kejuruteraan dan tidak mustahil kalau - ada sesetengah universiti yang sudah ada pun perunding alam sekitar. Akan tetapi bidang tugas yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi saya elok wajar juga dipertimbangkan supaya diperluaskan di mana pihak universiti ada peranan yang lebih bebas dalam usaha untuk menilai sesuatu alam sekitar dan kesannya kepada orang ramai.

Saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sesuatu laporan itu boleh diakses oleh orang ramai - Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, orang ramai hanya boleh menyemak di Jabatan Alam Sekitar ataupun di tempat yang dikhususkannya. Yang mana sama ada Jabatan Alam Sekitar ataupun Jabatan Alam Sekitar akan menentukan tempat-empat yang tertentu. Pada pandangan saya sewajarnya tempat ini diperluaskan lagi. Bermakna perkara ini menyebabkan penglibatan awam amat terhad dan lebih malang lagi apabila sesetengah fakta telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak atas kepentingan tertentu. Ertinya yang penting orang ramai boleh akses sesuatu laporan dan kerana dengan izin Tuan Yang di-Pertua EIA *public participation is necessary for minimizing or avoiding public controversy, confrontation and delay and can make a positive contribution to the EIA process. It also safe guards againts bad or politically motivated liaison*. Ini satu perkara Tuan Yang di-Pertua sebab itu saya menjurus kepada biarlah kita hendak menjaga alam sekitar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar tadi semuanya ada kepentingan. Jadi lebih baik sesuatu laporan alam sekitar itu dibuka kepada orang ramai dengan lebih mudah melalui akses internet dan sebagainya supaya ada banyak maklum balas boleh kita terima daripada orang ramai.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya sebenarnya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Sungai Siput tadi kerana kita lihat ini sebagai satu masalah sejagat.

■1800

Kalau perkara ini berlaku di negara-negara maju misalnya, dia ada NGO yang mempunyai kemampuan kewangan untuk mereka melaksanakan kajian-kajian bagi menolong pihak kerajaan dalam menangani masalah ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akan tetapi apa yang berlaku dalam konteks negara kita Malaysia ini, kita melihat laporan ini yang sepatutnya mengambil masa yang begitu panjang kerana kesan yang akan dialami ataupun dihadapi untuk sesuatu projek ataupun sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan mengambil masa yang panjang sebelum terjadi sesuatu perkara, contohnya melibatkan soal *reclamation* dan lain-lain, tetapi kita lihat apa yang berlaku dalam konsultasi EIA yang ada di negara kita ini, laporan-laporan yang dibuat adalah begitu singkat seolah-olah ia didasarkan kepada jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh pihak syarikat.

Kita pun setuju dengan pindaan akta ini kerana di dalam beberapa perkara kita lihat keseriusan kerajaan untuk melihat kalau syarikat-syarikat yang terlibat, pengarah syarikat boleh dipenjarakan menerusi akta ini dengan denda yang cukup besar. Bukan setakat denda malah kedua-duanya sekali. Ini menunjukkan bahawa kita menyedari bahawa ini adalah satu warisan bagi generasi kita yang telah diamanahkan seperti mana yang Yang Berhormat Parit Buntar katakan tadi iaitu diamanahkan satu tugas dan tanggungjawab memulihara keadaan alam sekitar yang sebenarnya mempunyai hubungan kait yang banyak tentang kitaran hidup kita sebagai manusia. Pandangan Yang Berhormat Ledang berhubung perkara ini.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sedikit, Yang Berhormat Ledang. *Taking queue* daripada apa yang Yang Berhormat Arau sebut. Kita mendengar di samping EIA, akan ada lagi satu analisis, *Social Impact Analysis* (SIA) pun akan bersama-sama yang menelan belanja yang agak besar yang mendorong kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan dengan sesuatu kemajuan itu mencari jalan pintas.

Yang Berhormat Ledang, hari ini kalau kita tengok kualiti alam kita pun agak terjejas disebabkan jerebu, di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan sebagainya, hasil daripada manusia bertindak tanpa memikirkan akibat. Tuan Yang di-Pertua, membuat kerja, bertindak tanpa memikirkan akibat. Itu sebab hari ini kita berusaha macam-macam untuk memperbaiki kualiti alam kita yang dalam dua dekad yang lalu kita telah melihat ada satu siri, siri *International Standardization for Organization* (ISO) yang berkaitan rapat dengan alam

sekitar yang 4000 siri, yang saya kira, saya perhati secara teliti, tiap-tiap kriteria di dalam siri ISO ini sebenarnya menceritakan apa yang kita perbahaskan pada hari ini.

So, apa kata Yang Berhormat kalau seperti saranan Yang Berhormat dari Parit Buntar tadi yang mengatakan ia bukan hanya peranan dan tanggungjawab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ia adalah *collective responsibility* kepada semua kementerian yang di dalam biro ataupun badan-badan kementerian itu mempunyai unit-unit yang menekankan aspek-aspek, cara kehidupan, budaya. *It is about the ways of getting the work done around here.* Cara kita melaksanakan kerja, budaya, yang menjadi salah satu daripada cita-cita kita semua apabila setiap orang bekerja membuat tindakan, memikirkan akibat seperti kebimbangan Yang Berhormat Arau tadi, dunia ini akan menjadi warisan ataupun tidak pada suatu hari nanti. Apa kata Yang Berhormat tentang saranan ini? Terima kasih Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Arau. Saya setuju sangat kerana ia menyentuh tentang kepentingan sejagat dan seboleh-bolehnya saya setuju sangat supaya semua pihak, bukan sahaja terlibat malahan ada peranan khususnya kalau boleh saya tambah, dari segi penguatkuasaan.

Mungkin salah satu cadangan yang boleh kita buat, Yang Berhormat Tangga Batu dan juga Yang Berhormat Arau, ialah dengan memberi kuasa seluas-luasnya kepada pegawai penguat kuasa untuk mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat. Walaupun sesuatu syarikat itu diarahkan oleh kerajaan negeri, diarahkan oleh kerajaan tempatan untuk membina sesuatu projek atau menebang pokok, hutan dan sebagainya, tetapi Jabatan Alam Sekitar, pegawai penguat kuasanya diberikan satu peranan dan diiktiraf peranannya, tidak dianiaya misalnya, supaya mereka boleh mengambil tindakan menyaman syarikat yang dilantik oleh syarikat pemaju ataupun syarikat pembalakan atau apa-apa syarikat yang dilantik oleh mana-mana pihak dalam sesuatu pembangunan dan mungkin juga termasuk pembalakan dan sebagainya, selain daripada yang saya sebutkan tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Tangga Batu, melibatkan semua pihak.

Kalau kita tengok hari ini, isu alam sekitar telah pun digunakan bagi kepentingan politik. Bagi tujuan ini, adalah wajar isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar diberi pendedahan awal. Saya balik kepada asal tadi. Diberikan pendedahan awal kepada penduduk yang terlibat dengan kawasan projek yang dijalankan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap, sekejap. Sikit lagi. Saya juga meminta supaya semua pihak menerima sesuatu fakta. Misalnya apabila sesuatu laporan awam dibentangkan, orang ramai termasuklah ahli politik memberi maklum balas, kemudian mereka tidak setuju dengan sesuatu hujah balas atau jawapan daripada misalnya Jabatan Alam Sekitar, perunding dan sebagainya, contohnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan teknikal,

orang ramai yang mengadu termasuk orang-orang politik juga mesti menerima dengan hati yang terbuka. Mereka tidak boleh taksud dengan satu-satu pendapat sahaja. Mungkin dalam *mindset* mereka telah ditentukan bahawa "*Saya tidak bersetuju*". Tidak boleh.

Kalau fakta itu mengatakan bahawa misalnya – ini misal, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya bahawa ini tidak ada radioaktif, ini mengandungi paras radioaktif yang sangat rendah iaitu 0.002 *millisivert* dan sebagainya, kita kena terima hakikat itu. Tidak boleh kita taksud dengan sesuatu pendapat sebab akhirnya kita mestilah saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Tidak ada rasa syak wasangka dan sebagainya kerana yang penting kita faham tentang isu alam sekitar dan lebih baik kalau kita peka daripada awal dan kita tidak mudah terpedaya dengan sesuatu hujah. Kadang-kadang orang tertentu mengambil isu alam sekitar hanya kerana hendak membatalkan atau mengekalkan sesuatu projek. Sila.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Ledang. Saya ingin berbalik semula tadi kepada pelantikan konsultan yang mana tadi kita membincangkan sememangnya kita – sesuatu projek ataupun mereka yang hendak menjalankan sesuatu projek itu kena membayar dan melantik konsultan ini.

Akan tetapi kalau kita melihat kepada pindaan seksyen di dalam ini, seksyen 34A dalam muka surat lima itu, nampaknya memang telah diterangkan dengan jelas. Kalau saya tengok itu, dalam (2) itu, "*Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekitar dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan*". Kemudian dibuat dekat bawah itu diterangkan ada insurans yang kena *cover* dan sebagainya.

Maknanya dari segi walaupun kita melantik konsultan tadi daripada, mungkin pihak yang melantik itu kena bayar, tetapi konsultan yang dilantik itu mestilah konsultan yang orang kata betul-betul ada profesionalnya, bukan melantik di tepi jalan atau sebagainya.

■1810

Sebab kalau yang dilantik itu mestilah dipilih oleh jabatan atau pun oleh Jabatan Alam Sekitar atau pun diberi. Kalau tidak ada dipilih maka semua orang boleh membuat penilaian dan sebagainya. Akan tetapi maknanya pelantikan ini melalui Jabatan Alam Sekitar yang mungkin ada senarai yang boleh dipilih oleh mereka yang hendak menjalankan aktiviti yang mungkin melibatkan alam sekitar.

Saya fikir kalau dibayar pun tetapi masih lagi dikawal oleh Jabatan Alam Sekitar. Jadi, kita rasa kita tidak ada masalah dari segi untuk kita kata untuk meragui dan sebagainya. Ini kerana walaupun dibayar tetapi dipantau atau pun dinilai semula oleh jabatan sebab jabatan ini dia mesti ada profesionalisme dia sendiri. Kalau tidak ada profesionalisme, saya fikir tidak layak untuk dia menjadi konsultan.

Jadi, saya fikir kalau dibayar dan sebagainya ada atur cara-aturnya. Kalau dia salah lantik ada yang dia kena *cover* dan sebagainya seperti mana dalam pindaan 34A ini. Saya minta pendapat daripada Yang Berhormat Ledang. Terima kasih.

Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal [Labuan]: Yang Berhormat Ledang, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Ledang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju betul dengan apa yang dikatakan oleh saudara kita tadi di mana pelantikan konsultan itu harus yang betul-betul mempunyai profesionalisme.

Seperti mana yang kita lihat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud dan juga Yang Berhormat Sungai Siput harus kita perhatikan kerana mereka ini orang-orang yang profesional contohnya di universiti-universiti dan sebagainya. Kebiasaannya seperti mana yang kita faham bahawa konsultan yang dilantik adalah mereka yang terdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Ini harus kerana kalau kita lihat siapa lagi yang lebih hebat atau siapa yang lebih arif tentang hal alam sekitar selain daripada Jabatan Alam Sekitar. Kalau tidak, kenapa dia harus wujud benda-benda yang sedemikian. Jadi, kita harapkan mereka, konsultan yang dilantik ini harus betul-betul arif dan juga terdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar atau DOE.

Jadi, apa yang malangnya kadang-kadang apa yang berlaku adalah keputusan-keputusan pengarah di kawasan-kawasan atau di negeri-negeri contohnya macam di kawasan saya di Labuan sebagaimana yang tertakluk di dalam Rang Undang-undang Kualiti ini kita berdasarkan kepada rang undang-undang. Akan tetapi apa yang berlaku di Labuan tidak selaras dgn apa yang berlaku berdasarkan kepada rang undang-undang yang ada iaitu contohnya baru-baru ini kita ada mendapat laporan bahawa untuk membuat reklamasi atau pun penambahan walaupun cuma dua ikat tetapi memerlukan EIA atau *detail* EIA di mana EIA ini...

Sebenarnya dia ada tiga kategori EIA iaitu PAEIA, EIA dan *detail* EIA. Sedangkan di negeri-negeri lain atau di kawasan-kawasan lain di Malaysia ini selaras dia punya keadaan. Akan tetapi di Labuan atas arahan orang-orang tertentu yang melibatkan kuasa-kuasa tertentu di mana pengarah itu sendiri tidak dapat membuat keputusan untuk menentukan sama ada ia PAEIA ataupun *detail* EIA ataupun EIA sendiri. Jadi, apa yang berlaku di Labuan semuanya *detail* EIA atau pun baik kecil ataupun besar semuanya dikategorikan yang lebih tinggi.

Jadi, ini kadang-kadang membebankan kepada pemaju sehinggalah mereka membuat *detail* EIA atau EIA untuk membuat projek yang begitu kecil. Jadi, saya harapkan kementerian dapat menyelaraskan seluruh negara agar rang undang-undang ini dapat dipakai bukan sahaja di negeri-negeri di Semenanjung tetapi secara keseluruhan di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Labuan. Saya setuju sangat dengan ulasan, hujah mereka. Jadi, saya hendak sambung pertanyaan itu kepada Yang Berhormat Menteri. Dua perkara, pertama bagaimana, apakah jaminan yang paling mantap ataupun kaedah paling mantap untuk memastikan bahawa perunding-

perunding alam sekitar ini benar-benar bertanggungjawab. Paling mudah perkataannya, benar-benar bertanggungjawab. Tidak hanya kerana hendak *business* dan sebagainya.

Kalau saya hendak bandingkan Tuan Yang di-Pertua misalnya seorang jurutera struktur, kalau bangunan roboh sudah tentulah pendaftarannya akan digantung dan sebagainya. Boleh dikenakan tindakan-tindakan lain. Maknanya kesan daripada bangunan roboh, hukuman kepada jurutera yang mereka bentuk dan menandatangani sesuatu reka bentuk. Akan tetapi dalam kes alam sekitar ini apa jaminannya? Apa kaedah jaminan bahawa laporan yang disediakan itu sebenarnya benar-benar menjamin mutu alam sekitar? Tidak berlaku tanah runtuh, tidak berlaku air berlumpur dan sebagainya, tidak berlaku banjir dengan sebab kecuaiannya laporan alam sekitar. Adakah ada satu pendekatan misalnya kalau berlak banjir lumpur, jabatan perlu cari siapa, perunding mana yang mengesyorkan sesuatu laporan. Mungkin ada kaitannya dan sebagainya. Mungkin saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Jadi, menyambung tadi Tuan Yang di-Pertua

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada lagi? Sila dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Ledang. Satu lagi perkara yang cukup penting iaitu berhubung dengan soal kita hendak mengkoordinasi undang-undang yang ada di negara kita. Ini kerana ada di antara perkara-perkara seperti tanah, hutan dan sebagainya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan setengah nya pula di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Jadi, ini berlaku menyebabkan susah untuk kita hendak selaraskan, terutamanya pihak kementerian hendak selaraskan dari segi aktiviti dan juga soal penguatkuasaan yang perlu diambil kerana kalau Kerajaan Pusat kata tidak boleh, kerajaan negeri kata boleh, perkara itu tetap dilaksanakan seperti di *upstream* di peringkat hulu dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Contohnya beberapa aktiviti yang boleh menyebabkan merupakan punca air yang berlaku yang menyebabkan sungai kita menjadi kotor walaupun pelbagai kempen kita telah laksanakan seperti Kempen Cintai Sungai Kita. Sebab kita cinta sungai kita, kita buang sampah. Sebab kita cinta sungai kita, di situlah jadi *septic tank*, tempat pembuangan najis dan sebagainya.

Benda-benda ini dari segi tahap kesedarannya masih berada dalam peringkat yang masih lagi cukup tidak memuaskan. Apa kata kalau generasi ini begitu sukar untuk dididik, kita cadangkan supaya di peringkat pra-olahan, di peringkat tadika lagi diwujudkan satu mata pelajaran atau pun modul yang membolehkan anak-anak kita ini dididik supaya mereka menjadi pewaris sebenar untuk memulihara keadaan alam sekitar yang sebenarnya cukup bermakna pada diri mereka di masa akan datang. Kita tidak mahu ada kesusahan pada mereka tetapi yang meletakkan dan menentukan dasar ialah kita.

Akan tetapi dasar ini biarlah dasar yang benar-benar, betul-betul ikhlas dan betul-betul dapat kita laksanakan demi kepentingan sejagat seperti mana yang saya katakan di awal tadi. Pandangan sahabat saya daripada Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Setuju benarlah, setuju benar itu dengan ulasan ataupun hujahan daripada Yang Berhormat Arau sebab kalau kita tengok sekarang ini seolah-olah satu pihak sahaja yang menjaga alam sekitar, tetapi banyak pihak memusnahkan alam sekitar. Maknanya ini tanggungjawab bersama daripada peringkat awal hinggalah peringkat akhir. Kalau boleh saya hendak cadangkan supaya kesedaran alam sekitar ini ditanam lagi di peringkat sekolah bukan setakat pengurusan sampah, malah dalam semua aspek. Sistem perparitan mesti sentiasa bersih, tidak berlaku sampah sarap, sayang kepada pokok, sayang kepada rumput dan sebagainya. Maknanya ada kesedaran. Sayang kepada udara yang bersih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kalau saya hendak sambung yang tadi, hujah-hujah saya tadi ialah tentang penglibatan semua pihak ini, saya hendak mengesyorkan supaya kaedah *online* atau pun kaedah *internet* digunakan dengan menyeluruh dalam mendapatkan pandangan awam terhadap sesuatu laporan EIA.

■1820

Dan ini pada saya sudah tentu sangat penting supaya semua pihak dapat mengambil bahagian khususnya bagi mereka-mereka yang terlibat dengan projek-projek besar di sesuatu kawasan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang sedikit kekeliruan iaitu tentang jumlah denda. Kalau dalam versi bahasa Malaysia disebut "*tidak lebih daripada RM500,000*". Ini dalam akta asal, akta yang adalah tetapi dalam versi bahasa Inggeris disebut "*to a fine exceeding RM500,000*". Jadi, mana satu yang boleh kita pakai?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya kementerian ini, khususnya Jabatan Alam Sekitar memberikan pengiktirafan ataupun anugerah malahan perlindungan kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar termasuk jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Hutan yang banyak berjasa dan bersungguh-sungguh untuk memelihara alam sekitar. Saya juga menyeru supaya mereka-mereka ini sentiasa diberikan perlindungan semaksimum mungkin dan hargailah usaha mereka terutamanya apabila mereka melakukan sesuatu penguatkuasaan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan [Hulu Selangor]: Minta laluan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap ya. Apabila mereka melakukan sesuatu penguatkuasaan, mereka mestilah bukan sahaja dilindungi malahan diberi galakan dan mereka tidak sampai misalnya teraniaya. Misalnya, ada beberapa kes saya dengar kerana mengambil tindakan ke atas sesuatu projek atau kilang, maka pegawai tersebut terpaksa dipindahkan ke tempat lain. Jadi, apa pun hujahnya atau alasannya, mestilah telus kerana sekiranya tidak ditangani, ia boleh menjatuhkan semangat pegawai-pegawai berkenaan. Sila. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh atas aspek di mana pegawai-pegawai yang mengambil tindakan. Saya haraplah kementerian memang serius menguatkuasakan akta ini kerana dengan tidak mengambil tindakan hanya terhadap pesalah-pesalah kecil, sebaliknya pesalah-pesalah yang besar itu kita lepaskan. Ada juga kita tak boleh membenarkan ataupun ada pegawai-pegawai yang sangat integritinya terlalu tinggi dan berani mengambil tindakan. Kita harus membantu mereka memastikan tindakan-tindakan diambil dan memberi kuasa kepada mereka. Akan tetapi apabila ada di antara pegawai-pegawai pula apabila mengambil tindakan yang begitu serius, mereka diambil tindakan oleh kementerian tersebut.

Contoh, ditukar jawatan, diturunkan gred dan sebagainya semata-mata kerana mereka membongkar dan kita tidak boleh mengizinkan aktiviti-aktiviti seperti ini. Saya harap dengan adanya akta ini walaupun saya nampak kita telah menggandakan lima kali ganda daripada RM100,000 hingga RM500,000 tetapi saya rasa ini tak memadai juga kerana saya harap kalau boleh, dengan izin, kalau ada *continuous offenders*, kita harus menambah lagi cara-cara lain untuk memastikan mereka tidak akan melakukan benda-benda ini. Dalam masa yang sama, saya ingin menyentuh sedikit satu lagi perkara. Apabila kita mengambil tindakan terhadap mereka yang telah melakukan kesalahan ini, kita harus berhati-hati kerana ada juga di antaranya acara-acara keagamaan yang menggunakan *open burning*, contohnya bagi kaum Hindu, *cremation*, dengan izin. Harap pegawai-pegawai janganlah beria-ia untuk mengambil tindakan sampai melupakan bahawa ada acara-acara keagamaan. Ini juga kita harus memberi kelonggaran. Terima kasih Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Nampak selari dengan pandangan saya tadi tentang pengiktirafan dan perlindungan kepada pegawai-pegawai dan saya setuju benar. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sangatlah rang undang-undang ini dan mudah-mudahan segala pindaan ini akan memberi manfaat dan impak yang paling besar kepada alam sekitar dan benar-benar menjadi satu realiti dan benar-benar ia berfungsi. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

6.25 ptg.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut berbahas dalam rang undang-undang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memberikan beberapa pandangan supaya akta ini lebih mantap dan memberikan kesan yang baik kepada rakyat secara keseluruhannya. Ramai rakan menyentuh berkaitan dengan soal kredibiliti ataupun individu ataupun syarikat yang sepatutnya diberi tanggungjawab untuk mengaudit alam sekitar ini ataupun apakah kriteria-kriteria kepada individu-individu berkenaan. Saya rasa pihak

kementerian sudah barang pasti mempunyai senarai kriteria yang memenuhi syarat seperti mana yang telah dikehendaki.

Saya juga terlatih dalam bidang pertanian dan juga mempunyai sijil EIA. Adakah kelayakan seminimum itu membolehkan orang-orang yang tidak terlatih untuk disenaraikan. Cuma pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah ada kontra antara pihak pemaju yang hendak membangunkan sesuatu projek dengan pihak Jabatan Alam Sekitar yang menentukan EIA. Kadang-kadang berlaku kontradiksi yang begitu ketara sekali. Bagi pihak pemaju, mereka ingin projek itu segera dilaksanakan tetapi pihak Jabatan Alam Sekitar, memerlukan EIA sebelum sesuatu projek itu diluluskan. Jadi berlaku kontradiksi di sini. Apakah *solution* yang sepatutnya diambil?

Kadang-kadang pihak pemaju lewat membuat permohonan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk mendapatkan EIA ataupun walaupun mengambil pihak-pihak perunding, mereka mengambil pihak perunding yang tidak berkualiti, yang tidak memberikan *solution* ataupun penyelesaian kepada kehendak yang diminta oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Oleh sebab itulah, maka berlaku satu kontradiksi yang begitu ketara apabila pihak pemaju kadang-kadang lewat mengemukakan laporan EIA. Apabila pihak pemaju lewat mengemukakan laporan EIA, di sini berlaku campur tangan politik. Kadang-kadang projek itu ada kaitan dengan pihak-pihak atasan dalam pentadbiran Persekutuan ataupun negeri. Saya tidak menafikan wujud perkara ini. Kadang-kadang oleh kerana projek ini memberikan kesan kepada politik seseorang, maka akhirnya diluluskan walaupun tidak mendapat EIA.

Kita ada banyak contoh yang campur tangan politik ini memberikan kesan yang cukup hebat kepada masyarakat kita. Kita pernah mengalami peristiwa Highland Towers yang runtuh sedangkan projek itu diluluskan puluhan tahun yang lalu. Mungkin kesan daripada pembangunan sekitarnya. Di Sarawak sebagai contohnya, disebut sebagai projek Tebing Dataran di Sibu, dikatakan ada campur tangan politik. Jadi, apakah kita begitu mudah membenarkan campur tangan politik di dalam isu-isu alam sekitar ini. Saya juga tersentuh apabila di negeri Kedah disebut projek yang disebut oleh rakan-rakan kita, Yang Berhormat Ledang dan sebagainya, menyentuh mengatakan berlaku pencemaran air, air sungai keruh kerana kesalahan kerajaan negeri.

Bukanlah saya nak membela tetapi kalau betul salah, seharusnya diambil tindakan. Tak kiralah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat atau sebagainya tetapi maklumat yang saya terima ialah projek yang seluas itu tidak memerlukan EIA. Ia hanya sekitar 400 hektar, sedangkan EIA mensyaratkan lebih daripada 500 hektar, Yang Berhormat Padang Besar. Jadi, apabila kita tak buat EIA, akhirnya diambil gambaran media ketika hujan turun, air sungai keruh dan dijadikan isu politik.

■1830

Saya rasa kalau syaratnya memerlukan EIA, kalau Kerajaan Negeri Kedah salah, ya sepatutnya diheret Kerajaan Negeri Kedah, apa yang menyalahi undang-undang alam sekitar.

Akan tetapi oleh kerana gambaran itu dipolitikkan oleh media akhirnya syarat keluasan 400 hektar yang tidak memerlukan EIA telah diberikan gambaran buruk dan sebagainya oleh pihak-pihak tertentu. Kelulusan projek itu...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan. Tumpang tanya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya menghormati pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya tidak menuduh mana-mana cuma saya bimbang begini sebab berlaku juga di mana-mana memang benar keperluan EIA itu adalah 500 ekar atau hektar ke atas tetapi kadang-kadang ada masanya juga sengaja dibuat sesuatu pembangunan ataupun pembalakan. Akan tetapi saya lebih menjurus kepada pembangunan, di bawah 500 ekar bagi mengelakkan daripada laporan EIA. Ini yang berlaku. Jadi, saya berharap tidak sampai ke tahap itulah. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya bersetuju. Tidak ada masalah sedangkan kompartmen sembilan itu sahaja yang diluluskan kita hanya menebang 400 hektar balak dan kita tanam dengan kayu getah balak *immediately*. Pemilik-pemilik ataupun orang yang mendapat manfaat itu kita berikan pampasan dan juga jumlah setiap tahun kita beri kepada pemilik-pemilik Ladang Sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Ledang, projek ini diluluskan zaman kerajaan Barisan Nasional bukan zaman sekarang tetapi kita yang melaksanakan. Akan tetapi oleh kerana adalah unsur-unsur berlaku air keruh dan sebagainya, dipolitikkan. Dibawanya beberapa orang untuk membuat demonstrasi dan sebagainya. Kita tidak kesah. Kalau kita melanggar alam sekitar, ya saya setuju. Tidak kiralah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Selangor atau kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau kita melanggar teruskan laporan dan kita bersedia untuk menerima tetapi biasalah apabila oleh kerana SPRM dan pihak Jabatan Alam Sekitar berada di pihak Persekutuan.

Begitu juga dengan projek SULIH di Daerah Yan yang saya fahamkan mendapat EIA tetapi akhirnya oleh kerana projek ini akan memberikan keuntungan kepada kerajaan negeri, diminta untuk membuat EIA semula dengan beberapa halangan. Akhirnya projek ini terbantut buat sementara waktu. Inilah di antara beberapa perkara yang saya sebut kekangan-kekangan politik dalam kita hendak memajukan projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa kadang-kadang laporan EIA yang tidak lengkap yang dikemukakan oleh pihak pemaju juga memberikan kesan kepada sesuatu pembangunan itu hendak dilaksanakan dengan begitu cepat ataupun dengan kadar yang lebih efisien. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang berlaku halangan-halangan yang begitu drastik daripada pihak alam sekitar sendiri. Kadang-kadang pihak alam sekitar memerlukan laporan yang terlalu terperinci, terlampau banyak kerenah birokrasinya. Akhirnya pihak pemaju tidak dapat menyediakan dan akhirnya menggunakan politik untuk mempercepatkan sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya dapati bahawa pandangan pihak awam juga seharusnya diambil kira. Kadang-kadang pihak awam mempunyai kepentingan peribadi ataupun kepentingan komuniti yang kecil tetapi oleh kerana sesuatu projek pembangunan yang hendak dilaksanakan, pandangan daripada pihak awam itu diketepikan. Saya sudah barang pasti di dalam EIA itu pandangan awam itu mesti diambil kira kerana walaupun sekecil mana, mereka adalah orang yang terlibat secara langsung di dalam proses untuk memastikan persekitaran yang lebih baik untuk mereka.

Selain daripada itu soal kakitangan Jabatan Alam Sekitar yang masih belum mencukupi juga perlu diambil kira oleh pihak kementerian kerana mereka adalah orang yang diberi tanggungjawab untuk menyemak, membuat laporan dan memastikan sesuatu laporan itu boleh sampai kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kadang-kadang oleh kerana kekurangan kakitangan ini menyebabkan laporan itu lambat untuk disiapkan. Jadi, sekiranya pihak kementerian boleh menambahkan bilangan kakitangan khususnya orang-orang yang terlibat mahir di dalam membuat sesuatu laporan EIA, adalah satu cara untuk kita mempercepatkan lagi proses permohonan EIA. Dalam masa yang sama juga kita dapati kerenah daripada pihak-pihak yang terlibat membantu dalam sesuatu laporan. Kadang-kadang kerenah-kerenah ini juga perlu diatasi. Sebagai contohnya Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan. Kadang-kadang kelewatan ataupun kekurangan kakitangan di jabatan-jabatan ini juga akan membantutkan ataupun melewatkan lagi prosedur untuk menyediakan laporan EIA.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pemaju selalunya merungut ataupun selalunya memberikan pandangan-pandangan yang agak negatif kepada Jabatan Alam Sekitar khususnya dalam bab laporan yang terlalu terperinci yang kadang-kadang mereka tidak mampu untuk laksanakan, apatah lagi untuk mengupah perunding-perunding yang bertauliah dengan kadar yuran yang tinggi yang dikenakan. Saya difahamkan yuran ini di Malaysia jauh lebih tinggi daripada Thailand dan jauh lebih tinggi daripada Indonesia. Bolehkah pihak kementerian sebutkan kadar minimum yang dikenakan dan adakah pihak kementerian mempunyai satu garis panduan untuk meletakkan kadar yuran yang dikenakan oleh pihak perunding? Saya rasa kalau kita jelaskan perkara ini kepada pihak pemaju, mereka bersedia untuk memberikan kerjasama ataupun pandangan-pandangan yang kontradiksi.

Sepertimana juga rang undang-undang yang kita mengizinkan pihak peguam daripada luar negara untuk berkhidmat di dalam negara kita, dalam rang undang-undang yang lalu yang kita bahaskan di Dewan Rakyat ini, adakah pihak Jabatan Alam Sekitar, pihak kementerian bersedia untuk membukakan kepada perunding-perunding antarabangsa khususnya daripada negara-negara jiran ataupun daripada negara-negara luar untuk memberikan khidmat perundingan. Adakah mereka ini sekiranya mereka berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar adakah mereka juga boleh memberikan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat khususnya syarikat-syarikat besar di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara yang berkaitan dengan kos yang tinggi yang perlu dibuat oleh pihak pemaju juga memberikan kesan kepada laporan ini. Akhir sekali saya ingin memberikan pandangan bahawa sesuatu projek itu tidaklah boleh dihalang sekiranya laporan EIA yang kadang-kadang ditolak oleh pihak-pihak tertentu dan kita harap EIA ini boleh dijadikan sebagai satu landasan untuk membaik pulih alam sekitar kita. Saya ingin mengukuhkan pandangan daripada Yang Berhormat Parit Buntar tadi bahawa pihak Majlis Fatwa Kebangsaan juga seharusnya menyenaraikan alam sekitar ini disebut sebagai *maqasit syariah*, sebagai tujuan-tujuan syariat supaya negara kita mempunyai satu lagi tujuan syariat iaitu memelihara alam sekitar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja pandangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau.

6.39 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada satu perkara spesifik sahaja dengan jawapan yang diberikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di ucapan penangguhan yang saya membangkitkan untuk membantah pembinaan stesen loji jana kuasa 'kubota' turbin gas 64 megawatt yang berdekatan dengan Taman Millenium, Tawau.

■1840

Kebanyakan projek itu atas EIA yang tidak dilaksanakan dan stesen itu akan dibina hanya 120 meter dari taman perumahan itu.

Menyentuh mengenai isu keperluan penilaian impak alam sekitar EIA bagi melaksanakan projek ini, Jabatan Alam Sekitar telah mengesahkan bahawa kajian EIA adalah tidak perlu untuk projek pemasangan tubin gas ini. Berpandukan kepada Akta 127, Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974, perkara 13 muka surat 159 dan memadai dengan pematuhan kepada syarat-syarat yang telah diterangkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak bahawa perkara ini adakah perlu memudaratkan alam sekitar dan bagaimanakah kementerian menjamin dan bertanggungjawab kepada penduduk di Tawau khususnya di Taman Millenium bahawa stesen janakuasa 'kubota' menggunakan sebanyak 260,000 liter diesel sehari untuk mengoperasi 8 hingga 12 jam dan mungkin menggunakan 500,000 liter sehari dalam tempoh 24 jam dan apa akan berlaku kalau EIA tidak perlu dibuat?

Apakah jaminan diambil oleh kementerian atau oleh jabatan alam sekitar tentang pencemaran *particle matter* sulfur dioksida, natrium dioksida dan karbon monoksida dibenarkan di satu kawasan perumahan Taman Millenium yang hampir 120 meter daripada tapak loji jana kuasa itu walaupun dikatakan beroperasi dalam tiga tahun sahaja dan penduduk Tawau tidak boleh terima rasional EIA tidak diperlukan. Saya minta penjelasan daripada kementerian tentang

keperluan EIA dalam akta ini dan kerana ini adalah sangat penting untuk penduduk Tawau. Dengan izin, *nobody is above the law*. Dengan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

6.43 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian yang telah dapat mengemukakan pindaan rang undang-undang ini iaitu rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini iaitu bertujuan untuk penambahbaikan dalam Undang-undang Alam Sekitar di dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga minta kepada kementerian bukan sahaja sekadar kita meminda ataupun kita membawa rang undang-undang ini dan dibahaskan di Parlimen. Kemudian apabila ia diluluskan, ia akan tinggal macam itu sahaja. Ini kerana kalau keadaan ini berlaku, kita buat macam mana sekalipun, saya percaya tidak akan memberi kesan penambahbaikan kepada kualiti alam sekitar kita di dalam negara kita ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohon kepada kementerian supaya selepas sahaja rang undang-undang ini diluluskan nanti, pindaan-pindaan ini maknanya akan berfungsi bukan hanya disimpan dengan begitu sahaja dengan tidak ada tindakan-tindakan susulan yang dibuat kepada akta-akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada tentang aktiviti-aktiviti kualiti alam sekitar yang berlaku di sekeliling kita ini di mana kita banyak melihat bahawa aktiviti-aktiviti yang mencemarkan alam sekitar ini, kita kadang-kadang kita pandang, kita lihat tetapi tindakan tidak ada dibuat. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, saya lihat bahawa aktiviti penambakan kawasan tadahan air dan saya pun sudah bercakap di dalam Dewan ini sudah beberapa kali daripada dahulu tetapi akhirnya diberitahu ini kuasa kerajaan negeri. Maknanya kalau kita buat begini, kita pinda apa pun, maknanya kita tidak ada kuasa dan kita tidak boleh menjalankan tindakan dan akhirnya ia akan tinggal begitu sahaja.

Saya merujuk kepada kawasan yang ditambak ialah di kawasan bandar utama di Bandar Segamat sana di mana kawasan yang ditambak cukup luas iaitu kawasan tadahan air yang kalau pada masa dahulunya apabila hujan lebat, air bertakung dengan banyak, maka kawasan inilah yang menampung. Akan tetapi apabila kawasan ini sudah ditambak dengan begitu banyak, dengan begitu hebat sekali, maka apabila hujan lebat, air tidak boleh bertakung di situ, maka ia akan lari ke kawasan-kawasan perumahan dan menyebabkan banjir besar. Kita pula terpaksa membelanjakan wang dengan banyaknya untuk membesarkan sungai, melebarkan sungai dan sebagainya.

Jadi kalau keadaan ini berlaku, maknanya kalau dalam bahasa, "*wal hasil balik asal*". Saya tak tahu P. Ramlee punya itu. Jadi saya mintalah kalau pindaan ini dibuat, jangan kita kata ini Majlis Daerah pun, kerajaan negeri punya. Kita buat tindakan kita. Oh, tidak ada laporankah, tidak

ada apa. Maksudnya walaupun benda itu telah pun berjalan dan telah diluluskan oleh Majlis Daerah tetapi kita tahu ia melibatkan kualiti alam sekitar, melibatkan kualiti kawasan dalam negara kita, maka kita ambil tindakan. Tidak perlu kalau kita dekat sini ada saya tengok ada pemberi maklumat, tidak perlu ada pemberi maklumat. Di hadapan mata kita kadang-kadang berlaku perkara ini tetapi kita tidak ambil tindakan. Kalau hendak beri maklumat, tidak tahulah, kalau mesti tiap-tiap sesuatu itu ada yang mengambil maklumat baru kita ambil tindakan. Kadang-kadang di hadapan mata kita cakap, di dalam Dewan ini pun tidak ada ambil tindakan. Ini sangat menyedihkan kerana kalau kita tidak bertindak daripada sekarang Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau mengikut kepada akta kita ini, 500 ekar baru kena buat laporan alam sekitar. Mereka buat 20 ekar, 30 ekar tetapi akhirnya akan jadi 1,000 ekar. Tidak perlu dia buat laporan EIA. Ini kerana dia buat sedikit, sedikit dan diluluskan. Buat 20 ekar, lulus. Esok sambung lagi 20 ekar.

Itu sebab dalam kawasan-kawasan majlis, kita tengok satu kawasan yang kecil macam-macam nama taman ada, ada 20 taman. Kita tengok ada 20 taman. Saya pun pening kadang-kadang masuk taman ini. Taman satu kawasan 30 ekar, ada 30 taman. Kemudian nama taman itu macam-macam. Tujuannya ialah inilah tadi hendak tadi hendak buat saiz 10 ekar, 5 ekar, 20 ekar, maksudnya selepas itu kita lulus. Buat 20 ekar, kita lulus. Buat 30 ekar, kita lulus. Jadi, saya mintalah supaya kita lihat balik tentang ini supaya kawasan-kawasan tadahan air, kawasan-kawasan yang begitu sensitif dengan kualiti alam sekitar di mana bukan sahaja kita membunuh dari segi ekosistem di kawasan tersebut tetapi juga mungkin melibatkan kematian dan kemusnahan kepada manusia dan penduduk di kawasan itu. Jadi saya minta perkara ini dilihat balik dan bukan setakat esok kita hendak pinda lagi kerana tidak cukup ini selepas itu pinda lagi, akhirnya tidak ada apa-apa yang dapat.

■1850

Begitu juga dengan kawasan sungai dan kawasan parit pun dibenarkan ditambak. Kalau sudah kawasan sungai, kawasan laluan air dibenarkan ditambak, di mana air hendak lalu lagi? Air hendak lalu dekat mana? Akhirnya ia masuk ke kawasan perumahan dan kawasan kampung dan sebagainya. Ini walaupun saya kata majlis daerah sudah lulus tetapi sepatutnya kita ada satu kuasa untuk menghalang supaya ianya tidak berlaku dan ianya tidak dimajukan kawasan-kawasan tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Jadi seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan kementerian juga saya lihat, apabila kita membuat pembersihan sungai, apabila hendak bersih sungai di bawah Jabatan Parit dan Saliran, bukan sungai itu sahaja yang dibersihkan Tuan Yang di-Pertua, kiri kanan sungai itu pun habis dibersihkannya. Satu kilometer ke atas dibersihkan kerana tujuannya ialah untuk mengambil kayu yang ada di situ, sebelah kiri satu kilometer, sebelah kanan satu kilometer, panjang 20 kilometer atau 50 kilometer, berapa banyak kayu itu sebab kita tidak boleh memusnahkan kayu-kayu yang di tepi sungai ini, kayu-kayan, hidupan-hidupan di tepi sungai ini kerana ianya adalah berkaitan dengan eko sistem yang ada di sungai itu sendiri dan kalau kita

sudah musnahkan kayu-kayan yang ada di situ, yang kita sendiri buat, jabatan sendiri buat, kementerian sendiri buat, maka tidak ada gunanya kita buat pindaan apa pun tidak ada gunanya.

Jadi kalau kita hendak membetulkan sungai, kita betulkan sungai, betulkan alurnya dengan betul-betul. Bukan di kiri dan kanan tebing sungai kerana kalau di kiri kanan tebing sungai itu, biar dia hidup, biar hutan tidak mengapa kerana itulah eko sistem yang ada di sungai tersebut. Kalau ini dimusnahkan maka hidupan-hidupan yang ada di situ dan mungkin juga akibat daripada pemusnahan ini banjir kilat ataupun banjir besar akan berlaku pada bila-bila masa sahaja.

Sudahlah kawasan-kawasan itu kita telah banyak musnahkan dan kita buat kawasan perumahan yang mana air pun tidak masuk lagi dalam tanah, kita buat simen, kita tar dan sebagainya, air tidak boleh meresap masuk ke dalam tanah dan akhirnya menyebabkan banjir dan yang ada di tepi sungai ini pun kita sudah musnahkan dan tidak ada resapan air yang masuk ke dalam ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak berniat untuk bercakap panjang kerana kalau kita bercakap tentang alam sekitar ini Tuan Yang di-Pertua, kita banyak perkara yang perlu dibangkitkan dan saya minta sekali lagi supaya apabila akta ini dibuat, makna kita ada kuasa. Bukan kita kena tunggu ada *report* baru kita hendak bertindak. Ada yang itu, kena bertindak. Kalau tengah berjalan pun, kita boleh tahan. Kalau tidak, tidak guna kita pinda. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri.

6.53 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang. Saya ingin menyentuh isu yang berhubung dengan penilaian kesan kepada alam sekeliling. Baru-baru ini Projek Rapid yang berada di Pengerang telah menimbulkan ketidakpuasan hati dari penduduk-penduduk tempatan. Semasa saya melawat kawasan tersebut, difahamkan bahawa DEIA berkenaan dengan projek tersebut langsung tidak diketahui dengan teliti oleh penduduk-penduduk Pengerang.

Sejak projek ini dilaksanakan, apa yang mereka faham ialah satu terminal minyak akan dibina di Telok Sungai Kapas dan mereka tidak dimaklumkan bahawa terminal minyak ini cuma sebahagian daripada projek keseluruhan sehingga awal tahun ini apabila pihak berkuasa mengadakan satu pameran projek di Sungai Lengit. Menurut siasatan yang saya jalankan bahawa tiada satu dialog secara rasmi diadakan di antara penduduk-penduduk tempatan dengan kementerian bahkan dari peringkat negeri atau Persekutuan.

Saya minta Menteri senaraikan bilangan tarikh dan di mana tempatnya dialog yang dianjurkan di antara penduduk-penduduk tempatan dan pihak kementerian yang berkaitan dengan pembinaan Pengerang Independent Deepwater Petroleum Terminal atau dikenali sebagai PLDPT.

Selain itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah prosedur-prosedur yang berkaitan dengan pemasaran DEIA secara teliti. Adakah iklan-iklan yang berkaitan dengan pameran DEIA ini hanya dipamerkan di surat khabar bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sahaja dan bukan bahasa Cina dan bahasa Tamil. Sila jelaskan adakah polisi ini merupakan satu pelanggaran demi semangat dan slogan 1Malaysia?

Di samping itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan adakah munasabah untuk laporan DEIA yang dikarang oleh pakar-pakar alam sekitar dipamerkan di perpustakaan desa dan berharap penduduk-penduduk kampung faham kandungannya dan memberikan maklum balas kepada pihak kementerian? Adakah menteri rasa itu satu kewajipan untuk pegawai-pegawai yang pakar dalam laporan DEIA berada di tempat pameran DEIA ini supaya mereka boleh memberi penjelasan dengan ayat yang boleh difahami oleh orang umum terutamanya orang kampung?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan mengapa tiada pegawai-pegawai dari kementerian untuk memberikan penjelasan untuk DEIA di IPD Kontinjen Johor, balai Polis Pengerang, Pusat Informasi Setempat Pengerang dan Perpustakaan Desa Kampung Sungai Kapas. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan adakah munasabah untuk orang kampung membaca laporan DEIA yang setebal 4,000 muka surat ini dalam satu bulan dan anggap mereka boleh memberikan maklum balas kepada pihak berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba berikan satu kiraan ringkas mengenai isu ini. Sekiranya jumlah muka surat DEIA ini ialah 4,000 muka surat dan kita dibenarkan baca dan faham kandungannya dalam satu bulan termasuk hari Ahad dan hari Sabtu, iaitu kerajaan berharap orang mampu baca 133 muka surat setiap hari untuk tempoh satu bulan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah logik ini dan adakah kementerian sengaja mengadakan prosedur tersebut supaya penduduk-penduduk kawasan yang terlibat tidak dapat maklumat yang mencukupi? Tuan Yang di-Pertua, saya minta menteri menjelaskan mengapa tidak membenarkan laporan keseluruhan DEIA dimuat turun dari laman web? Apakah halangan dan alasan untuk Yang Berhormat Menteri buat sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali satu soalan yang ditimbulkan oleh penduduk-penduduk Pengerang dan mereka minta saya tanya Yang Berhormat Menteri bahawa mengapa dalam Projek Rapid ini sebenarnya ia satu projek yang amat besar termasuk satu terminal minyak dan *facility* penapisan dan proses petroleum. Mengapa menteri membenarkan DEIA yang berkaitan dengan projek ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu terminal minyak dan *facility* penapis dan proses minyak?

■1900

Macam mana penilaian alam sekitar boleh dijalankan sekiranya ia dipenilaian satu kawasan kecil demi satu kawasan kecil? Terminal minyak dan Projek Rapid sepatutnya dikira sebagai satu projek keseluruhan dan bukan dua projek sebab terminal tidak akan wujud jika fasiliti

penapisan minyak tidak dibina. Saya minta Menteri jelaskan mengenai soalan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Lipis.

7.00 mlm.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* selepas menunggu daripada pukul 3 tadi, selepas hampir empat jam baru dapat berucap dan beberapa kali bangun. Inilah nasib kadang-kadang jadi Ahli Parlimen marhaen ini. Terima kasih. *[Disampuk]* Apa? Bersyukur?

Jadi pada saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sudah tiba masanya pindaan dalam akta asal kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini bagi membolehkan ia terus relevan pada keadaan semasa dan pada masa depan. Jadi kalau kita lihat sebenarnya perkembangan alam sekeliling semakin pesat, begitu juga dengan pembangunannya dan memerlukan penguatkuasaan, pemantauan, kawal selia dan pengurusan yang lebih efisien sejajar dengan kepadatan manusia dan pembangunan.

Saya ingin menyentuh fasal 6 yang bertujuan untuk meminda seksyen 34A Akta 127 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang dia kata untuk membolehkan Ketua Pengarah untuk melantik orang yang layak dan untuk meminta pemunya atau penghuni untuk melantik orang yang layak daripada kalangan orang yang layak yang disenaraikan di bawah subseksyen 33A(3) Akta 127 bagi maksud menjalankan audit alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu berapa ramai sebenarnya kementerian mempunyai orang yang ahli dalam soal alam sekeliling ini dan orang yang layak itu? Berapa ramai pula pakar yang ada di kementerian atau di tempat-tempat lain dalam bidang alam sekeliling ini? Seterusnya apakah kementerian bergantung juga kepada nasihat dan runding cara daripada pihak-pihak lain seperti daripada pihak profesional terutamanya dari universiti, IPTA, dan mungkin juga daripada pihak luar negara dalam menentukan kualiti alam sekeliling ini?

Jadi kalau kita lihat soal alam sekeliling ini, Malaysia amat terdedah dan secara langsung dalam menghadapi keadaan alam sekeliling. Sebagai contohnya, yang jelas sekarang ini kalau kita lihat dan hampir setiap tahu berlaku ialah jerebu. Situasi ini berulang kali berlaku dan sampai sekarang ia masih berlaku dan kita pun tidak tahulah mengapa ia berlaku. Ada yang mengatakan daripada Sumatera, ada yang mengatakan ada pembakaran terbuka hutan, ada yang mengatakan hutan terbakar di Semenanjung dan sebagainya. Jadi apakah kerjasama serantau kalau betul keadaan ini berlaku di Sumatera di antara kerajaan dengan kerajaan agar perkara ini dapat ditangani dengan cepat segera dan selepas ini tidak ada lagi kita kedengaran tentang masalah jerebu ini?

Contoh lain ialah sungai. Apakah tiada kerjasama bersepadu dalam menangani pelbagai aspek di antara agensi, kementerian dan kerajaan negeri mengenai masalah ini? Jadi masalah ini sekarang ialah apa yang melibatkan soal alam sekeliling. Ia adalah masalah lama tetapi tetap berlaku walaupun ada perubahan atau pelaksanaan yang dijalankan. Jadi saya juga mohon pihak Yang Berhormat Menteri memaklumkanlah kepada Dewan yang mulia ini berapa buahkan sungai yang telah mati yang tidak boleh di baik pulih atau dipulihkan kembali yang terdapat di Malaysia ini sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak?

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Sedikit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya cukup tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lipis mengenai mereka-mereka ataupun pegawai-pegawai yang layak di Jabatan Alam Sekitar untuk memantau dan untuk menjalankan tugas mengenai masalah alam sekitar ini. Apa yang kita lihat pada hari ini seolah-olah pegawai ataupun pengarah-pengarah yang ada cuma *rely* ataupun berpandukan kepada konsultan yang ada di Malaysia ini. Jadi seolah-olah apa jua masalah kita serahkan kepada konsultan sedangkan kita sendiri atau pegawai sendiri seolah-olah tidak mempunyai inisiatif yang cukup mantap untuk memantau masalah-masalah alam sekitar atau alam sekeliling.

Jadi pertanyaan saya adalah, apakah, berapakah konsultan yang terdaftar di Malaysia ini yang layak untuk kita lihat untuk jadikan garis panduan untuk menangani masalah alam sekitar? Apakah kriteria-kriteria untuk kita melantik konsultan supaya konsultan yang kita lantik ini betul-betul mempunyai pengalaman, mempunyai pengetahuan dalam alam sekitar atau alam sekeliling? Jadi sekurang-kurangnya kita mempunyai taraf, sistem yang kita guna pakai adalah mempunyai taraf antarabangsa. Di mana sahaja kita melaksanakan program ataupun menyelesaikan alam sekitar ini, kita setaraf dengan negara-negara di luar daripada Malaysia. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat dari Labuan. Saya tidak pasti sama ada, ada atau tidak sungai-sungai di Labuan atau laut-laut di situ yang telah dicemari atau yang telah mati. Rasa saya dari segi konsultan ini pun juga kita kena ambil kira dan saya masukkan ucapan daripada Yang Berhormat Labuan ke dalam ucapan saya supaya Yang Berhormat Menteri boleh juga jawab mengenai perkara ini.

Jadi saya berharaplah pindaan fasal 6 itu akan memastikan mereka yang pakar yang benar-benar pakar dan dilantik oleh kementerian dan benar-benar dapat membantu cara bagaimana untuk menghalang, mengurangkan atau mengawal kesan buruk ke atas alam sekeliling ini. Saya juga berharap pihak kementerian mendapatkan kerjasama dengan pihak universiti agar dapat melatih lebih banyak graduan dalam bidang ini agar mereka dapat membantu pihak kementerian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh fasal 8 iaitu mengenai Jawatankuasa Tabung Alam Sekeliling. Saya hendak tahu setakat manakah program di bawah jawatankuasa ini dan apatah lagi di bawah pindaan ini akan dimasukkan dua orang anggota majlis yang dilantik oleh pihak Menteri? Jadi setakat mana program dilaksanakan oleh jawatankuasa ini dan apakah bentuk dana yang diterima dan digunakan di bawah Tabung Alam Sekeliling ini? Bagaimana pula dengan dana dan bantuan luar negara kepada Tabung Alam Sekeliling ini? Jadi kita mohon penjelasan lanjutlah daripada pihak Menteri.

Saya juga hendak sentuh fasal 17 iaitu seksyen 48AA dan 48AB. Dikata di sini ialah yang dicadangkan untuk memperkatakan akses kepada data berkomputer oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah. Jadi ini mengenai dengan penggunaan data berkomputer. Cuma saya hendak tahu setakat manakah pangkalan data kita mengenai alam sekeliling dengan menggunakan sistem teknologi yang ada sekarang ini? Adakah dia merupakan satu teknologi yang betul-betul canggih dan futuristik ataupun kadangkala kita lihat biasanya perbekalan untuk kerajaan ini biasa tertinggal? Oleh kerana proses birokrasi yang banyak, ada masanya tertinggal. Kita beli benda yang kadang-kadang sudah *outdated* dan sebagainya.

■1910

Jadi setakat mana satelit kita membantu ke arah menghalang, mengurangkan atau mengawal kesan buruk ke atas alam sekeliling. Berapa banyak kita mempunyai satelit bagi alam sekeliling ini dan apakah kementerian akan menambah lagi satelit kita ini memandangkan negara kita yang masih mempunyai keluasan hijau yang masih banyak lagi.

Saya juga hendak menyentuh sedikit soal keunikan dan keindahan ekosistem Taman Wetland Putrajaya yang menjanjikan 1001 keseronokan kepada pengunjung yang menghargai dan mencintai alam sekitar. Jika *wetland* semula jadi berperanan sebagai buah pinggang planet iaitu bagi memastikan kualiti air tasik sentiasa terjamin untuk kegunaan manusia bagi pelbagai kegiatan rekreasi, Taman Wetland Putrajaya juga memainkan peranan dengan menyumbangkan faedah yang sama.

Buat makluman Dewan Rakyat yang mulia ini, *wetland* ini adalah buatan manusia terbesar di Malaysia yang terletak di Presint 13 terdiri daripada taman *wetland* dan kawasan tanah lembap masing-masing seluas 138 hektar dan 197 hektar. Jadi, saya hendak tahu apakah kementerian ada bercadang untuk menambah lagi taman *wetland* seumpama ini. Soal ini penting kerana ia boleh menjadi destinasi yang sesuai bagi seisi keluarga beriadah atau masyarakat beriadah untuk melupakan seketika hiruk-pikuk bandar, kesesakan lalu lintas serta bebanan kerja yang ada biasanya pada mereka.

Begitu juga pengunjung juga berpeluang untuk mempelajari fungsi tanah lembap atau dengan izin *wetland* yang bertindak sebagai penapis mendapan galian dan bahan cemar semula jadi di samping berpeluang melihat lebih dekat habitat utama di situ seperti paya hutan dan

kawasan perairan terbuka seperti kolam dan tasik yang didiami haiwan akuatik dan burung air seperti bangau kecil, pucong keladi, pucong serandau, ruak-ruak dan berbagai-bagai lagi habitat yang ada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu setakat mana penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap lori-lori sampah yang tidak mengikut piawaian. Kalau kita lihat lori-lori sampah kita, *masya-Allah*, agak menyedihkan kerana sistem yang diguna pakai kadang kala mengganggu ketenteraman orang lain dan baunya memang, kalau kita secara sengaja atau tidak sengaja terikut belakang lori sampah yang kita ada ini, memang rasa saya silap-silap kita boleh *accident* kerana terkejut. Walaupun *air-cond* tutup, baunya tetap masuk ke dalam kereta kita kadang kala. Jadi, air sampah di lori tersebut meleleh di atas jalan raya. Ini meninggalkan kesan yang amat kurang menyenangkan seperti yang saya katakan tadi. Begitu juga sampah-sampah yang dikumpul tidak ditutup langsung ada kalanya.

Kalau di Eropah, kalau kita lihat lori sampah pun tidak nampak macam lori sampah. Jadi saya hendak tahu apakah kita tidak mempelajari sistem memungut sampah yang diguna pakai sebagai pengangkutan pengumpulan sisa sampah yang efisien dan bersih. Kadang-kadang saya rasa kita banyak bagi buat penswastan tapi nampaknya ia juga tidak efisien dan sebagainya.

Jadi saya tidak faham mengapa lori sampah juga turut kelihatan pada waktu puncak. Ini membolehkan pengguna jalan raya lain agak terganggu dengan situasi sedemikian dan saya cadangkan supaya penggunaan lori sampah ini diselaraskan pada waktu-waktu yang sesuai sahaja. Jadi saya juga memohon supaya pihak kementerian bertegas dan bekerjasama rapat dengan PBT seluruh negara kerana ia bukan setakat berlaku di bandar-bandar tetapi perlu juga dilaksanakan di kawasan luar bandar iaitu dengan lori sampah dan sebagainya, kadang kala ada sampah yang dibuang merata-rata.

Sebagai contohnya kalau dalam kawasan Daerah Lipis, dalam mesyuarat tindakan daerah selalu dibangkitkan di mana kadang-kadang peniaga dan sebagainya, selepas pasar malam mereka membuang sampah di tempat-tempat yang tidak ditetapkan ataupun di tepi-tepi jalan sahaja. Ini menimbulkan bau busuk dan sebagainya.

Saya juga mohon penjelasan daripada pihak Menteri, sejauh manakah pendidikan mengenai alam sekeliling ini diberi kepada orang ramai atau setakat hanya dibuat untuk melepaskan batuk di tangga sahaja, kadang kala ada berlaku begitu. Sekarang ini pun dari segi saya dah tengok tong sampah, ini PBT yang terasing-terasing ini, ada untuk gelas sahaja, ada untuk sampah sahaja dan plastik. Itu kadang-kadang diletakkan tersorok, tidak diletakkan di hadapan di tempat yang boleh nampak oleh orang ramai. Jadi kesannya ada satu, contohnya di Lipis saya tengok. Asalnya tempat pembuangan sisa sampah tetapi sekarang ini dah jadi macam kedai pula di situ, ubah sebab tidak ada orang buang sampah kerana ia terletak tersorok. Jadi, saya juga minta supaya pihak Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada perkara ini.

Saya juga hendak bangkitkan tentang masalah sungai dan masalah tasik dan sebagainya. Kalau kita lihat dalam negara kita banyak tasik dan sebagainya. Saya ambil contoh yang memang satu *disaster* dengan izin, satu malapetaka di dunia iaitu satu laut tetapi ia sebenarnya adalah tasik iaitu Laut Aral yang terletak di Kazakhstan dan Uzbekistan, antara itu ya. Kalau kita lihat laut ini pada tahun 1960, 68,000 kilometer persegi airnya, itu tahun 1960. Akan tetapi pada tahun 2007, airnya tinggal 10% iaitu 6,800 kilometer persegi. Ini kesan sebenarnya daripada buatan manusia iaitu semasa zaman *Soviet*, mereka mengatakan bahawa mereka hendak menggalakkan pertanian dan sebagainya. Jadi mereka buat empangan dan mengalihkan air sungai itu sepatutnya mengalir ke dalam tasik ini tetapi telah mengalir ke tempat-tempat lain. Jadi ini memberi kesan yang besar kepada penduduk setempat.

Satunya, apabila air itu dah kering, jadi berlaku tiupan debu bila angin. Tiupan debu ini menjadi sangat berbahaya kerana banyak penggunaan racun dan kadang-kadang penggunaan baja dan sebagainya di tempat-tempat itu ditiup. Selain daripada itu, kesannya ialah kepada *Sea Surface Temperature (SST)* dengan izin. Jadi di tempat itu, kawasan tersebut pada masa musim panas, ia lebih panas daripada tempat lain dan pada musim sejuk, ia lebih sejuk. Maknanya berlaku perubahan dari segi suhu dan sebagainya. Kalau kita lihat juga kandungan garam yang terdapat, oleh kerana tempat itu kalau kita lihat, saya melihat dalam gambar sebab saya juga dengan Kazakhstan dan Uzbekistan ini.

Tengok dalam gambar, kadang-kadang kita tengok kapal-kapal yang tersadai dan sebagainya dan kawasan-kawasan *resort* yang satu masa dahulu dan juga kawasan-kawasan nelayan yang mengambil ikan ada lebih kurang 20 spesies ikan di laut ini, akhirnya semuanya sudah tidak ada. Semua dah mati. Kawasan *resort* itu sudah tidak digunakan lagi sebab ia dah jauh daripada kawasan laut, sampai 20 kilometer ke 30 kilometer, yang asalnya memang tepi laut tetapi ia dah menjadi jauh daripada kawasan laut. Kesan juga daripada pengalihan sungai ini menyebabkan banyak juga pengangguran berlaku kerana mereka yang bekerja di *resort-resort* atau pusat-pusat peranginan yang ada, dah orang tidak datang, dah tidak ada kerja. Begitu juga masalah kesihatan kesan daripada berlakunya perubahan cuaca dan sebagainya.

■1920

Jadi kalau kita lihat, perubahan ekologi kesan daripada apa yang dibuat oleh manusia ini Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada tolok bandingnya. Walaupun sekarang ada usaha pemulihan yang dibuat oleh World Bank dan juga mungkin Kerajaan Kazakhstan dan sebagainya, tetapi dia tidak dapat menandingi kesan kerosakan yang telah berlaku kepada laut tersebut dan sehingga kini rasanya untuk dipulihkan adalah amat sukar. Begitu juga dengan kadar garam tadi di tempat tersebut, dia menjadi semakin masin dan menyebabkan tidak ada benda yang boleh tumbuh atau dibuat sebagai tempat tanaman dan sebagainya.

Jadi saya bawa cerita ini kerana saya bimbang perkara ini berlaku juga di negara kita kalau kita tidak memberi perhatian yang betul-betul dalam proses kita mengadakan pembangunan.

Tidak dibuat kajian alam sekeliling atau alam sekitar yang betul-betul kalau semasa kita membuat bangunan kesannya kepada bukan sahaja kepada kesan kepada alam sekitar dari segi ekonomi, kadang-kadang kesan kepada sosial dan juga kadang-kadang kesan kepada politik setempat. Ini kerana bila tempat itu sudah tidak boleh tidak dapat kita hendak mencari makan dan sebagainya akan berlaku penghijrahan ke mana-mana dan ini menyebabkan kadang-kadang keadaan sosioekonomi juga akan - keadaan sosial dan keadaan ekonomi juga akan berubah.

Ini saya bawa contoh, contohnya di kawasan Lipis sendiri. Saya bersyukur kerana Lipis ini banyak galian dan daripada dulu pun saya dimaklumkan bahawa hasil daripada galian itu menyebabkan Lipis telah menjadi ibu negeri Pahang sehingga tahun 1965 dan sekarang masih banyak lagi kesan galian itu. Kita ada beberapa lombong emas dan ada juga antaranya lombong emas yang terbesar di Lipis. Selain daripada lombong emas, terdapat juga lombong-lombong bijih besi dan sebagainya. Jadi malangnya saya tidak ada lombong satu pun...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Di Lipis saya tengok mungkin Yang Berhormat Arau ada, Yang Berhormat Jasin ada. Saya tengok nama-namalah pemunya lombong itu. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Arau tetapi Yang Berhormat Lipis tidak dapat. Okey silakan. Jangan gigit telinga saya cukup.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Biarlah *gentlemen* sikit. Kita hendak tanya soalan serius. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menarik dengar tentang keprihatinan Yang Berhormat Lipis terhadap empangan dan juga sungai. Saya ingin dapat pendapat daripada Yang Berhormat Lipis, apa pandangan Yang Berhormat Lipis tentang projek empangan air yang akan mengalirkan air mentah dari Sungai Semantan ke Hulu Langat untuk Selangor dan ini dari perspektif pembela alam sekitar menanggapi ini adalah akan menjadi satu bencana alam yang disebut tentang Kazakhstan itu. Jangan kita perlu pergi ke Kazakhstan, tetapi Malaysia juga banyak empangan yang telah dibina dan sehingga ada kemungkinan ada ancaman untuk masa depan.

Satu lagi contoh ialah Bakun dan banyak lagi kita dengar di Sarawak sekurang-kurangnya berpuluh-puluh empangan akan dibina. Adakah kita akan mengulangi pengalaman pahit Kazakhstan?

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya sebenarnya ada dua pendapat di sini. Pertama, perkara tersebut kalau dibuat dengan berhati-hati dan dengan betul, saya percaya kerajaan memang sudah mengambil kira kepada semua kesan atak impak kepada alam sekitar itu. Memang dia bagus kerana itu ada tujuan ekonomi. Sebagai contoh, Selangor memang kekurangan air walaupun pihak Kerajaan Selangor sentiasa mempolitikkan tidak memerlukan air daripada Pahang dan kita Pahang mungkin ada lebih air. Jadi kita salurkan ke Selangor kalau Selangor setuju hendak belilah. Hanya cara proses yang

berlaku itu mesti dibuat dengan betul agar dia mendapat ataupun dia memberi *benefit* atau kesan yang baik bukan sahaja kepada alam sekitar, tetapi kepada keadaan ekonomi dan sebagainya.

Jadi di sini kalau kita lihat, memang sudah dibuat kajian dengan betul rasa saya mengenai perkara itu dan kita menghantar air pun ada pakar-pakar yang telah membuat kajian tentang air tersebut. Jadi sebab itu saya bersetuju. Saya bersetuju, mungkin Yang Berhormat Mambong boleh jelaskan lagilah tentang keadaan yang berlaku pengaliran air tetapi hanya masalahnya sekarang ini pihak Selangorlah dia tidak hendak beli air pasal dia kata dia banyak air lombong dan sebagainya. Jadi saya pun tidak tahulah sebab saya bukan kerajaan, saya hanya membaca perkara-perkara itu dalam surat khabar dan sebagainya. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya ambil contoh ini kerana saya sudah tentu saya yakin kerajaan Kazakhstan pun ambil timbang perkara-perkara alam semula jadi, tetapi tekanan ekonomilah yang terpaksa menjadikan mereka salurkan air tidak mengikut apa yang telah dicipta oleh Tuhan iaitu sungai ada arah aliran dia yang ke timur, harus ke timurlah dan yang ke selatan harus ke selatan. Kalau manusia pula yang campur tangan, politik pula campur tangan menjadikan huru-hara. Itulah sebab saya anggap kalau tasik itu diguna dengan betul, tidak akanlah dia menjadi mala petaka untuk Kazakhstan.

Sama seperti di Malaysia ini, kalau kita membawa air melintasi gunung banjaran yang memang diletak di sana oleh Tuhan untuk menjadikan alam sekitar kita begitu tetapi kalau kita *intervene* dengan ada risikonya. Saya memang tidak kata dari teknikal kita boleh mengelakkan atau mengurangkan risiko, tetapi ada risikonya dalam masa jangka panjang.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Dia begini, sebenarnya kalau kita melihat Kazakhstan bukan Kazakhstan sebenar masa Soviet Union kerajaan Kazakhstan telah cuba memulihkan balik keadaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kazakhstan yang Yang Berhormat Lipis sebut ini zaman Soviet Union dahulu?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Masa Soviet Unionlah tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kena berhati-hati Yang Berhormat sebab Kazakhstan sekarang berlainan sedikit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Saya tidak sebutkan Kazakhstan - saya betulkan ini masa zaman Soviet Union yang dibuat itu tetapi mereka sebenarnya memutuskan, dia mengalirkan terus sungai, punca sungai yang mengalir ke dalam laut Aral itu dia putus betul. Dia buat empangan tetapi dia alihkan betul ke tempat lain dan rasa saya ini tentulah tidak mengikut seperti yang fitrah seperti Yang Berhormat Batu sebut tadi.

Akan tetapi berbeza dengan Empangan Raub, kawasan Raub yang hendak dialihkan. Kita buat empangan kita tidak mengalih sungai. Sungai itu tetap berada di situ, air tetap mengalir tetapi kita hanya ambil sebahagian daripada air dalam empangan itu dan kita mengalirkan ke tempat lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat lagi panjang tidak? Ini kerana masa kita itu *2 second, 5 second*.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Hendak habis sudah. Saya hendak berhenti sudah, selepas ini. Hanya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Batu tadi bahawa kajian memang telah dibuat dengan betul dan kita tidak mengubah seperti kata Yang Berhormat Batu tadi kita tidak ubah. Akan tetapi dalam kes di Aral Sea itu memang dia ubah betul, dia putuskan betul. Sungai itu langsung tidak mengalir. Mungkin di atas sebab-sebab tertentu kita tidak tahu dibuat begitu. Akan tetapi di dalam konteks Raub ini, kita buat begitu tetapi hanya yang saya risau tiba-tiba Selangor tidak hendak pula, tidak hendak beli air itu.

Jadi saya berharap pihak kementerian sekali lagi maknanya memberi perhatian betul-betul kepada apa sahaja projek yang hendak dibuat kerana saya dengar di kawasan sebelah saya di kawasan Cameron Highlands, Parlimen Cameron Highlands adalah satu lagi empangan yang agak besar yang hendak dibuat dan saya selalu bercakap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan lain-lain dan kita minta penjelasan daripada pihak tentang kesan alam sekitar dan juga kesan alam sekeliling dari segi politiknya, dari segi sosialnya dan dari segi ekonominya kerana kita melihat tempat tersebut ada penduduk-penduduk terutama di kawasan Orang Asli dan sebagainya.

■1930

Jadi kita berharap sebelum perkara tersebut dibuat kajian mesti dibuat bersungguh-sungguh dan saya percaya pihak kerajaan sentiasa prihatin dan memberi perhatian dan membuat bersungguh-sungguh perkara itu. Dengan kata-kata itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang beri peluang kepada saya akhirnya dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya hendak pujilah Yang Berhormat Lipis tunggu lebih kurang empat jam sampai sekarang menunjukkan keprihatinan sebagai Ahli Parlimen. Tahniah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu saya sebut dalam rekod sahajalah sebab masa kita sudah habis dan selepas bila rang undang-undang ini dibangkit semula nanti Yang Berhormat bahaslah sebagai yang pertama. Terima kasih Yang Berhormat.

Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penangguhan saya buat pengumuman dahulu ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling Pindaan 2012 akan disambung semula selepas selesai dibahas dan diputuskan Usul Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advance Material Plant (LAMP) dan akan diikuti dengan rang undang-undang yang lain seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, sila usul.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Berhubung PATI di Sabah

7.32 mlm.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan berhubung RCI atau Suruhanjaya Siasatan Diraja Terhadap PATI (pendatang asing tanpa izin) di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga bulan sejak Kabinet meluluskan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung pendatang asing tanpa izin di Sabah meningkatkan populasi Sabah secara mendadak yang tidak dapat dijelaskan daripada 651,304 pada tahun 1970 kepada 3.12 juta pada tahun 2010 dengan populasi asing seramai 899,799. Projek IC, orang asing menjadi pengundi, generasi muda, generasi baru, bumiputera dengan MyKad dan kesemua ini merupakan pengetahuan umum di kalangan rakyat Malaysia di Sabah. Masalah pendatang tanpa izin adalah punca semua ancaman di Sabah. Dengan adanya dua orang Menteri Kerajaan Persekutuan dari Sabah kelulusan Kabinet untuk menubuhkan RCI berhubung pendatang tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012 sudah tertunggak lama untuk menggali ke dalam masalah itu dan untuk mengatasi ancaman-ancamannya terutama sekali jika masalah itu mungkin menjadi di luar kawalan selepas Program 5P dan 6P. Namun lebih baik lewat jangan tidak pernah langsung.

Rakyat Sabah yang telah tunggu menunggu secara bersabar untuk menubuhkan RCI selepas banyak publisiti oleh Yang Berhormat Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan Yang Berhormat Tan Sri Pairin Kitingan kini kecewa dengan kesenyapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas dua lawatan ke Sabah sebelum ini. Kedua-dua pemimpin Barisan Nasional

khasnya akur dan PBS telah dilaporkan sudah mengemukakan terma-terma rujukan atau *term of reference* untuk RCI tersebut. Rakyat Sabah sudah hilang kesabarannya dan kini sedang mempersoalkan keikhlasan kerajaan mengenai RCI berhubung penyelesaian masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah serta kedaulatan negeri itu.

Saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah kerajaan masih bersungguh-sungguh terhadap RCI dan TOR dan bukan hanya sekadar satu gimik pilihan raya sahaja kerana masa depan Sabah terletak di RCI. Kaji selidik yang dijalankan oleh peninjau pendapat bebas pusat merdeka menunjukkan bahawa 88% pengundi dari kawasan bandar Kota Kinabalu dan pinggir bandar Penampang mahu RCI berhubung PATI di Sabah. Itu adalah satu petunjuk yang jelas suara Sabah. Rakyat Sabah layak dan menuntut ingin tahu bilakah kerajaan akan menubuhkan panel RCI itu. Rakyat Malaysia di Sabah inginkan panel RCI seharusnya meliputi pemimpin-pemimpin Sabah yang boleh dipercayai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab ucapan penangguhan ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, hakikat kesediaan kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat masalah pendatang asing di Sabah membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menangani masalah di Sabah ini. Justeru Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat masalah pendatang asing di Sabah pada 8 Februari 2012. Berikutan daripada itu kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma-terma rujukan suruhanjaya siasatan tersebut dan sekarang ini terma-terma rujukan ini di peringkat akhir penggubalan.

Antara tujuan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini adalah untuk memastikan masalah pendatang asing di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif. Maka terma-terma rujukan bagi suruhanjaya ini tidak wajar ditentukan secara terburu-buru dan perlulah menyeluruh. Terma-terma rujukan akan juga meliputi isu pemberian kewarganegaraan kepada warga asing di Sabah. Anggota suruhanjaya ini pula akan dipilih daripada kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman yang mendalam berhubung dengan masalah pendatang asing di Sabah. Ini adalah untuk memastikan siasatan dibuat dengan menyeluruh dan syor-syor yang dikemukakan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, tidak timbul isu bahawa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini suatu gimik pilihan raya. Sekian, terima kasih.

Polis Gerakan Marin dan Polis Gerakan Am

7.39 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, Polis Gerakan Marin merupakan satu cabang Polis Diraja Malaysia yang penuh dengan sejarah sepanjang penubuhannya lebih 60 tahun lepas. Kejayaannya menjaga pengairan negara terutama perairan Sabah daripada serangan lanun bersenjata tidak akan dapat dinafikan dan seharusnya tidak dibiarkan tenggelam dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

■1940

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakam penghargaan kepada seluruh anggota Polis Gerakan Marin (PGM). Kini, APMM telah mengambil alih penugasan dan aset PGM termasuk anggota-anggotanya juga diberikan opsyen sama ada terus kekal bersama PDRM atau diserap ke dalam APMM. PGM hanya dibenarkan untuk menjaga kawasan pesisir pantai dalam lingkungan 12 batu nautika sahaja, sungai-sungai dan tasik-tasik.

Melihat dari sudut perundangan, PDRM masih tetap diberikan kuasa untuk melaksanakan semua tugas kepolisan di seluruh wilayah dan pada bila-bila masa ianya diperlukan. Jadi, seharusnya PGM ini dikekalkan sebagai sebuah agensi penguatkuasaan keselamatan perairan negara. Dengan sejarah yang membuktikan kecekalan dan keupayaan anggota PGM untuk membanteras kegiatan jenayah di perairan negara.

Daripada penyelidikan yang saya dapat, kelihatan ramai anggota PGM tidak bersetuju dengan pengambilalihan aset dan penugasan PGM oleh APMM. Bagaimana APMM sebagai sebuah badan penguatkuasaan yang berasaskan penugasan tentera laut yang baru sahaja ditubuhkan wajar mengambil alih penugasan dan aset pasukan Polis Gerakan Marin yang telah wujud sejak 1947.

Selain itu, Pasukan Polis Gerakan AM (PGA) yang dahulunya dikenali sebagai Polis Hutan juga dilihat tidak mempunyai skop tugas yang jelas. Ada kalangan anggota PGA di Bakri yang telah datang berjumpa dengan saya mengadu pada hari biasa, mereka sering dipanggil untuk melakukan tugas-tugas komuniti seperti gotong-royong. Sedangkan mereka adalah sepasukan anggota polis yang terlatih yang seharusnya diberikan lebih banyak tugas dalam usaha mengekang aktiviti jenayah. Pasukan separa tentera ini mempunyai kemahiran dalam mengawal aktiviti jenayah di kawasan pedalaman dan hutan tebal serta membantu dalam pengawalan sempadan negara.

Seharusnya, dalam keadaan dunia yang semakin berteknologi ini dan kelicikan penjenayah, pasukan-pasukan PDRM seperti Pasukan Gerakan Marin dan Pasukan Gerakan Am terus diberikan penugasan dan dilengkapi dengan aset-aset yang lengkap dan berteknologi agar manfaat daripada anggota terlatih dapat digunakan sepenuhnya dalam menjaga keselamatan sempadan dan perairan negara. Sekian, terima kasih.

7.44 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Bakri berkenaan fungsi dan peranan pasukan Gerakan Marin dan Polis Gerakan Am yang wujud di negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pasukan Gerakan Marin (PGM) ditubuhkan seawal 1 September 1947 dan merupakan salah satu entiti di bawah pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertanggungjawab secara khusus melaksanakan tugas-tugas kepolisan di perairan wilayah negara atau *territorial sea*. Selaras dengan keperluan semasa dan penstrukturan semula PGM setelah sebahagian aset diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sejak 17 Januari tahun ini. PGM kini dikenali dengan nama Pasukan Polis Marin atau ringkasannya PPM. Pendekatan ini diambil bersesuaian dengan nama dan panji-panji yang dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 15 November 1997 di samping peranan dan fungsi polis Marin dalam tugas-tugas mengesan dan mencegah jenayah di kawasan daratan pesisiran pantai dan mencegah jenayah di kawasan perairan negara tidak lebih 12 batu nautika sahaja.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pula merupakan sebuah jabatan yang ditubuhkan secara rasmi pada 21 Mac 2006 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Akta APMM 2004, Akta 633 - bidang kuasa APMM hanya terhad di kawasan Zon Maritim Malaysia dan tidak mempunyai peruntukan untuk bidang kuasa penugasan di daratan. Fungsi utama APMM adalah penguatkuasaan undang-undang maritim serta tugas mencari dan menyelamat SAR di zon Maritim Malaysia. Manakala fungsi PPM tidak terhad di perairan wilayah negara sahaja, malahan turut melaksanakan tugas-tugas kepolisan seperti di daratan kawasan pesisir pantai, pulau-pulau, sungai-sungai dan tasik-tasik di samping membantu APMM dalam penguatkuasaan undang-undang Maritim dan tugas-tugas SAR. PPM juga melaksanakan tugas-tugas pencegahan jenayah dan kawalan keselamatan di pesisiran pantai dan pulau-pulau terutama sekali di kawasan yang menjadi tarikan pelancongan, kawasan tasik dan sungai. Kes-kes jenayah yang berlaku di kawasan perairan laut wilayah, pulau-pulau wilayah negara, kawasan pesisiran pantai, sungai-sungai serta tasik akan disiasat oleh pegawai penyiasat dari PPM yang terlatih sejajar dengan kepakaran yang mereka miliki. Selain itu, PDRM turut menubuhkan Unit Gempur Marin yang akan ditugaskan sebagai *first responder* dalam menangani jenayah dan keganasan maritim di kawasan perairan negara. Bagi situasi keganasan Maritim yang lebih kompleks, pegawai dan anggota unit Gempur Marin akan bergabung dengan Pasukan Gerakan Khas PDRM.

Peranan untuk mengawal keselamatan perairan negara adalah tidak wajar dijalankan oleh satu pihak sahaja. Ia memerlukan kerjasama dan penglibatan daripada pelbagai pihak yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kewujudan pelbagai agensi maritim di negara kita boleh dilihat sebagai *check and balance*, dengan izin, serta saling melengkapi antara satu sama lain. Kita harus mengambil contoh daripada kebanyakan negara

maju seperti Jepun yang mempunyai pasukan Coast Guard yang unggul namun masih mempunyai agensi Maritim yang lain seperti Polis Marin, Kastam dan Perikanan bagi menjalankan tugas-tugas khusus agensi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu Pasukan Gerakan Am (PGA) pula, saya ingin menegaskan di sini bahawa ia masih relevan ada merupakan salah satu komponen penting dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ini jelas berdasarkan kepada arahan Ketua Polis Negara III, yang mana menjelaskan fungsi pasukan tersebut khasnya dalam menghadapi dan membanteras sebarang ancaman terhadap keselamatan negara akibat daripada pemberontakan, keganasan, pengkhianatan dan kekacauan awam. PGA juga ditugaskan untuk meronda wilayah-wilayah terpencil di perbatasan dan pesisiran pantai serta memberi khidmat kepolisan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman.

Selain itu, PGA juga diberikan tanggungjawab untuk memberi bantuan kepada formasi-formasi polis lain dalam mengekalkan undang-undang dan keselamatan ketika bencana. Akhir sekali, PGA juga berperanan sebagai sebuah pasukan separa militari yang dilatih dan dilengkapi dengan peralatan secukupnya untuk membantu Angkatan Tentera Malaysia dalam masa perang yang tertakluk di bawah seksyen 7(1), Akta Polis 1967. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, Selasa, 19 Jun 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.52 malam.